

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

2025

HARI ISNIN : 3 MAC 2025

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 2, NO. 11 HINGGA NO. 101)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah strategik untuk mengintegrasikan industri bahan mentah dengan sektor pemprosesan dan pembuatan, selaras dengan usaha memperkuuh dan memajukan industri seperti sektor semikonduktor sebagai salah satu teras utama ekonomi berteknologi tinggi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) giat melaksanakan dasar baharu pembangunan industri negara yang turut mengambil kira strategi untuk mengintegrasikan industri bahan mentah dan sektor perkilangan melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Strategi Pelaburan Hijau (GIS) dan Strategi Semikonduktor Nasional (*National Semiconductor Strategy - NSS*). Berpandukan kepada dasar-dasar ini, MITI melalui MIDA mengutamakan pelaburan berkualiti yang meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi untuk rakyat, memperluaskan rangkaian domestik, membangunkan kluster ekonomi baharu dan sedia ada; mempertingkatkan keterangkuman dan inklusiviti; serta menyokong agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Dasar-dasar ini akan menjadi pemangkin untuk memperkuuh dan memajukan industri termasuklah sektor semikonduktor sebagai salah satu teras utama ekonomi negara.
2. NSS merupakan pendekatan komprehensif yang direka untuk meletakkan Malaysia sebagai peneraju global dalam industri semikonduktor dengan menarik pelaburan bernilai tinggi dan meningkatkan nilai eksport. Selain itu, NSS juga menekankan pembangunan infrastruktur bertaraf dunia, seperti taman industri semikonduktor khusus, kemudahan fabrikasi wafer, dan hab penyelidikan. Perkembangan ini secara langsung meningkatkan daya saing dan keupayaan industri semikonduktor di Malaysia, khususnya dalam aktiviti front-end seperti reka bentuk litar bersepadu, fabrikasi wafer dan teknologi pembungkusan termaju. Dengan mengukuhkan ekosistem semikonduktor melalui pelaburan berteknologi tinggi, Malaysia berupaya meningkatkan nilai eksport dengan mengeksport produk semikonduktor termaju yang penting untuk pelbagai industri seperti elektronik, automotif, dan telekomunikasi.
3. Selain sektor semikonduktor, Kerajaan turut memberikan tumpuan kepada pembangunan industri Unsur Nadir Bumi (*Rare Earth Elements*-

REE) yang juga merupakan sektor keutamaan yang dikenal pasti di bawah NIMP 2030. Sektor REE berpotensi besar untuk diintegrasikan daripada pemprosesan bahan mentah di peringkat hulu sehingga hiliran bagi menghasilkan bahan pertengahan (*intermediate*) dan keluaran siap.

4. Bagi memastikan pembangunan menyeluruh rantaian nilai industri REE, Kerajaan memberikan tumpuan kepada pembangunan ekosistem industri yang lebih holistik dan bersepadu. Sehubungan itu, sebuah Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan pada November 2024 bagi membincangkan isu-isu serta menetapkan hala tuju pembangunan industri REE di Malaysia. Jawatankuasa ini berperanan dalam aspek pelaburan, teknologi, insentif, serta penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, dan inovasi (R&D&C&I).
5. Selain itu, Kerajaan juga mengambil langkah strategik bagi menghubungkan syarikat tempatan dalam rantaian nilai industri REE, serta menghubungkan pihak berkepentingan, khususnya syarikat besar yang berpotensi dalam membangunkan industri REE di dalam negara.
6. Pada masa yang sama, Kerajaan juga turut menggalakkan aktiviti pelaburan dengan menawarkan insentif bagi mengenal pasti syarikat-syarikat pelabur yang berpotensi dalam teknologi pemprosesan pertengahan sehingga kepada aktiviti pengilangan produk hiliran seperti super magnet dan komponen elektronik (mikrocip). Kerjasama antara industri, universiti, dan penyelidik juga akan diperkuatkan bagi merangsang inovasi dalam penghasilan mikrocip dan teknologi berdasarkan bahan-bahan kritikal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah bilangan kenderaan persendirian dan motosikal yang bergerak di lebuh raya Malaysia terutama pada musim perayaan pada tahun 2023 dan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengkelasan kenderaan yang menggunakan lebuh raya (kecuali Jambatan Pulau Pinang) dibuat berdasarkan bilangan roda dan gandar seperti berikut:

Kelas Kenderaan	Keterangan
Kelas 1	Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (kecuali teksi dan bas)
Kelas 2	Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (kecuali bas)
Kelas 3	Kenderaan yang mempunyai tiga atau lebih gandar (kecuali bas)
Kelas 4	Teksi
Kelas 5	Bas

Berdasarkan data yang direkodkan, jumlah kenderaan kelas 1 (iaitu kenderaan yang mempunyai 2 gandar dan 3 atau 4 roda (tidak termasuk teksi dan bas)) yang menggunakan lebuh raya bertol di seluruh Malaysia semasa perayaan tahun 2023 adalah sebanyak 109 juta kenderaan. Jumlah ini adalah berdasarkan statistik kenderaan yang menggunakan lebuh raya yang direkodkan bagi tempoh 6 hari setiap 4 perayaan utama tahun 2023 iaitu perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Hari Krismas di mana pertambahan pergerakan kenderaan bermula pada hari sebelum dan hari selepas perayaan.

Manakala pada tahun 2024 adalah sebanyak 118 juta kenderaan direkodkan menggunakan lebuh raya yang direkodkan bagi tempoh 6 hari setiap perayaan utama tahun 2024 iaitu perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Hari Krismas.

NO SOALAN : 11

Bagi perayaan Tahun Baru Cina 2025 sebanyak 27 juta kenderaan telah direkodkan menggunakan lebuh raya mulai 27 Januari 2025 sehingga 1 Februari 2025. Selain daripada pulang ke kampung halaman, peningkatan trafik juga didorong oleh faktor rakyat Malaysia mengambil peluang untuk bercuti ke destinasi pelancongan dalam negara memandangkan tempoh cuti perayaan tersebut adalah serentak dengan cuti persekolahan.

Semenjak kutipan tol bagi motosikal di Jambatan Pulau Pinang (JPP), Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (JSAHMS) dan Plaza Tol Tanjung Kupang, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia – Singapura (LINKEDUA) dimansuhkan mulai 1 Januari 2019, tiada lagi rekod jumlah pengguna motosikal yang menggunakan lebuh raya pada musim perayaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :

- a. kriteria bagi seseorang pemain bola sepak dari negeri asing untuk layak dinaturalisasikan sebagai warganegara Malaysia
- b. garis panduan atau peraturan yang digunakan, termasuk syarat-syarat seperti tempoh pemastautinan, sumbangan kepada negara, kelayakan di bawah undang-undang, dan keperluan lain yang berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah menghentikan program naturalisasi pemain di peringkat kebangsaan buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, kelab bola sepak yang bernaung di bawah Malaysia Football League (MFL) masih boleh meneruskan program ini mengikut langkah dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

Secara umumnya, kriteria bagi pemilihan pemain naturalisasi adalah pemain telah beraksi di liga kebangsaan tidak kurang daripada 5 tahun secara berturut-turut di bawah gabungan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) sejak berumur 18 tahun dan tidak pernah mewakili negara lain di peringkat *senior*.

Manakala syarat atau ketetapan naturalisasi bagi seseorang individu adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan sedia ada yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan usaha penambahbaikan Kementerian terhadap Fasa 2 JENDELA termasuk strategi bagi jajaran *backhaul* gentian optik di kawasan luar bandar bagi membolehkan penduduk mendapat liputan akses perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi serta memastikan pulangan pelaburan yang sewajarnya khusus di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang merangka solusi penyediaan perkhidmatan internet bagi kawasan berpenduduk yang masih belum mendapat perkhidmatan internet melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 2.

Berhubung dengan usaha dan strategi penambahbaikan teknologi yang akan digunakan bagi pelaksanaan JENDELA Fasa 2 ini dijangka akan melibatkan *fit for purpose solution* yang merangkumi pembinaan menara baharu dan juga penyediaan jalur lebar menggunakan teknologi satelit. MCMC juga sedang meneliti perkembangan teknologi baharu termasuk *direct to device* yang menggunakan teknologi satelit iaitu *Low Earth Orbit* (LEO) bagi penyediaan perkhidmatan internet yang boleh memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar dan kawasan pedalaman. Lokasi awal kawasan sasaran pelaksanaan buat masa ini masih lagi sedang dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang menjadi cabaran dalam pelaksanaan JENDELA Fasa 2. Antaranya adalah faktor bentuk muka bumi dan kedudukan geografi seperti di kawasan berbukit-bukau menyukarkan untuk mendapatkan atau *Line of Sight (LOS)* dan jajaran *backhaul* gentian optik. Selain itu, taburan penduduk yang berselerak dengan kepadatan rendah, serta tiadanya infrastruktur asas seperti jalan yang berturap dan bekalan elektrik yang stabil turut menjadi cabaran dalam perancangan pembangunan infrastruktur di sesuatu kawasan.

Perancangan untuk pelan JENDELA Fasa 2 memerlukan penilaian dan pertimbangan kaedah pemberian perkhidmatan yang sesuai (*fit for purpose solution*) serta keupayaan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat untuk membayai perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi projek ini. Oleh yang demikian, tempoh masa yang munasabah diperlukan bagi merangka solusi yang sesuai demi menyediakan perkhidmatan yang

lebih baik.

MCMC sentiasa memberi tumpuan kepada usaha penambahbaikan infrastruktur komunikasi serta penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi bagi mengatasi masalah jaringan internet. Ini adalah bagi membolehkan rakyat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh di kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sebarang rancangan dalam masa terdekat untuk mereplikasi Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ) di kawasan sempadan antarabangsa Malaysia dengan Selatan Thailand dan Kalimantan, Indonesia sebagai pemangkin pertumbuhan lestari baharu menerusi pelaburan asing dan domestik serta pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Ekonomi tiada halangan untuk meneliti dan meneroka cadangan mewujudkan SEZ di kawasan sempadan antarabangsa Malaysia dengan Kalimantan, Indonesia pada masa hadapan khususnya melalui platform Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA). Buat masa ini tiada sebarang cadangan dan perbincangan untuk mewujudkan SEZ di kawasan sempadan antarabangsa Malaysia dengan Kalimantan, Indonesia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jika terdapat perancangan untuk menaikkan elauan ketua kampung berserta faedah lain seperti potongan caruman KWSP seiring dengan peningkatan kos semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bayaran elaun kepada anggota Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) adalah merupakan bentuk saguhati sebagai mengiktiraf sumbangan dan penglibatan mereka dalam aktiviti membangunkan masyarakat setempat di dalam kawasan tanggung jawab masing-masing. Mengambil kira pelaksanaan tugas dan peranan yang dimainkan oleh anggota JPKK dan JPKKP yang secara prinsipnya melaksanakan kerja secara sukarela dan bukan bersifat tetap, maka tidak timbul keperluan untuk pihak Kerajaan melaksanakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada mereka.

Pada masa ini, Kementerian tidak merancang untuk menyemak semula kadar elaun sedia ada kepada kadar yang lebih tinggi mengambil kirakekangan semasa kewangan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, bagi pelaksanaan JPKK yang dibuat secara bersama dengan Kerajaan Negeri, Kementerian ini amat menggalakkan inisiatif daripada pihak Kerajaan Negeri untuk menambah jumlah elaun bulanan bagi peruntukan tahunan yang telah diperuntukkan oleh pihak Kementerian ini selain daripada memperkenalkan pelbagai bentuk skim bantuan kebajikan kepada anggota JPKK yang dilantik oleh pihak mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan statistik kemalangan di Lebuhraya Pan Borneo (LPB) sepanjang tahun 2024 dan apakah terdapat rancangan untuk menambah baik keselamatan di sepanjang jajaran LPB dengan menambah lampu jalan serta *rumble strips* terutama sebelum kawasan persimpangan dan *p-turn*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menambahbaik secara berperingkat jaringan infrastruktur jalan raya di Sarawak. Sehingga Disember 2024, status kemajuan Fasa 1 bermula dari Telok Melano ke Miri sepanjang 786 km adalah 99% siap dan dijangka siap sepenuhnya pada suku ketiga tahun 2025. Namun bagi Pakej Kerja 11 di Miri, ianya hanya akan dapat disiapkan pada suku keempat tahun 2027, kerana kerja-kerja reka bentuk semula perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Pemasangan lampu jalan di sepanjang LPB Sarawak telah dibuat di pusingan P, simpang-simpang utama, jejambat dan kawasan berkepadatan penduduk yang tinggi, selaras dengan saranan Audit Keselamatan Jalan (*Road Safety Audit*). Bagi kawasan yang tiada lampu jalan, pemantul cahaya (*light reflector*) dan penghadang jalan (*guard rail*) telah dipasang di sepanjang LPB Sarawak. Bagi cadangan pemasangan *rumble strips* di kawasan persimpangan dan P-turn, Audit Keselamatan Jalan (*Road Safety Audit*) perlu diadakan terlebih dahulu bagi mengkaji dan menilai kesesuaianya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik kemalangan yang berlaku di sepanjang LPB Sarawak menunjukkan sebanyak 1,459 kes kemalangan direkodkan sehingga Ogos 2024.

Kerajaan Persekutuan telah berusaha untuk menyediakan rangkaian jalan raya yang efisien dengan kualiti yang terbaik untuk keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya yang optimum, peranan semua pihak termasuk pengguna jalan raya adalah penting supaya kita sama-sama memahami dan dapat mematuhi peraturan jalan raya di samping memastikan gaya pemanduan yang berhemah dan sentiasa siap siaga kepada sebarang situasi yang tidak diingini.

Sekian. terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status perkembangan terkini pelaksanaan Kertas Putih Kesihatan khususnya berkenaan dasar Kerajaan dalam mengawal kos rawatan di hospital dan klinik swasta, termasuk kos vaksin kanak-kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada YB Jerantut atas perhatian berkenaan perkembangan pelaksanaan Kertas Putih Kesihatan, khususnya mengenai dasar Kerajaan dalam mengawal kos rawatan di hospital dan klinik swasta.
2. Untuk makluman YB Jerantut, KKM sedang giat merancang pelaksanaan pelbagai inisiatif transformasi kesihatan berdasarkan tonggak dan strategi dalam Kertas Putih Kesihatan termasuk pembiayaan kesihatan. Dalam usaha untuk mengawal kos rawatan di hospital dan klinik swasta termasuk kos vaksin, KKM telah melaksanakan pelbagai langkah strategik iaitu:

- a. Inisiatif Pertama: Pembangunan Produk Insurans/Takaful Kesihatan Swasta Asas

Dalam beberapa bulan ini, KKM dan agensi berkenaan sedang giat meneroka pembangunan satu set produk insurans/takaful kesihatan swasta asas yang diseragamkan dan mengambil kira amalan terbaik antarabangsa ke arah harga yang lebih mampan dan mudah milik, perlindungan mudah capai sepanjang hayat, dan pemindahan polisi yang lebih mudah antara syarikat insurans/pengendali takaful. Produk ini akan berlandaskan paradigma penjagaan kesihatan berdasarkan nilai ("value-based healthcare") dengan langkah-langkah pengawalan kos yang dipertingkatkan untuk perkhidmatan kesihatan yang dilindungi. Dengan memperkuuh mudah milik perkhidmatan kesihatan swasta dan insurans/takaful kesihatan swasta, usaha ini turut bertujuan menggalakkan pesakit untuk mendapatkan rawatan di sektor swasta.

- b. Inisiatif Kedua: Penjagaan Kesihatan Berasaskan Nilai (Value-Based Healthcare)

KKM sedang memperkenalkan (termasuk meneliti kesesuaian perundangan dan kawal selia yang berkaitan) sistem penjagaan kesihatan berdasarkan nilai (value-based healthcare) seperti Diagnosis Related Groups (DRG) berbanding bayaran untuk perkhidmatan (fee for service). Sistem ini akan menentukan bayaran berdasarkan diagnosis dan rawatan yang diperlukan, bukan berdasarkan bilangan prosedur yang dilakukan. Pendekatan ini menggalakkan hospital swasta untuk memberi rawatan yang lebih berkesan dan mengelakkan prosedur yang tidak perlu,

seterusnya membantu mengurangkan kos. Peralihan kepada penjagaan kesihatan berasaskan nilai merupakan agenda transformasi yang besar dan menyeluruh. Pelaksanaannya perlu dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan kelancaran proses serta mengelakkan sebarang implikasi yang tidak diingini.

c. Inisiatif Ketiga: Program Rakan KKM

KKM akan menawarkan perkhidmatan 'ekonomi premium' di hospital awam terpilih. Program ini akan bertindak sebagai penanda aras harga dalam pasaran (benchmark competition), di mana perkhidmatan berkualiti tinggi ditawarkan pada harga yang berpatutan. Sebagai contoh, jika hospital awam mampu menawarkan pembedahan jantung pada kos yang lebih rendah tetapi dengan kualiti yang setanding, langkah ini akan mendorong sektor swasta untuk menyemak semula struktur harga mereka. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan tekanan inflasi perubatan.

d. Inisiatif Keempat: Penyumberluaran Perkhidmatan Hospital (Hospital Services Outsourcing)

Melalui penyumberluaran perkhidmatan, KKM telah membuktikan keberkesanan pembelian strategik, di mana hospital swasta menawarkan harga lebih rendah berbanding kadar pasaran. KKM merancang untuk memperluaskan pendekatan ini ke lebih banyak perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dengan kos yang lebih rendah untuk memberi manfaat kepada lebih ramai rakyat.

e. Inisiatif Kelima: Ketelusan Harga (Price Transparency)

KKM sedang melaksanakan inisiatif ketelusan harga dalam sektor penjagaan kesihatan swasta melalui sistem pemaparan harga yang komprehensif. Inisiatif yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 8 Januari 2025 ini akan membolehkan rakyat membuat keputusan termaklum (informed decision) yang lebih tepat tentang perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan. Melalui sistem pemaparan harga ini, setiap hospital dan klinik swasta akan memaparkan harga ubat-ubatan termasuk vaksin dan perkhidmatan mereka dengan jelas. Pendekatan telus ini bukan sahaja membolehkan rakyat membandingkan kos dan membuat pilihan berdasarkan kemampuan mereka, tetapi juga akan mendorong persaingan yang sihat dalam pasaran kesihatan. Ini seterusnya akan menyumbang kepada pengawalan kos perubatan dan memastikan perkhidmatan kesihatan swasta kekal mampu milik untuk semua lapisan masyarakat.

3. KKM berusaha untuk memastikan langkah-langkah yang diambil bersifat inklusif, efektif, dan mampan. Transformasi sistem kesihatan adalah satu proses yang berterusan, dan KKM akan terus memantau serta menyesuaikan strategi berdasarkan keperluan semasa dan masa depan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- a. bagaimana Kementerian melalui majlis perbandaran tempatan mempunyai perancangan rehabilitasi dan menebus guna tapak pelupusan sampah (*landfills*) di mana pencemaran berlaku dan jumlah sampah pepejal semakin meningkat

- b. adakah pihak KPKT melihat kepada alternatif lain seperti mengadakan insinerator.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited memastikan **pengurusan sisa pepejal** dilaksanakan secara **holistik** meliputi **perancangan, kutipan, rawatan dan pelupusan**. Ia merupakan salah satu komitmen yang selaras dengan Aspirasi Malaysia MADANI yang berkait dengan tonggak kemampanan dan kesejahteraan.

KPKT telah membangunkan **Dasar Kebersihan Negara (DKN)** sebagai rujukan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mewujudkan persekitaran yang bersih melalui pembangunan kemudahan dan rawatan sisa pepejal secara efisyen, bersepadu dan seiring dengan perkembangan teknologi. Bagi negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan pembersihan Awam 2007 [Akta 672], perancangan kemudahan pengurusan sisa pepejal di seluruh negara dilaksanakan oleh agensi teknikal di bawah KPKT iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN).

Sehingga bulan **Februari 2025**, KPKT telah melaksanakan **24 projek rehabilitasi** seperti **penutupan selamat tapak-tapak pelupusan yang tidak lagi beroperasi** bagi mengurangkan impak kesihatan serta mengurangkan risiko kebakaran dan pencemaran. Sebagai contoh di Negeri Johor, JPSPN telah **membina taman rekreasi lestari (Lestari Park) di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bandar Tenggara, Johor** yang telah ditutup selamat. Mengambil kira lokasi yang bersesuaian dan berhampiran dengan penduduk setempat, pembinaan taman rekreasi lestari ini dapat membantu untuk meningkatkan kesedaran berkaitan pengurusan sisa pepejal yang lestari kepada penduduk setempat. Selain itu, inisiatif ini turut meningkatkan tahap guna tanah sedia ada dan memberi nilai tambah kepada pembangunan kawasan sekitar.

Manakala, bagi negeri-negeri lain yang tidak menerima pakai Akta 672, pihak Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT boleh membangunkan garis panduan di peringkat negeri atau PBT dan perlu mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) atau platform seumpama sebelum dikuat kuasa untuk diguna pakai. Pelan tindakan yang disenaraikan dalam DKN juga sewajarnya dijadikan panduan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di peringkat PBT.

Selari dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk memperkuuh pengurusan sisa, KPKT sedang dalam usaha membangunkan **kemudahan pengurusan sisa pepejal bersepadu**. Kemudahan ini akan menyokong model pengurusan sisa yang lebih mampan bagi **mengurangkan jumlah sisa ke tapak pelupusan**. KPKT dengan **kerjasama Kementerian Alam Sekitar, Jepun (MOEJ)** juga telah membangunkan **Garis Panduan Pemilihan Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia** sebagai panduan dan rujukan kepada agensi Kerajaan dan pihak terlibat bagi pemilihan teknologi pengurusan sisa pepejal yang sesuai untuk digunakan di Malaysia.

Bagi perancangan pembinaan kemudahan rawatan pengurusan sisa pepejal pula, KPKT melalui JPSPN sedang **mempertimbangkan teknologi terbaik, kos efektif dan lestari untuk digunakan dalam membangunkan projek Loji Waste to Energy (WtE) atau ‘Sisa kepada Tenaga’**. Loji WtE merupakan salah satu kaedah merawat sisa pepejal dan pada masa yang sama menjana tenaga boleh baharu. Cadangan teknologi **tidak terhad kepada teknologi insinerator (thermal)** sahaja tetapi boleh menggunakan teknologi-teknologi lain (*non-thermal*) yang bersesuaian seperti **Anaerobic Digester (AD) dan Mechanical and Biological Treatment (MBT)**. Pada masa kini, JPSPN sedang mengoperasikan sebuah loji WtE di Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan yang mempunyai kemudahan pengasingan sisa pepejal termasuk pengasingan sisa makanan basah daripada sisa pepejal lain. Walau bagaimanapun, hanya teknologi insinerator digunakan secara meluas di dalam pengurusan sisa pepejal kerana ianya telah terbukti berkesan dan banyak digunakan di negara-negara maju seperti China, Jepun, Singapura dan Eropah.

NO SOALAN : 18

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bilakah masalah wifi atau internet yang sangat perlahan di Labuan dapat diselesaikan dan bila perancangan untuk menaik taraf kemudahan tersebut dapat dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) komited dalam menambah baik perkhidmatan komunikasi dan internet bagi mengatasi masalah internet di Parlimen Labuan.

Sejak tahun 2022 sehingga 31 Disember 2024, terdapat terdapat 21 aduan perkhidmatan jalur lebar berwayar dan 349 perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar telah dikemukakan oleh pelanggan kepada pihak pemberi perkhidmatan di Wilayah Persekutuan Labuan kepada MCMC yang merangkumi kelajuan internet dan gangguan perkhidmatan di mana kesemua aduan ini telah diselesaikan oleh pemberi perkhidmatan.

Selain itu, MCMC juga menjalankan audit kualiti secara berkala di seluruh negara termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan bagi memastikan pematuhan berterusan oleh pemberi perkhidmatan terhadap Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) Akses Jalur Lebar Berwayar yang telah ditetapkan. Setakat 31 Disember 2024, sebanyak enam premis telah diaudit dan kesemua enam daripadanya melibatkan perkhidmatan yang disediakan oleh TM Unifi. Kesemua hasil audit mendapati pemberi perkhidmatan telah mematuhi Standard Mandatori yang ditetapkan.

Secara umumnya, terdapat beberapa faktor yang boleh menyumbang kepada isyarat Wifi yang perlahan, antaranya peralatan *Customer Premises Equipment* (CPE) seperti Wifi *router* yang tidak menggunakan teknologi Wifi terkini, ketiadaan *mesh* Wifi untuk kediaman yang besar, kedudukan Wifi router yang tidak strategik serta kedudukan Wifi *router* diletakkan bersebelahan dengan peralatan tanpa wayar seperti ketuhar gelombang mikro.

Oleh yang demikian, diharap Ahli Yang Berhormat dapat memberikan maklum balas spesifik kawasan yang mengalami masalah Wifi dan internet bagi membolehkan MCMC bersama pemberi perkhidmatan menyiasat semua aduan yang diterima bagi memberi jalan penyelesaian yang terbaik. Sebarang aduan juga boleh disalurkan terus kepada pemberi

NO SOALAN : 19

perkhidmatan atau portal aduan MCMC menerusi pautan laman sesawang di <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD
DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan kempen 'War on Sugar' sedangkan kini banyak tapak jualan produk makanan viral yang tinggi gula dibanjiri pengunjung tatkala Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023 menunjukkan kadar berat badan berlebihan dan obesiti kalangan rakyat Malaysia meningkat ke 54.5 peratus (2023).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi soalan yang membangkitkan isu mengenai keberkesanan kempen 'War on Sugar'. Inisiatif 'War on Sugar' telah dibentang dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Ogos 2024. Dalam hal ini, Majlis Pelancaran 'Kempen Perangi Gula' oleh YAB Perdana Menteri telah diadakan pada 8 September 2024 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Keberkesanan pelaksanaan kempen dijangka dapat dilihat melalui hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) yang akan datang.
2. Kesemua aktiviti dan inisiatif ke arah memerangi pengambilan gula yang berlebihan dalam kalangan rakyat Malaysia telah disenaraikan dalam Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Kalangan Rakyat Malaysia 2024-2030. Pelan ini mengandungi enam (6) strategi utama sebagai teras dengan 38 inisiatif dan 65 aktiviti yang melibatkan kerjasama aktif pelbagai pihak termasuk kementerian, agensi swasta, NGO serta pihak industri.
3. Bagi memastikan keberkesanan dapat dilihat dalam jangka masa pendek, Kementerian Kesihatan menumpukan kepada tiga (3) inisiatif utama iaitu melalui penggunaan platform media baharu dan konvensional, penglibatan kepenggunaan serta kolaborasi 'public-private partnership' (PPP) dalam Fasa Pertama ini iaitu tahun 2025-2026.
4. Sehingga Januari 2025, sebanyak 30.7% daripada keseluruhan aktiviti yang dirancang di dalam Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Kalangan Rakyat Malaysia 2024-2030 telah dilaksanakan. Aktiviti ini akan terus diperkuuh pada tahun ini termasuk penjualan makanan viral yang tinggi gula.
5. Justeru, komitmen yang diambil oleh kerajaan melalui insiatif 'War on Sugar' dijangka dapat memberi impak dalam memerangi pengambilan gula yang berlebihan dalam kalangan rakyat Malaysia seterusnya membantu mengurangkan prevalen penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD.
YASSIN [PAGOH]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah fungsi penubuhan Pasukan Khas Reformasi Industri Padi dan Beras bagi memastikan kestabilan harga padi dan keterjaminan bekalan padi, serta hasil kajian terutama dari segi semakan struktur harga padi dan beras bagi menjamin kelangsungan industri padi dan beras secara menyeluruh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah merombak strategi dalam menyelesaikan isu berkaitan beras putih tempatan melalui pelaksanaan reformasi menyeluruh dalam industri padi dan beras secara berfasa bermula Oktober 2024. Pelaksanaan reformasi bertujuan untuk meningkatkan daya saing industri, memperkuuh kebijakan pesawah serta menjamin bekalan beras negara melalui langkah-langkah di bawah strategi jangka pendek, sederhana dan panjang.
2. Bagi memastikan langkah reformasi ini mencapai matlamat yang diharatkhan, sebuah pasukan khas telah dibentuk di Kementerian bagi merangka dan melaksanakan langkah-langkah reformasi mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Pasukan ini juga bertanggungjawab melaporkan kemajuan pelaksanaan langkah reformasi ini dari masa ke semasa kepada Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN).
3. Antara agenda yang telah dirangka di bawah Reformasi Industri Padi dan Beras adalah:
 - (i) menamatkan isu konflik kepentingan dalam mengurus dan mengawal selia industri padi dan beras dengan selesaiya pelantikan individu yang berbeza bagi mengetuai Bahagian Pembangunan Industri Padi dan Kawalselia Padi dan Beras di KPKM serta sebagai wakil Kerajaan dalam BERNAS selaras dengan usaha KPKM dalam memantapkan tadbir urus dan tatakelola dalam Kementerian;
 - (ii) menilai keseluruhan Akta 522 untuk disesuaikan dengan proses reformasi yang dilaksanakan oleh Kementerian termasuk mekanisme percampuran beras;
 - (iii) memperkuuh aspek kawal selia dan penguatkuasaan ekosistem agromakanan termasuk dalam industri padi dan beras melalui penubuhan Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 7 Februari 2025; dan

NO SOALAN : 21

- (iv) memperkasa peranan MARDI dalam proses pengenalpastian beras tempatan dan import melalui teknologi pencapjarian DNA yang dapat membantu pihak berkuasa dalam proses pendakwaan di mahkamah, melindungi kepentingan pengguna dan memastikan beras tempatan adalah berkualiti dan tulen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa peratus kawasan penempatan di kawasan luar bandar di Sarawak yang belum dihubungkan dengan sistem jalan yang asas. Apakah perancangan Kementerian untuk memastikan kawasan luar bandar juga mempunyai sistem jalan yang mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini mempunyai beberapa program bagi meningkatkan liputan jalan perhubungan di kawasan luar bandar yang melibatkan projek jalan dan jambatan. Program-program tersebut adalah Program Jalan Luar bandar, Program Jalan Perhubungan Desa dan Program Jambatan Luar Bandar.

Projek-projek yang diluluskan di bawah program-program ini adalah berdasarkan perancangan jalan raya dan permohonan Kerajaan Negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini untuk diangkat di bawah setiap *Rolling Plan* kepada Kementerian Ekonomi.

Berdasarkan hasil semakan Kementerian dengan JKR Sarawak, peratus jalan raya yang masih belum mempunyai sistem jalan raya asas di Sarawak adalah sebanyak 21.34%. Peratusan ini adalah berdasarkan taburan kawasan penempatan sedia ada di seluruh Sarawak yang dicerap sehingga tahun 2024 melalui kajian Sarawak Rural Road Connectivity (SRRC)

Dalam usaha Kementerian membantu Kerajaan Sarawak meningkatkan sistem jalan raya asas khususnya di luar bandar, pada tahun 2025, sebanyak 98 projek jalan luar bandar dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM9.04 billion telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi. Manakala, di bawah program Jambatan Luar Bandar, sebanyak 42 projek telah diluluskan untuk Sarawak melibatkan kos projek berjumlah RM239 juta.

Kementerian ini bersama agensi pelaksana projek iaitu JKR dan JPS Sarawak sentiasa bekerjasama bagi memastikan pelaksanaan projek jalan dan jambatan luar bandar yang telah diluluskan ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan agar manfaatnya dapat segera dinikmati oleh penduduk desa di Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI
(BERSARA) [TANJONG KARANG]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah projek perumahan mampu milik yang telah siap pada tahun 2024 dan apakah sasaran KPKT untuk 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa fokus dan komited untuk memastikan setiap rakyat mendapat **akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki** sama ada melalui **pemilikan mahupun sewaan** seperti yang sejajar dengan aspirasi Dasar Perumahan Negara.

Dalam hal ini, KPKT telah menetapkan sasaran dan melaksanakan program-program perumahan mampu milik seperti berikut:

i. Program Perumahan Rakyat (PPR) atau Program Residensi Rakyat (PRR)

Bagi tahun 2024, KPKT telah menyiapkan **2,056 unit rumah PRR** dan telah mensasarkan penyiapan **2,140 unit rumah PRR** pada tahun 2025.

ii. Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)

Pelaksanaan Program SPNB ini mampu memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah (B40) yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran.

Bagi tahun 2024 sahaja, sebanyak **3,279 unit RMR** telah siap dibina dan daripada jumlah ini sebanyak **83 unit RMR** telah siap dibina dan diserah milik di Negeri Selangor. Bagi Parlimen Tanjung Karang pula, sebanyak **12 unit RMR** telah siap dibina dan diserah milik.

Bagi pelaksanaan projek RMR ini, SPNB telah diperuntukkan sebanyak **RM504 juta** di bawah Belanjawan 2025 yang mensasarkan pelaksanaan sebanyak **5,450 unit RMR di seluruh negara**.

Daripada jumlah tersebut, Negeri Selangor telah diperuntukkan sebanyak RM28.4 juta untuk pelaksanaan sebanyak 350 unit RMR. Sehingga kini SPNB telahpun memulakan pelaksanaan pembinaan RMR di seluruh negara dan jangkaan penyiapan sesebuah unit RMR adalah dalam tempoh 3 bulan.

iii. Kediaman SPNB oleh SPNB

Bagi tahun 2024, sebanyak **satu (1) projek** telah berjaya disiapkan di bawah program Kediaman SPNB melibatkan pembinaan **224 unit rumah** yang berharga bawah RM300,000. Manakala, sebanyak **127 unit rumah** disasarkan siap dibina dalam tahun 2025.

iv. Program Perumahan PR1MA oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Bagi tahun 2024, PR1MA telah berjaya menyiapkan sebanyak **7 projek** yang terdiri daripada **5,924 unit kediaman** dengan memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) di seluruh negara. Manakala bagi tahun 2025 pula, PR1MA mensasarkan penyiapan **7 projek** melibatkan sebanyak **3,328 unit kediaman**.

Dalam hal ini, Kerajaan akan terus berusaha agar rakyat akan menikmati perumahan yang mampu dimiliki dan berkualiti tidak kira di bandar atau luar bandar selaras dengan konsep MADANI yang menekankan prinsip ‘Tiada yang tertinggal’ atau *Leave No One Behind*.

NO SOALAN : 23

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah anak muda Negeri Sembilan yang berjaya dibantu oleh TalentCorp sepanjang tahun 2024 dan apakah perancangan untuk lebih ramai lagi anak muda luar bandar mendapat pekerjaan dalam bidang berkemahiran tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui TalentCorp telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik sepanjang tahun 2024 untuk membantu anak muda Negeri Sembilan meningkatkan peluang pekerjaan dalam bidang berkemahiran tinggi, khususnya bagi anak muda luar bandar.

KESUMA telah memperkenalkan **Insentif Latihan Amali (ILHAM KESUMA)** bertujuan membantu bakat baharu dan merancakkan sektor pekerjaan negara dengan membuka lebih banyak peluang latihan industri kepada bakat muda tempatan. Inisiatif ini merupakan platform untuk syarikat/industri membangunkan saluran bakat mampan melalui latihan industri.

Komponen Utama ILHAM KESUMA adalah:

- i. **Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP)** yang telah dilaksanakan sejak 2012. MySIP bertujuan memastikan graduan yang dikeluarkan sudah sedia industri. Pelatih industri menerima elaun bulanan minimum RM500.00 hingga RM600.00, dan majikan yang berdaftar akan mendapat potongan cukai berganda. Sehingga Disember 2024, 130,914 pelajar telah memanfaatkan MySIP, daripada jumlah tersebut 1,729 adalah terdiri daripada pelajar di Negeri Sembilan;
- ii. Geran Padanan Latihan Industri untuk Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) (LiKES) yang dilancarkan pada 18 Mac 2024. LiKES diperkenalkan bagi menyokong penempatan latihan industri berstruktur dalam PKS dan syarikat baharu. Pada 2024, sebanyak 581 PKS terlibat, dengan 7,751 peluang latihan ditawarkan Daripada jumlah tersebut, termasuk 35 pelajar dalam program ini dan 2 pelajar dari Negeri Sembilan iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); dan
- iii. Disamping itu, KESUMA menerusi TalentCorp telah memperkenalkan **Dasar Latihan Amali 1:3**. Dasar ini mewajibkan syarikat yang menggajikan ekspatriat untuk menyediakan penempatan latihan amali

berstruktur dan berbayar kepada pelajar institusi pengajian tinggi tempatan. Dasar ini akan dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan fasa rintis dari 15 Februari hingga 31 Disember 2025, dan berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2026.

Melalui pelaksanaan dasar ini, dianggarkan 100,000 pelajar tempatan akan mendapat manfaat daripada penempatan latihan amali yang berkualiti setiap tahun. Syarikat yang terlibat juga akan menikmati insentif pelepasan cukai melalui MySIP.

Berikut adalah nisbah atau keperluan penempatan latihan industri berdasarkan kategori Pas Pengajian untuk ekspatriat:

- i. Pas Pengajian I (*EPI - Employment Pass I*) bagi setiap satu (1) kelulusan kategori EP I, syarikat perlu menyediakan **tiga (3) tawaran/penempatan latihan industri**;
- ii. Pas Pengajian II (*EPII - Employment Pass II*) bagi setiap satu (1) kelulusan kategori EP II, syarikat perlu menyediakan **dua (2) tawaran/penempatan latihan industri**; dan
- iii. Pas Pengajian III (*EPIII - Employment Pass III*) bagi setiap satu (1) kelulusan kategori EP III, syarikat perlu menyediakan **satu (1) tawaran/penempatan latihan industri**.

Jika nisbah penempatan latihan industri melebihi kadar 2 peratus daripada jumlah pekerja, maka, kadar minimum penempatan latihan industri akan ditetapkan pada kadar 2 peratus sahaja daripada jumlah tenaga kerja syarikat secara automatik.

Selain itu, TalentCorp telah membangunkan dan melaksanakan

- i. **Platform MyNext**, yang menyediakan profil penilaian bakat, kemudahan latihan industri, dan data analitik kebolehpasaran graduan. Sehingga Disember 2024, 6,296 bakat dari Negeri Sembilan telah berdaftar, manakala lebih 13,000 pelajar dari institusi seperti USIM, UiTM Negeri

Sembilan, dan Politeknik Port Dickson turut memanfaatkan platform ini;

- ii. **Program Young Employable Student (YES)** diperkenalkan sejak 2019, bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan penerapan kemahiran insaniah dan pendedahan awal terhadap lanskap kerjaya. Sehingga Disember 2024, lebih 70,000 pelajar di IPTA/S/ILK telah memanfaatkan program ini;
- iii. **Mobiliti Global – MyNext Mobility** menyediakan dana bagi latihan industri di luar negara. Pada tahun 2024, seramai 4 pelajar dari Negeri Sembilan telah mendapat manfaat, menjalani latihan di Kanada, Uzbekistan, Indonesia, dan Mesir; dan
- iv. Fasa 1 Kajian Impak AI, Pendigitalan, dan Ekonomi Hijau terhadap tenaga kerja. Kajian ini memacu pembangunan strategi bakat komprehensif. Hasil dapatan ini telah dilancarkan pada 18 November 2024 dan diintegrasikan dalam platform MyMAHIR, sebuah platform sehenti interaktif untuk latihan kemahiran dan pembangunan laluan kerjaya.

Melalui inisiatif-inisiatif ini, TalentCorp terus berusaha meningkatkan peluang pekerjaan dalam bidang berkemahiran tinggi untuk anak muda luar bandar, termasuk dari Negeri Sembilan, bagi memastikan pembangunan bakat yang mampan dan relevan dengan keperluan ekonomi masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian menangani masalah kekurangan hasil tangkapan laut disebabkan penyusutan stok ikan di perairan negara serta masalah-masalah perikanan lain yang dihadapi golongan nelayan di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah membangunkan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025, Pelan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia 2021-2030 dan Pelan Pembangunan Perikanan Negara 2021-2030 sebagai perancangan bagi menangani masalah kekurangan hasil tangkapan laut disebabkan penyusutan stok ikan di perairan negara serta isu-isu lain yang dihadapi golongan nelayan di seluruh negara.
2. Tindakan-tindakan yang dilaksanakan bagi menangani masalah kekurangan hasil tangkapan laut serta isu-isu tersebut adalah:
 - (i) menyediakan Dana Jaminan Makanan untuk Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Juta (RM150 juta) bagi pembinaan Dua Puluh Lapan (28) vesel dan Tujuh Puluh Satu (71) mekanisasi vesel;
 - (ii) memperkenalkan dasar penstrukturkan pukat tunda Zon B dan sebanyak 366 vesel pukat tunda telah dikeluarkan dari Zon B sejak tahun 2016;
 - (iii) mewartakan kawasan refugia, taman laut dan santuari dan seluas 29,076.19 km persegi iaitu sebanyak 5.39% daripada keluasan perairan negara telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan marin (MPA) negara;
 - (iv) meningkatkan bilangan tukun tiruan: Dari tahun 2016 sehingga 2024, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM30.5 juta untuk melabuhkan 1,866 unit tukun tiruan di 119 lokasi seluruh negara;
 - (v) memperkenalkan Program keusahawanan dan bantuan DOF melalui program myAgropreneur Perikanan (myAP) dan menubuhkan 238 buah myKomuniti Perikanan (myKP);

- (vi) menurunkan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta Perikanan 1985 kepada dua (2) agensi Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) dan Sarawak Coastguard;
- (vii) menyekat aktiviti pencerobohan vesel di kawasan zon larangan menangkap ikan menggunakan Sistem Pemantauan Pergerakan Bot (Vessel Monitoring System - VMS) serta Sistem eNavigasi (eNav) secara realtime; dan
- (viii) menyediakan bantuan bagi meningkatkan penyertaan nelayan dari perikanan tangkapan ke akuakultur iaitu Projek Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA), Program Kebun Komuniti Madani (Kebuniti Madani), Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) dan Tabung Bencana Pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan senarai insentif dan bantuan yang akan diberikan kepada pelabur di bawah penjanjian Zon Khas Ekonomi Johor-Singapura (JS-SEZ) dan apakah langkah untuk Kerajaan memastikan bahawa kawasan khas ini akan berjaya dan beri kesan positif ke atas ekonomi dan rakyat negeri Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk memupuk pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan landskap daya saing negara, pakej insentif cukai untuk Zon Khas Ekonomi Johor-Singapura (JS-SEZ) direka untuk memacu pelaburan bernilai tinggi ke Johor, disesuaikan untuk memenuhi keperluan pelabur global dan domestik yang berubah-ubah. Berkuat kuasa 1 Januari 2025, pelabur di JS-SEZ layak mendapat pelbagai insentif, termasuk:
 - (a) Kadar Cukai Korporat Khas (Special Corporate Tax Rate): Syarikat yang menjalankan pelaburan baharu dalam aktiviti pembuatan dan perkhidmatan yang layak, seperti Rantaian Bekalan Pengkomputeran AI dan Kuantum, Peranti Perubatan, Pembuatan Aeroangkasa dan Hab Perkhidmatan Global, akan mendapat manfaat daripada kadar cukai khas sebanyak 5% sehingga 15 tahun;
 - (b) Fokus Pembangunan Utama (Flagship Development Focus): Insentif tambahan yang disesuaikan diperuntukkan kepada perniagaan yang beroperasi di kawasan utama tertentu di JS-SEZ; dan
 - (c) Kadar cukai khas untuk knowledge workers (Special tax rate for knowledge workers): Kadar cukai khas sebanyak 15% selama 10 tahun untuk knowledge workers yang layak bekerja di JS-SEZ.
2. Sebagai tambahan kepada pakej insentif cukai, Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju untuk memperkenalkan tarif hiburan (entertainment duties) yang lebih rendah mulai 1 Januari 2025.
3. Pakej insentif cukai JS-SEZ ini melengkapkan Rangka Kerja Insentif Baharu yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang bertujuan untuk memacu pelaburan dalam industri pertumbuhan tinggi, bernilai tinggi dan mampan untuk merangsang pembangunan ekonomi yang saksama di seluruh Malaysia dan pada masa yang sama, mendorong kepada kejayaan JS-SEZ serta memberi kesan positif ke atas ekonomi dan rakyat negeri Johor.

4. Dengan pelbagai insentif dan tarikan pelaburan yang diberikan dalam kawaan JS-SEZ ini, diharapkan agar jumlah perdagangan antara kedua-dua negara akan meningkat melebihi 153 bilion pada tahun 2022. Ini juga disokong dengan Singapura menjadi antara penyumbang utama negara terhadap pelaburan langsung asing (FPI) negara dengan sumbangan sebanyak 20.5% daripada jumlah FDI negara pada tahun 2022.
5. Pada masa ini, Kerajaan sedang menyediakan Blueprint JS-SEZ dan ianya dijangka siap pada pertengahan tahun 2025. Blueprint ini akan menyediakan kerangka dan strategi pembangunan JS-SEZ serta pelan hala tuju untuk menarik pelabur berpotensi. Langkah ini adalah bagi memastikan kawasan khas ini berjaya dan akan memberi kesan positif ke atas ekonomi dan rakyat negeri Johor khususnya dan ekonomi negara secara amnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kementerian terhadap warga asing yang bermaharajalela menangkap hasil laut menggunakan bot tidak berdaftar tanpa mengira masa siang atau malam dan mengancam pendapatan serta keselamatan nelayan tempatan walaupun sudah dilaporkan kepada pihak berkuasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) amat memandang serius perkara-perkara yang melibatkan aktiviti-aktiviti penangkapan ikan secara haram oleh warga asing di atas vesel penangkapan ikan tidak berdaftar di perairan negara. Jumlah kes penangkapan ikan haram ini bagi tempoh 2020 hingga 2024 yang direkodkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Marin (PDRM) adalah **sebanyak 1,236 kes melibatkan nelayan asing**.
2. Bagi mengekang kes ini, KPKM melalui DOF giat mengambil langkah-langkah berikut:
 - (i) memperkasakan pemantauan dan penguatkuasaan di perairan negara bersama Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM);
 - (ii) mengambil tindakan undang-undang bagi kesalahan-kesalahan yang melanggar Akta Perikanan 1985 (Akta 317) melibatkan denda tidak melebihi RM6 juta bagi nakhoda dan RM600,000 bagi setiap anggota kru atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya, pembatalan lesen dan lucut hak vesel yang disita;
 - (iii) KPKM dan DOF juga sedang dalam proses pindaan Akta 317 untuk meningkatkan kadar hukuman agar lebih deterrent (dengan izin) bagi vesel penangkapan ikan tempatan yang menjalankan aktiviti pencerobohan. Bagi memastikan peralatan tangkapan yang digunakan tidak menjelaskan ekosistem perikanan, KPKM juga dalam proses perundangan untuk memasukkan bubi naga sebagai peralatan larangan dalam Peraturan-peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980; dan
 - (iv) menggunakan Sistem eNavigasi (eNav) secara realtime dan Sistem Pemantauan Pergerakan Bot (Vessel Monitoring System - VMS) bagi menyekat aktiviti pencerobohan vesel di perairan negara serta untuk mengesan pencerobohan termasuk vesel asing yang masuk ke perairan negara.

3. Pada tahun 2025, KPKM memberikan penumpuan utama terhadap aktiviti konservasi dan perlindungan perikanan di mana sebanyak RM56.8 juta telah diperuntukkan untuk menjamin sekuriti sumber perikanan negara daripada aktiviti-aktiviti seperti pencerobohan nelayan asing, pencerobohan zon penangkapan ikan dan penggunaan peralatan menangkap ikan terlarang di perairan negara yang bertujuan untuk meningkatkan stok sumber perikanan melalui Pemantauan, Kawalan dan Pengawasan (MCS).
4. Pada tahun 2024, sebanyak sembilan (9) operasi melibatkan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Selangor dan Pasukan Polis Marin Wilayah Negeri Selangor iaitu Ops Hurricane Bersepadu (4 siri), Ops Kuar Bersepadu (1 siri), Ops Periksa (3 siri) dan Program Konservasi Marin Bersepadu telah dilaksanakan. DOF telah menyita dan melucut hak sebanyak lapan (8) buah bot pukat tunda haram di Negeri Selangor. Selain itu, sebanyak tujuh (7) buah sampan yang mengusahakan peralatan dilarang seperti bubu naga telah disita dan dilucut. Nilai sitaan vesel dan peralatan menangkap ikan bagi tahun 2024 di Negeri Selangor berkait pelbagai isu bernilai RM800,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan Kerajaan untuk membendung inflasi perubatan (*medical inflation*) khususnya mengawal kenaikan premium insurans dan caj perubatan di klinik dan hospital swasta termasuk Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) yang telah mengumumkan kenaikan kadar caj rundingan, kemasukan ke wad dan caj perkhidmatan sehingga tiga kali ganda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha menangani inflasi kos perubatan, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan pendekatan berikut:
 - a. Memperluaskan mekanisme pembelian strategik perkhidmatan kesihatan swasta yang berkualiti secara bundled, dengan izin, bagi mendapat harga yang berpatutan dengan penawaran jumlah pesakit yang lebih untuk membolehkan penurunan harga.
 - b. Menggalakkan ketelusan harga (dengan izin, price transparency) dalam sektor penjagaan kesihatan swasta. Ini akan membolehkan rakyat membuat perbandingan dan membuat keputusan yang lebih tepat mengenai perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan.
 - c. Memperkenalkan pilihan penjagaan kesihatan premium melalui Rakan KKM yang juga akan berperanan sebagai satu penanda aras kompetitif (dengan izin, competitive benchmarking) kepada perkhidmatan kesihatan swasta.
 - d. Memperkenalkan kaedah pembayaran berasaskan kumpulan diagnosis (dengan izin, diagnosis related group) atau DRG untuk mendapatkan penjagaan kesihatan berasaskan nilai (dengan izin, value-based healthcare). Kementerian pada masa ini sedang membangunkan kerangka dan mekanisme untuk pelaksanaan pembayaran melalui kaedah DRG ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status cadangan pembinaan Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Gua Musang sebagaimana pengumuman YB Menteri bagi memberi latihan dan peluang pekerjaan kepada anak-anak peneroka Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, KESEDAR kini berada dalam proses menaiktaraf bangunan bagi dijadikan pusat latihan teknikal dan vokasional (TVET) kepada kumpulan sasar terutamanya golongan belia termasuk generasi kedua peneroka di kawasan Kelantan Selatan. Pusat latihan TVET ini dijangka mula beroperasi pada suku ketiga tahun 2025. Pada fasa awal ini, pelaksanaan program latihan akan dijalankan melalui usahasama strategik bersama pengendali latihan yang berkelayakan dan bertauliah.

Untuk memenuhi keperluan jangka panjang, KESEDAR merancang bagi mengembangkan pusat latihan ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) dengan membangunkan Pusat Latihan yang lebih lengkap dan diiktiraf. Pusat ini dijangka berupaya melahirkan sekurang kurangnya 200 orang tenaga kerja mahir dan separa mahir dikelangan belia tempatan termasuk masyarakat orang asli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program TalentCorp seperti MyHeart dalam membawa kembali diaspora Malaysia ke negara ini, khususnya dalam kalangan tenaga kerja mahir setiap tahun sejak penubuhannya sekaligus mengatasi masalah hijrah cendekiawan (*brain drain*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk menangani fenomena hijrah cendekiawan dan peningkatan tenaga kerja mahir Malaysia yang bekerja di luar negara, Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan beberapa langkah strategik melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp). Berikut adalah langkah-langkah yang diambil:

i. MyMAHIR Future Skills Talent Council (FSTC):

- Inisiatif ini melibatkan kerjasama antara pemimpin industri, agensi kerajaan, dan TalentCorp untuk menyediakan latihan dan peningkatan kemahiran yang diperlukan oleh tenaga kerja Malaysia berdasarkan keperluan semasa dan masa depan. MyMAHIR FSTC bertujuan mengatasi cabaran bakat, meningkatkan daya saing tenaga kerja, dan menyumbang kepada ekonomi Malaysia dengan melahirkan tenaga kerja yang mahir dan kompeten.

ii. Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran:

- Melalui MyMAHIR FSTC, pelbagai program latihan dilaksanakan untuk memastikan tenaga kerja Malaysia bersedia untuk pekerjaan masa depan. Ini termasuk latihan dalam sektor-sektor utama yang dipilih berdasarkan keperluan industri dan potensi pertumbuhan masa depan.

iii. Mengatasi Cabaran Bakat:

- Inisiatif ini bertujuan untuk menangani isu kekurangan bakat dan mengurangkan pengangguran dengan menyediakan platform untuk kolaborasi antara industri dan kerajaan.

iv. Meningkatkan Daya Saing Tenaga Kerja:

- Dengan meningkatkan kecekapan dan daya saing tenaga kerja Malaysia, MyMAHIR FSTC membantu membentuk tenaga kerja yang mahir dan kompeten yang memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia.

v. Pengurangan Pengangguran:

- Melalui penyediaan latihan yang relevan, inisiatif ini juga bertujuan untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan tenaga kerja Malaysia.

vi. Program Kepulangan Pakar (REP):

- Sejak 2011 hingga Disember 2024, TalentCorp telah menerima 11,402 permohonan daripada profesional Malaysia di luar negara untuk kembali ke tanah air. Daripada jumlah ini, 7,241 permohonan telah diluluskan dan 4,730 pakar telah kembali ke Malaysia.

vii. Inisiatif Malaysia @ Heart (MyHeart):

- MyHeart bertujuan mengoptimumkan sumbangan diaspora Malaysia di mana sahaja mereka berada. Berdasarkan kaji selidik pada awal 2021, 92% diaspora bersedia menyumbang kepada negara dalam pelbagai kapasiti, dan 85% bersedia untuk kembali ke Malaysia.

viii. MyHeart Career and Facilitation Fair (MyHeart CaFe):

- MyHeart CaFe berfungsi sebagai jambatan antara bakat global Malaysia di luar negara dan syarikat-syarikat bereputasi tinggi di Malaysia. Acara ini telah menarik minat 1,499 diaspora dan menyediakan 1,981 peluang pekerjaan dari 59 syarikat terkemuka sejak 2022.

ix. MyHeart Innovate:

- Program ini memudahkan diaspora Malaysia membangunkan startup yang mampan di Malaysia. Kohort pertama pada Ogos 2024 melibatkan 10 kumpulan usahawan yang menyertai program selama 3 bulan termasuk Masterclass, Mentor Sharing, dan Demo Day.

x. MyHeart Collaborations:

- TalentCorp menyediakan platform untuk diaspora menyumbang kepada pembangunan bakat tempatan melalui wacana intelektual dan kolaborasi dengan organisasi di Malaysia.

xi. Education Facilitation:

- MyHeart menyediakan platform khas untuk memudahkan akses kepada institusi pendidikan swasta dan antarabangsa di Malaysia bagi keluarga diaspora.

xii. Young Global Leader (YGL) Programme:

- Program ini bertujuan membina generasi pemimpin masa depan yang akan menyumbang kepada komuniti pelajar secara lebih meluas. Dari 2023

hingga Disember 2024, seramai 2,792 pelajar Malaysia di luar negara telah mendapat manfaat daripada program ini.

xiii. Semester Break Programme (SBP):

- Program ini mensasarkan pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di luar negara untuk menyertai sesi eksklusif bersama pemimpin korporat semasa cuti semester mereka. Pada tahun 2024, seramai 1,727 pelajar telah mengambil bahagian dalam program ini.

xiv. Pangkalan Data Diaspora:

- TalentCorp sedang membangunkan pangkalan data menyeluruh yang mengandungi maklumat diaspora Malaysia untuk memanfaatkan bakat yang tersedia bagi kepentingan negara.

Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan daya saing tenaga kerja Malaysia, mengurangkan pengangguran, dan mengoptimumkan sumbangan diaspora Malaysia di mana sahaja mereka berada. Walaupun langkah-langkah ini tidak dapat menjamin penyelesaian sepenuhnya terhadap isu hijrah cendekiawan, ia merupakan usaha yang komprehensif dan berterusan untuk mengurangkan kesan negatif fenomena ini dan memastikan tenaga kerja mahir Malaysia dapat terus menyumbang kepada negara.

Dengan langkah-langkah ini, Kementerian Sumber Manusia berharap dapat mengurangkan fenomena hijrah cendekiawan dan memastikan tenaga kerja mahir Malaysia terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan hasil kajian terperinci yang dijalankan oleh Kementerian terhadap cadangan penyelarasan harga baharu beras putih tempatan (BPT) serta langkah susulan daripada kajian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengambil beberapa langkah intervensi dan melaksanakan reformasi industri padi dan beras secara besar-besaran. Antara langkah intervensi yang telah dilaksanakan oleh Kementerian adalah melancarkan Task Force Khas Bersepadu Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT). Task Force Khas Bersepadu OP BPT merupakan kerjasama strategik melibatkan agensi penguatkuasaan iaitu Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bahagian Pengawal Kelembutan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi melaksanakan pemeriksaan dan penguatkuasaan di setiap peringkat rantai industri padi dan beras di seluruh negara berdasarkan bidang kuasa masing-masing. Tempoh pelaksanaan Task Force Khas ini adalah dari 3 Oktober hingga 3 November 2023 dan kemudian dilanjutkan sehingga 17 November 2023.
2. Sepanjang pelaksanaan Task Force Khas tersebut, KPBM telah menerima maklumat bahawa kampit BPI yang dijual di pasaran mengandungi campuran kandungan BPT dan BPI. Untuk mengesan dan mengesahkan pencampuran ini, KPBM telah mengarahkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk membangunkan teknologi yang boleh mengesan pencampuran beras. Hasilnya, MARDI berjaya membangunkan teknologi berdasarkan cap jari asid deoksiribonukleik (deoxyribonucleic acid - DNA) yang mampu mengesan varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik. Melalui teknologi ini, analisis dijalankan dengan membuat perbandingan profil DNA beras melalui sampel yang diperolehi dengan profil DNA padi varieti tempatan yang telah diisytiharkan di Malaysia.
3. Keputusan analisis oleh MARDI menunjukkan wujud persamaan profil DNA dengan varieti padi tempatan atau dengan kata lain berlaku percampuran BPT dengan BPI dalam kampit BPI. Bagaimanapun, **berdasarkan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan perundangan subsidiari di bawahnya, tiada peruntukan yang khusus yang jelas bagi pendakwaan kes di**

mahkamah mengenai kesalahan percampuran beras.

4. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga telah menjalankan kajian ke atas industri padi dan beras pada awal tahun 2024. Hasil kajian tersebut telah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN) Bilangan 2 Tahun 2024 pada 17 Disember 2024 Berdasarkan dapatan MyCC, berlaku amalan proses pencampuran BPT dengan BPI di dalam industri padi dan beras. MyCC merumuskan bahawa tujuan pencampuran ini adalah untuk memenuhi cita rasa pengguna tempatan dan untuk menghasilkan variasi jenama di pasaran. **Amalan pencampuran beras ini telah berlaku sejak tahun 1970-an lagi, iaitu selepas penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) di bawah pentadbiran Kerajaan-kerajaan terdahulu dan bukannya baru berlaku ketika pemerintahan Kerajaan sekarang.**

5. Susulan Mesyuarat JKKMN tersebut dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024, KPKM telah diarahkan supaya memperhalusi kaedah dan mekanisme terbaik untuk mengawal percampuran BPT dan BPI melalui perundungan serta merangka simulasi cadangan penetapan harga yang bersesuaian bagi kategori beras campuran secara komprehensif sebelum dikemukakan bagi pertimbangan Jemaah Menteri. Untuk makluman, mekanisme bagi mengawal percampuran turut mendapat sokongan MyCC sebagai kaedah penyelesaian masalah bekalan beras.

6. Semasa Sesi Penerangan Menteri berhubung Situasi Semasa Industri Padi dan Beras Negara di Dewan Rakyat pada 13 Februari 2025 yang lalu, dua langkah telah diumumkan sebagai usaha awal untuk memastikan keseimbangan dalam industri iaitu:

(a) menyelaraskan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik yang telah berkuat kuasa 16 Februari 2025. Penyelarasan ini dilaksanakan dengan mengambil kira kenaikan kos pengeluaran padi merangkumi kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain serta impak kepada kos pengeluaran beras dan seterusnya memberi kesan kepada bekalan dan harga beras di pasaran; dan

(b) **mengekalkan BPT pada harga RM2.60 sekilogram dengan menyerap sebahagian kos pengeluaran BPT sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan mulai 1 Mac 2025 hingga 31 Ogos 2025 bagi**

memastikan keberadaan bekalan sebanyak 24 juta kampit BPT 10 kilogram secara berperingkat di pasaran. Langkah ini adalah untuk membantu rakyat terutama golongan berpendapatan rendah mendapat bekalan beras pada harga berpatutan dan seterusnya membantu mengurangkan kos sara hidup mereka.

7. Berdasarkan penjelasan di atas, adalah diharapkan segala usaha yang sedang dilaksanakan mendapat sokongan dari semua pihak demi kebaikan serta masa depan industri padi dan beras negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :

- a. apakah perkembangan terkini bagi Kompleks Sukan Kuala Muda di Sungai Petani
- b. apakah perancangan terperinci Kementerian untuk menaik taraf kemudahan di kompleks tersebut bagi tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pembinaan Kompleks Sukan Sungai Petani, Kedah kini berada di peringkat perancangan. Mesyuarat Penyelaras projek telah diadakan pada 10 Januari 2025 dan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana projek sedang dalam proses lantikan kerja ukur tanah, pemetaan utiliti dan pengesahan skop projek bagi tujuan penyediaan pelan konsep arkitek untuk tujuan pra-reka bentuk.

JKR telah memaklumkan fasa perancangan ini akan diselesaikan menjelang bulan November 2025 dan projek ini akan di tender pada bulan Disember tahun ini dan kerja akan bermula pada bulan Mei 2026. Projek ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2028.

Pada tahun ini, KBS akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan projek ini dapat dibuat mengikut garis masa yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :

- a. tindakan Kementerian untuk 2025 bagi menambah baik khidmat talian komunikasi dan internet yang sangat tidak memuaskan di daerah Saratok dan Kabong
- b. tindakan Kementerian untuk tahun 2025 dalam meluaskan liputan rangkaian telefon dan jalur lebar 4G di Parlimen Saratok.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Disember 2024, liputan internet dan komunikasi di kawasan berpenduduk di Parlimen Saratok telah mencapai 90.89% manakala daerah Kabong telah mencapai 90.00%. Di bawah inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sebanyak 20 daripada 21 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi, kesemua 91 stesen pemancar telah dinaik taraf, sebanyak 3,020 daripada 5,388 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik dan kesemua 10 lokasi telah dapat menikmati perkhidmatan internet menggunakan teknologi satelit, *Broadband Wireless Access* (BWA). Baki inisiatif yang sedang dalam pelaksanaan dijangka siap secara berperingkat pada penghujung tahun 2025.

Kerajaan juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik. Sehingga 23 Januari 2025, sebanyak 67 PoP telah berjaya disiapkan sepenuhnya bagi Fasa 1 manakala 249 PoP daripada 681 PoP bagi Fasa 2 telah berjaya disiapkan di negeri Sarawak dan menjadikan 34,272 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Daripada jumlah tersebut, empat PoP telah selesai dibina sepenuhnya bagi Fasa 1 manakala 10 PoP daripada 34 PoP bagi Fasa 2 telah berjaya disiapkan di Parlimen Saratok dan baki PoP dijadualkan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2025. Ini menjadikan 1,482 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat di Parlimen Saratok.

Selain inisiatif Pelan JENDELA, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak Multimedia Authority (SMA) dan Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC) juga melaksanakan inisiatif pembinaan 600 buah menara baharu (SMART 600) bagi menambah baik liputan internet di Sarawak. Setakat 31 Disember 2024, sebanyak 19 buah menara baharu telah siap beroperasi dan 11 buah menara masih dalam peringkat

pelaksanaan di bawah inisiatif SMART 600 di Parlimen Saratok.

MCMC sedang merangka solusi penyediaan perkhidmatan internet bagi kawasan berpenduduk yang masih belum mendapat perkhidmatan internet melalui JENDELA Fasa 2. Beberapa cabaran utama dikenalpasti dalam proses perangkaan solusi ini di mana faktor bentuk muka bumi dan kedudukan geografi seperti di kawasan berbukit-bukau menyukarkan untuk mendapatkan *Line of Sight (LOS)* dan jajaran *backhaul* gentian optik. Selain itu, taburan penduduk yang berselerak dengan kepadatan rendah serta tiadanya infrastruktur asas seperti jalan yang berturap dan bekalan elektrik yang stabil, turut menjadi cabaran dalam perancangan pembangunan infrastruktur di sesuatu kawasan.

Perancangan untuk pelan JENDELA Fasa 2 ini memerlukan penilaian dan pertimbangan kaedah pemberian perkhidmatan yang sesuai (*fit for purpose solution*) serta keupayaan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat untuk membiayai perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi projek ini. Oleh yang demikian, tempoh masa yang munasabah diperlukan bagi merangka solusi yang sesuai demi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik.

Selain itu, teknologi yang akan digunakan bagi pelaksanaan ini dijangka akan melibatkan pembinaan menara baharu dan juga penyediaan jalur lebar menggunakan teknologi satelit. MCMC juga sedang meneliti perkembangan teknologi baharu termasuk *direct to device* yang menggunakan teknologi satelit *Low Earth Orbit (LEO)* bagi penyediaan perkhidmatan internet yang boleh memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar dan kawasan pedalaman. Lokasi awal kawasan sasaran pelaksanaan buat masa ini masih lagi sedang dipertimbangkan.

MCMC sentiasa memantau dan memastikan segala inisiatif bagi perkhidmatan komunikasi dan internet di Sarawak termasuk di Parlimen Saratok terus digiatkan untuk memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dan perkhidmatan berkualiti dapat dinikmati oleh semua rakyat. Kerjasama MCMC dengan semua pihak berkepentingan, terutamanya daripada Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak, Jabatan Tanah dan Survei serta SMA amatlah diperlukan bagi

NO SOALAN : 33

memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang dirancang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini pelaksanaan National Semiconductor Strategy. Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesan pengenaan tarif terhadap buatan semikonduktor Malaysia yang bermula dengan syarikat di China.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. National Semiconductor Strategy (NSS) yang diluncurkan pada 28 Mei 2024, bertujuan memperkuatkan kedudukan Malaysia dalam rantai supPLY bekalan semikonduktor global, dengan menyasarkan aktiviti bernilai tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu, pembungkusan termaju, fabrikasi wafer dan peralatan pembuatan termaju.
2. Hasilnya, pada tahun 2024, Kementerian telah berjaya meluluskan pelaburan dalam sektor semikonduktor sebanyak RM48.1 bilion, iaitu 86 peratus daripada RM55.8 bilion jumlah pelaburan yang diluluskan bagi 153 projek Elektrikal dan Elektronik (E&E).
3. Prestasi perdagangan sektor Elektrik dan Elektronik (E&E) pada tahun 2024 mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM1,056 bilion. Daripada jumlah tersebut, eksport menyumbang RM601.18 bilion, mewakili 56.9 peratus daripada keseluruhan perdagangan E&E, dengan lebihan dagangan sebanyak RM145.5 bilion. Sementara itu, perdagangan sektor semikonduktor mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.6 peratus kepada RM655.13 bilion berbanding RM608.57 bilion pada tahun 2023. Eksport sektor ini berjumlah RM387.95 bilion, dengan lebihan dagangan sebanyak RM120.77 bilion.
4. Sungguhpun pencapaian dari segi pelaburan dan eksport semikonduktor adalah baik, Malaysia sebagai negara yang mengamalkan perdagangan bebas tidak terlepas daripada kemungkinan terkesan daripada dasar baru Amerika Syarikat yang melibatkan dasar-dasar berkaitan pelaburan dan perdagangan yang cenderung mewujudkan ketegangan geo-politik dunia.
5. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak boleh mengambil tindakan yang terburu-buru kerana buat masa ini dasar-dasar yang diumumkan oleh Amerika Syarikat masih lagi dalam proses untuk dimuktamadkan dan tidak boleh dijangka. Justeru, Malaysia akan terus menekankan komitmen terhadap dasar bebas dan berkecuali serta terus terbuka dalam menjalinkan hubungan dengan negara-negara lain.

6. Malaysia mempunyai kekuatan yang tersendiri bagi menarik pelaburan asing ke negara ini serta menggalakkan projek baharu, pelbagai dan pembesaran. Antara faktor-faktor yang mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur adalah lokasi Malaysia yang strategik di Asia Tenggara membolehkan pelabur mendapat akses pasaran yang luas, ekosistem pelaburan yang kukuh serta persekitaran perniagaan yang kondusif di dalam negara.
7. Dalam memastikan Malaysia akan terus mendapat manfaat dan berdaya tahan daripada dampak ketegangan geo-politik berpanjangan, Kerajaan akan terus mempertingkatkan usaha untuk menarik pelaburan antaranya melalui landskap incentif yang kompetitif dan mampan bagi membolehkan Malaysia dapat menarik pelaburan berkualiti dan meningkatkan kapasiti pelaburan domestik.
8. Pada masa ini, Malaysia telah menandatangani Memorandum Kerjasama (MOC) dengan Amerika Syarikat pada 10 Mei 2022, yang bertujuan untuk memperkuuh daya tahan rantaian bekalan semikonduktor. Melalui platform MOC ini, Malaysia akan terus mengadakan sesi libat urus dalam bidang semikonduktor dengan Amerika Syarikat, bagi memastikan hubungan perdagangan dua hala yang sedia terjalin tidak terjejas, terutamanya dalam memperkuuhkan rantaian bekalan untuk sektor kritikal ini. Selain itu, Malaysia akan mengekalkan saluran komunikasi yang berterusan dengan Dewan Perniagaan Amerika Malaysia khususnya untuk memantau dan mengurangkan impak potensi tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat ke atas China dan impliksi tidak langsung kepada perdagangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk projek dan program di Tasik Kenyir melalui Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) mengikut tahun dari 2015 hingga 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tasik Kenyir, Hulu Terengganu dengan kawasan seluas 209,199 hektar telah diwartakan sebahagian daripada wilayah Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) pada 12 Jun 1993. KETENGAH sebagai salah sebuah agensi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek pembangunan dan tarikan pelancongan di kawasan tersebut. Sepanjang tahun 2015 hingga 2024, KETENGAH telah disalurkan peruntukan berjumlah RM134,060,000.00 melibatkan pelaksanaan 27 projek seperti berikut :

- i. MenaikTaraf & Menyelenggara Kemudahan Asas Serta.
- ii. Galakan & Promosi Pelancongan di Tasik Kenyir.
- iii. Bekalan Elektrik Solar & Pencahayaan di Destinasi.
- iv. Sistem Kumbahan di Tasik Kenyir.
- v. Pusat Perkhidmatan di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir.
- vi. Pembangunan Esplanade Pesisir Tasik di Bandar Baru Gawi.
- vii. Pusat Komersial Gawi.
- viii. Jaringan Perhubungan Pengangkutan Air Tasik Kenyir.
- ix. Sistem Pengangkutan Air & Keselamatan Serta Limbungan.
- x. Pembangunan Infrastruktur Kemudahan Awam.

- xi. Kompleks Santuari Kelah.
- xii. Pembangunan Keselamatan Kawasan Tanah Tinggi & Cerun.
- xiii. Menaiktaraf Jaringan Jalan Raya di Pengkalan Gawi.
- xiv. Pembangunan Jeti Tasik Kenyir.
- xv. Pembangunan Infrastruktur Komersial Zon Bebas.
- xvi. Program Ameniti Sosial.
- xvii. Menaiktaraf Jaringan Jalan Raya di Pengkalan Gawi dan Pengkalan Utama, Tasik Kenyir.
- xviii. Pembangunan Infrastruktur Komersial Zon Bebas.
- xix. Pencahayaan di Kawasan Tarikan Tasik Kenyir.
- xx. Program Ameniti Sosial Wilayah Ketengah.
- xxi. Pembangunan Infrastruktur Pusat Penempatan di Bandar Baru Gawi.
- xxii. Pembangunan Semula Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan di Taman Herba, Tasik Kenyir.
- xxiii. Mengganti dan Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Enam Jeti di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu.
- xxiv. Projek Pemerkasaan Pihak Berkuasa Zon (Pbz) di Zon Bebas, Tasik Kenyir.

- xxv. Membina dan Menyiapkan Taman Mini Awam di Gawi Point Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir.
- xxvi. Pembangunan Semula Kemudahan Pelancongan di Pulau Petang, Tasik Kenyir.
- xxvii. Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan di Tasik Kenyir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian bagi mengawal inflasi kos kesihatan swasta di Malaysia (lebih daripada 10%) supaya setaraf dengan atau kurang daripada purata inflasi global (kira-kira 5%) setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menangani inflasi kos perubatan, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan pendekatan berikut:

- i. Memperluaskan mekanisme pembelian strategik perkhidmatan kesihatan swasta yang berkualiti secara bundled, dengan izin, bagi mendapat harga yang berpatutan dengan penawaran jumlah pesakit yang lebih untuk membolehkan penurunan harga.
- ii. Menggalakkan ketelusan harga (dengan izin, price transparency) dalam sektor penjagaan kesihatan swasta. Ini akan membolehkan rakyat membuat perbandingan dan membuat keputusan yang lebih tepat mengenai perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan.
- iii. Memperkenalkan pilihan penjagaan kesihatan premium melalui Rakan KKM yang juga akan berperanan sebagai satu penanda aras kompetitif (dengan izin, competitive benchmarking) kepada perkhidmatan kesihatan swasta.
- iv. Memperkenalkan kaedah pembayaran berasaskan kumpulan diagnosis (dengan izin, diagnosis related group) atau DRG untuk mendapatkan penjagaan kesihatan berasaskan nilai (dengan izin, value-based healthcare). Kementerian pada masa ini sedang membangunkan kerangka dan mekanisme untuk pelaksanaan pembayaran melalui kaedah DRG ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah KPKM telah merangka pelan komprehensif untuk merintis kerjasama dengan GLC dan syarikat multinasional bagi mengoptimumkan tanah-tanah terbiar mengikut keperluan negeri supaya diwujudkan projek pertanian moden dan perusahaan makanan berskala besar secara sistematik menerusi penerapan amalan pertanian moden mampan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Pertanian (DOA), sehingga kini terdapat 35,221 lot tanah terbiar dengan keluasan 91,677 hektar di seluruh negeri Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Penggunaan tanah terbiar merupakan salah satu langkah intervensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui DOA untuk memperluaskan kawasan penanaman dengan pembangunan kawasan baharu atau pengembangan kawasan sedia ada yang masih belum dibangunkan sepenuhnya. Bagi mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar sebagai salah satu langkah membina keterjaminan sumber makanan negara, KPKM telah menyediakan peruntukan sebanyak RM11 juta di bawah Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan pada tahun 2023-2024 bagi membangunkan tanah-tanah milik Kementerian/Agensi untuk diusahakan dengan tanaman makanan.
3. Pada tahun 2023, seluas 140 hektar tanah terbiar telah dibangunkan membabitkan agensi seperti Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT). Selain daripada peruntukan tersebut, KPKM melalui Jabatan dan Agensi juga menyediakan pelbagai insentif kepada petani-petani untuk mengusahaikan mana-mana tanah yang sah sama ada tanah sendiri, tanah sewa atau Temporary Occupation License (TOL) . Ia meliputi bantuan untuk penyediaan kawasan, pembangunan baharu/naik taraf infrastruktur asas dan kemudahan ladang, perolehan input/peralatan/jentera pertanian, perolehan peralatan moden termasuk mekanisasi/automasi/Internet of Thing/IR4.0 dan perolehan peralatan/mesin lepas tuai serta program promosi pasaran.
4. Pada tahun 2024, DOA telah mengadakan kerjasama dengan pihak negeri untuk membangunkan tanah-tanah milik agensi/institusi melalui Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan 2024 Sub Projek Pembangunan Tanah Pertanian Berpotensi. Salah satu tanah yang telah dibangunkan adalah milik Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) seluas 20 hektar dengan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi tujuan pembangunan struktur dan

NO SOALAN : 37

infrastruktur ladang untuk keperluan usahawan di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penjelasan terperinci mengenai keputusan pelaburan, rasional di sebalik keputusan tersebut dan individu yang bertanggungjawab terhadap prestasi buruk portfolio saham HRD Corp yang menyebabkan kerugian kewangan yang teruk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Akta PSMB 2001), Seksyen 26 menggariskan bahawa keputusan pelaburan adalah di bawah tanggungjawab Panel Pelaburan yang ditubuhkan dan dianggotai oleh pelbagai mereka yang layak berdasarkan Akta.

Seksyen 27(1), Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), membenarkan HRDCorp untuk membuat pelaburan. Antara pelaburan yang dibenarkan termasuklah sekuriti, syer, debentur dalam mana-mana syarikat awam yang harga bagi syer dan debentur disebut di bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia atau dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain yang diputuskan oleh Panel Pelaburan.

PSMB sentiasa mengutamakan perlindungan dana KWPSM disamping menjana pulangan untuk keperluan operasi syarikat. Ianya dicapai melalui pelaburan berisiko rendah dan kepelbagaian kelas aset seperti tunai dan deposit, bon dan sukuk, dan lain-lain pelaburan. Sehubungan dengan itu, penilaian rapi dibuat untuk memastikan risiko keseluruhan portfolio diminimumkan dan juga modal pelaburan sentiasa dilindungi.

Secara pecahannya, lebih daripada 80 peratus daripada portfolio pelaburan adalah berisiko rendah seperti tunai dan deposit, bon dan sukuk dan akaun amanah. Pihak HRD Corp juga menggunakan kaedah perlindungan derivatif untuk memastikan tiada turun naik nilai saham ekuiti yang ketara sambil mengekalkan pulangan.

Sejak tahun 2020-2022, Pulangan Atas Pelaburan (ROI) oleh HRDCorp mencatatkan pulangan sebanyak 3.4% - 3.7% pada tahun 2020 hingga 2022. Bagi tahun 2023 – 2024, ROI tersebut melonjak naik melebihi 5.2% pada tahun tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan bayaran yang dikenakan oleh hospital swasta adalah sama di antara pemegang insurans dan bukan pemegang insurans. Begitu juga antara pembayaran menggunakan surat jaminan dan pembayaran *pay-and-claim*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturannya sejak 1 Mei 2006 yang turut mengawal fi yang dikenakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta melalui Jadual Fi (Jadual Ketujuh dan Ketiga Belas). Jadual Fi ini mengawal selia fi profesional (perundingan dan prosedur) dengan memperuntukkan harga siling atau had maksimum yang boleh dikenakan oleh pengamal perubatan di hospital atau klinik swasta.

2. Kos rawatan di fasiliti kesihatan swasta merangkumi fi profesional pengamal perubatan dan fi fasiliti kesihatan swasta. Fi fasiliti yang antara lainnya terdiri daripada caj perkhidmatan kejururawatan, caj peralatan perubatan, caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain lain) dan caj ujian makmal tidak dikawal selia oleh KKM.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi memastikan bayaran yang dikenakan oleh hospital swasta adalah sama di antara pemegang insurans dan bukan pemegang insurans, KKM telah mengambil langkah-langkah berikut:
 - a. Memastikan hospital mengadakan prosedur ketidakpuasan hati (grievance procedure) ke atas semua aduan;

 - b. Memastikan hospital swasta serta pengamal perubatan dan pergigian swasta mematuhi fi profesional seperti yang termaktub di dalam Jadual Ketiga Belas; dan

 - c. Membolehkan pesakit mendapat maklumat mengenai anggaran caj yang akan dikenakan sebelum rawatan dimulakan melalui financial counselling oleh hospital swasta.

NO SOALAN : 39

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan keselamatan pengguna di Jalan Persekutuan, khususnya berkaitan dengan 1,577 cerun yang dikategorikan sebagai berisiko sangat tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dalam menangani bencana cerun runtuh. Bencana akibat cerun runtuh memberi implikasi besar kepada ekonomi dan sosial terutamanya melibatkan kehilangan nyawa dan harta benda.

Oleh itu, Kementerian telah melaksana pelbagai langkah bagi mengelakkan cerun runtuh menerusi kerja pembaikan (*corrective*) dan kerja pencegahan (*preventive*).

Bagi cerun yang berada dalam kategori berisiko tinggi dan berisiko sangat tinggi, beberapa langkah proaktif telah dilaksanakan oleh Kementerian ini. Antaranya adalah:

1. Kerja Pencegahan (*Preventive*) bagi memastikan cerun-cerun yang berisiko tinggi dan berisiko sangat tinggi ini kekal stabil dan tidak membahayakan pengguna jalan raya. Bagi tahun 2024, kerja pencegahan dilaksanakan ke atas 8 lokasi cerun yang melibatkan kos sebanyak RM 17.725 Juta. Manakala bagi tahun 2025, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan kerja pencegahan di 16 lokasi cerun dengan kos sebanyak RM 27.656 juta.
2. Kerja Penyenggaraan Rutin (*Routine Maintenance*) yang melibatkan cerun yang berada dalam kategori berisiko tinggi dan berisiko sangat tinggi turut dilaksanakan. Bagi tahun 2024, sebanyak RM10.723 juta telah dibelanjakan oleh Kementerian bagi kerja penyenggaraan yang melibatkan 6 skop iaitu Pemeriksaan Rutin (*Routine Inspection*), Pembersihan Sistem Saliran (*Drainage Cleaning*), Pembersihan Permukaan Cerun (*Cleaning Slope Surface*), Pembersihan Kawasan Cerun Empangan Sabo (*Cleaning Sabo Dam Area*), Pembersihan Kawasan Cerun Rock Shed (*Cleaning Rock Shed Area*) dan Skop Pemotongan Pokok dan Pemberian Rumput (*Tree Pruning and Grass Seeding*). Bagi tahun 2025, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan kerja penyenggaraan rutin dengan kos sebanyak RM8.4 juta.

Bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya di Jalan Persekutuan, kerja pencegahan (*preventive*) dan kerja penyenggaraan rutin (*routine maintenance*)

NO SOALAN : 40

ini akan terus dilaksanakan tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan program dan bantuan yang disediakan bagi meningkatkan produktiviti bekalan makanan dan bantuan yang diberikan kepada petani dan penternak di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melaksanakan program dan bantuan bagi meningkatkan produktiviti bekalan makanan dan bantuan yang diberikan kepada penternak di Sarawak. Dalam tempoh RMK-12, dari tahun 2021 sehingga 2024, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM126.61 juta bagi pelaksanaan projek pertanian dan penternakan. Antara projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Pembangunan Industri Ternakan Lembu di Sarawak;
- (ii) Pembangunan Industri Ternakan Kambing di Sarawak;
- (iii) Pembangunan Industri Ternakan Kerbau di Sarawak;
- (iv) Projek Menaik taraf Pagar Ternakan Kerbau, Daerah Lawas Sarawak di bawah Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan: Mengoptimumkan Penggunaan Tanah Dengan Kerjasama Kerajaan Negeri;
- (v) Program Pembangunan Tanaman Sayuran dan Kontan;
- (vi) Program Pembangunan Industri Kopi;
- (vii) Program Pembangunan Industri Tanaman Kelapa;
- (viii) Program Pembangunan Industri Buah-Buahan; dan
- (ix) Program Pembangunan Zon Industri Akuakultur di Sarawak.

2. Antara komponen bantuan yang disediakan termasuk pembangunan tapak dan kawasan, penyediaan input seperti bahan tanaman, baja dan racun, peralatan ladang, baka ternakan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai projek-projek fizikal yang dibiayai oleh Kementerian di Sarawak dalam tahun 2023 dan 2024 dan angka pembelanjaan setiap projek-projek itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merupakan antara kementerian yang diluluskan peruntukan yang besar bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Belanjawan MADANI 2023. Kesinambungan dari itu, Belanjawan 2024 yang diungkap sebagai Belanjawan MADANI Kedua turut menyaksikan peningkatan kepada peruntukan yang diterima oleh KP KT. Peruntukan tersebut mencerminkan tekad serta komitmen Kerajaan Perpaduan untuk mengangkat darjah ekonomi negara dan mensejahterakan rakyat melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan oleh KP KT.

Bagi pelaksanaan **projek-projek kategori fizikal di negeri Sarawak**, sebanyak 18 projek iaitu 15 projek sambungan dan tiga (3) projek baharu telah diluluskan pada tahun 2023. Sebanyak 17 projek bersambung ke tahun 2024 dan terdapat penambahan tiga (3) projek baharu menjadikan 20 projek diluluskan pada tahun 2024. Perbelanjaan yang direkodkan berjumlah **RM76.8 juta** pada tahun 2023 dan **RM66.8 juta** pada tahun 2024 menjadikan perbelanjaan untuk tempoh dua (2) tahun berjumlah **RM143.6 juta**. Perincian perbelanjaan mengikut program/projek adalah seperti berikut:

- i. RM49.1 juta pada tahun 2023 dan RM40.3 juta pada tahun 2024 untuk **projek-projek berskala kecil di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk baik pulih cerun;**
- ii. RM9.2 juta pada tahun 2023 dan RM5.3 juta pada tahun 2024 bagi **projek tapak pelupusan sisa pepejal;**
- iii. RM8.6 juta pada tahun 2023 dan RM9.2 juta pada tahun 2024 bagi **Program Baik Pulih Rumah dan Bina Baharu Rumah di Bandar;**

- iv. RM8.4 juta dan RM2.8 juta pada tahun 2023 dan 2024 untuk **projek taman awam dan landskap**;
- v. RM9,600.00 dan RM4.6 juta pada tahun 2023 dan 2024 bagi **Program Perumahan Rakyat (PPR) / Program Residensi Rakyat (PRR)**;
- vi. RM633,400.00 pada tahun 2023 dan RM2.6 juta pada tahun 2024 bagi **Program Penyelenggaraan Perumahan Awam dan Swasta**; serta
- vii. RM888,542.00 pada tahun 2023 dan RM1.9 juta pada tahun 2024 bagi **projek balai bomba dan kuarters**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan ke mana pergiya beras tempatan untuk rakyat Malaysia sedangkan keluasan sawah kita adalah lebih 644,854 hektar dan mengeluarkan lebih daripada 2.4 juta tan metrik padi semusim. Apa perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah yang berlarutan hampir 2 tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keberadaan Beras Putih Tempatan (BPT) mula hangat diperkatakan selepas Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) menyelaraskan harga pintu gudang Beras Putih Import (BPI) daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik pada 1 September 2023. Penyelarasan ini perlu dibuat kerana harga beras putih dunia telah meningkat dengan mendadak ekoran Kerajaan India mengenakan sekatan ke atas eksport beras putih. Untuk makluman, India menguasai 40% pasaran beras putih dunia. Sekiranya penyelarasan ini tidak dibuat, BERNAS akan mengalami kerugian besar dan berisiko menjelaskan 10 obligasinya ke atas sektor padi dan beras negara.
2. Susulan pengumuman penyelarasan harga pintu gudang BPI oleh BERNAS, purata harga runcit BPI telah meningkat daripada RM30 per 10 kilogram kepada RM40 per 10 kilogram. Kenaikan harga yang tinggi ini menyebabkan pengguna mula mencari alternatif beras putih yang lebih murah. Maka pilihan yang ada pada pengguna adalah BPT kerana harganya masih dikawal sejak tahun 2008 pada kadar RM2.60 per kilogram. Pada waktu inilah berlaku perubahan tingkah laku pengguna iaitu daripada membeli beras mengikut jenama kepada membeli BPT. Sebelum penyelarasan harga pintu gudang BPI ini dibuat, BPT kurang mendapat perhatian daripada pengguna dan lebih diminati oleh golongan peniaga. BPT juga digunakan untuk menghasilkan produk sampingan beras seperti bihun dan tepung serta untuk tender-tender pembekalan kepada pihak Kerajaan.
3. Selain perubahan tingkah laku pengguna, penyelarasan semula harga pintu gudang BPI juga telah menyebabkan perubahan strategi pengilang beras apabila pengilang beras dikesan mula bersaing mendapatkan bekalan padi tempatan sehingga harga belian padi tempatan naik dengan mendadak daripada RM1,200 per tan metrik kepada RM2,000 per tan metrik. Perebutan ini berlaku kerana mereka bimbang jika sekatan yang terlalu lama oleh Kerajaan India akan menyebabkan 40% bekalan BPI akan berkurangan di pasaran dunia dan menyebabkan kenaikan harga. Untuk makluman, Kerajaan hanya menetapkan harga lantai belian padi dan tidak menetapkan harga siling belian padi bagi

melindungi pesawah di negara ini. Kenaikan harga belian padi akan menguntungkan pesawah tetapi dalam masa yang sama, ia juga boleh memberi kesan kepada kos pengeluaran BPT serta harga akhir kepada pengguna.

4. Menyedari satu langkah komprehensif perlu diambil untuk mewujudkan situasi menang-menang kepada pesawah, pengilang dan pengguna, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengambil beberapa langkah intervensi dan melaksanakan reformasi industri padi dan beras secara besar-besaran. Antara langkah intervensi yang telah dilaksanakan oleh Kementerian adalah melancarkan Task Force Khas Bersepadu Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT). Task Force Khas Bersepadu OP BPT merupakan kerjasama strategik melibatkan agensi penguatkuasaan iaitu Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bahagian Penguatkuasa di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi melaksanakan pemeriksaan dan penguatkuasaan di setiap peringkat rantaian industri padi dan beras di seluruh negara berdasarkan bidang kuasa masing-masing. Tempoh pelaksanaan Task Force Khas ini adalah dari 3 Oktober hingga 3 November 2023 dan kemudian dilanjutkan sehingga 17 November 2023.

5. Sepanjang pelaksanaan Task Force Khas tersebut, KPKM telah menerima maklumat bahawa kampit BPI yang dijual di pasaran mengandungi campuran kandungan BPT dan BPI. Untuk mengesan dan mengesahkan pencampuran ini, KPKM telah mengarahkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk membangunkan teknologi yang boleh mengesan pencampuran beras. Hasilnya, MARDI berjaya membangunkan teknologi berdasarkan cap jari asid deoksiribonukleik (deoxyribonucleic acid - DNA) yang mampu mengesan varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik. Melalui teknologi ini, analisis dijalankan dengan membuat perbandingan profil DNA beras melalui sampel yang diperolehi dengan profil DNA padi varieti tempatan yang telah diisytiharkan di Malaysia.

6. Keputusan analisis oleh MARDI menunjukkan wujud persamaan profil DNA dengan varieti padi tempatan atau dengan kata lain berlaku percampuran BPT dengan BPI dalam kampit BPI. Bagaimanapun, **berdasarkan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan perundangan subsidiari di bawahnya, tiada peruntukan yang khusus yang jelas bagi pendakwaan kes di mahkamah mengenai kesalahan percampuran beras.**

7. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga telah menjalankan kajian ke atas industri padi dan beras pada sejak awal tahun 2024. Hasil kajian tersebut telah dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN) Bilangan 2 Tahun 2024 pada 17 Disember 2024 Berdasarkan daptan MyCC, berlaku amalan proses pencampuran BPT dengan BPI di dalam industri padi dan beras. MyCC merumuskan bahawa tujuan pencampuran ini adalah untuk memenuhi cita rasa pengguna tempatan dan untuk menghasilkan variasi jenama di pasaran. **Amalan pencampuran beras ini telah berlaku sejak tahun 1970-an lagi, iaitu selepas penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) di bawah pentadbiran Kerajaan-kerajaan terdahulu dan bukannya baru berlaku ketika pemerintahan Kerajaan sekarang.**

8. Susulan Mesyuarat JKKMN tersebut dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024, KPKM telah diarahkan supaya memperhalusi kaedah dan mekanisme terbaik untuk mengawal percampuran BPT dan BPI melalui perundungan serta merangka simulasi cadangan penetapan harga yang bersesuaian bagi kategori beras campuran secara komprehensif sebelum dikemukakan bagi pertimbangan Jemaah Menteri. Untuk makluman, mekanisme bagi mengawal percampuran turut mendapat sokongan MyCC sebagai kaedah penyelesaian masalah bekalan beras.

9. Semasa Sesi Penerangan Menteri berhubung Situasi Semasa Industri Padi dan Beras Negara di Dewan Rakyat pada 13 Februari 2025 yang lalu, dua langkah telah diumumkan sebagai usaha awal untuk memastikan keseimbangan dalam industri iaitu:

(a) menyelaraskan harga lantai belian padi daripada RM1,300 kepada RM1,500 bagi setiap tan metrik yang telah berkuat kuasa 16 Februari 2025. Penyelarasan ini dilaksanakan dengan mengambil kira kenaikan kos pengeluaran padi merangkumi kos upah dan kos input pertanian seperti baja, racun dan lain-lain serta impak kepada kos pengeluaran beras dan seterusnya memberi kesan kepada bekalan dan harga beras di pasaran; dan

(b) **mengekalkan BPT pada harga RM2.60 sekilogram dengan menyerap sebahagian kos pengeluaran BPT sekitar RM150 juta untuk tempoh enam bulan mulai 1 Mac 2025 hingga 31 Ogos 2025 bagi memastikan keberadaan bekalan sebanyak 24 juta kampit BPT 10 kilogram secara berperingkat di pasaran.** Langkah ini adalah untuk

NO SOALAN : 43

membantu rakyat terutama golongan berpendapatan rendah mendapat bekalan beras pada harga berpatutan dan seterusnya membantu mengurangkan kos sara hidup mereka.

10. Berdasarkan penjelasan di atas, adalah diharapkan segala usaha yang sedang dilaksanakan mendapat sokongan dari semua pihak demi kebaikan serta masa depan industri padi dan beras negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang atau berhasrat untuk menaik taraf fasiliti dan gelanggang sukan di Kompleks Sukan Sandakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa berusaha untuk menaik taraf fasiliti sukan di seluruh negara secara berperingkat. Pada masa ini KBS tiada perancangan untuk menaik taraf fasiliti dan gelanggang sukan di Kompleks Sukan Sandakan, Sabah. Sebarang permohonan projek naik taraf fasiliti selain di bawah KBS memerlukan pengesahan serta kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Ini adalah kerana pembangunan infrastruktur sukan memerlukan perancangan khusus serta rapi daripada Kerajaan Negeri kerana kos penyelenggaraannya adalah tinggi serta melibatkan pertambahan perjawatan bagi menguruskannya. Oleh itu, KBS hanya akan mengutamakan fasiliti-fasiliti yang telah diberi kelulusan oleh Kerajaan Negeri untuk dinaik taraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan :

- a. komitmen Kementerian mengadakan konsultasi awam dan libat urus pemegang taruh sektor berkenaan terhadap penggubalan RUU Kualiti Benih Tempatan
- b. impak terkini penguatkuasaan pindaan ke atas Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta PNPV).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman (RUUKBT) adalah khusus untuk benih tanaman yang berpotensi dan bernilai komersial. RUUKBT telah melaksanakan proses Regulatory Impact Analysis (RIA) bermula 6 Mac 2013. Regulatory Impact Statement (RIS) bagi RUU Kualiti Benih Tanaman telah dikeluarkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 22 Jun 2018.
2. Dalam melengkapkan proses ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian (DOA) wajib melaksanakan konsultasi awam dan libat urus pemegang taruh sektor benih yang terlibat dalam penggubalan RUU ini. Bermula tahun 2013 hingga 2017 sebanyak lapan (8) siri konsultasi telah dijalankan. Pada masa kini, RUUKBT masih dalam semakan dan penelitian oleh Jabatan Peguam Negara (AGC). Pada masa sama, KPKM melalui DOA juga sedang dalam penyediaan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) untuk kelulusan Jemaah Menteri.
3. Jemaah Menteri di Mesyuarat Kabinet Khas yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 22 Mei 2015 telah bersetuju supaya Malaysia menyertai International Union for the Protection of New Varieties of Plants (UPOV) dan DOA telah diminta untuk memulakan proses penambahbaikan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan (PVBT) supaya selaras dengan UPOV 1991 yang bertujuan untuk mengukuhkan hak-hak pekebun-pekebun kecil, pembiak baka dan penduduk pribumi. Pada tahun 2011, Rang Undang-Undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan (RUUPVBT) telah dibuat pindaan akta yang pertama.
4. Pada tahun 2017, MPC menghendaki supaya Penggubalan RUUPVBT perlu menjalani proses RIA. Bermula 2018, sesi libat urus, konsultasi, bengkel dan mesyuarat bersama pemegang taruh telah diadakan. Pihak terlibat bersetuju dengan pindaan draf RUUPVBT yang telah dibangunkan. Sesi pembentangan kepada Ahli Lembaga perihal Pindaan Akta PVBT 2004 telah dilaksanakan pada 12 November 2019 serta bersetuju dengan draf akhir RUUPVBT.

5. Selain itu, berdasarkan penilaian RIS yang telah disediakan oleh MPC mendapati kesemua elemen yang dikemukakan oleh KPKM telah memenuhi kriteria meliputi isu berbangkit, sasaran ditetapkan, opsyen-opsyen yang ada, penilaian impak dan lain-lain.

6. Impak penguatkuasaan kepada pindaan akta ini adalah seperti berikut:

- (i) rekonsiliasi antara kepentingan petani dan hak pembiak baka;
- (ii) fungsi akta lebih jelas dalam perlindungan varieti baharu tumbuhan, kaedah permohonan dan pematuhan undang-undang;
- (iii) penyeragaman Akta 634 supaya lebih sesuai dengan keperluan perjanjian antarabangsa;
- (iv) jaminan sekuriti makanan melalui sekuriti bahan tanaman; dan
- (v) meningkatkan daya saing industri pertanian negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membuat pembahagian semula penempatan pegawai kesihatan seperti doktor, jururawat, ahli farmasi dan paramedik dan hasrat untuk membuat pembahagian semula penempatan berdasarkan beban tugas di fasiliti dengan mengambil kira norma atau nisbah piawai keperluan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada YB Rasah yang membangkitkan mengenai langkah-langkah pembahagian semula penempatan anggota kesihatan.
2. Buat masa ini, penetapan keperluan tenaga kerja dibuat berdasarkan:
 - (a) norma dan outfit perjawatan.
 - (b) mengambil kira beban kerja di fasiliti kesihatan.
 - (c) keperluan tambahan tenaga kerja juga diuruskan menerusi penempatan pegawai lantikan kontrak (contract of service); dan
 - (d) mobilisasi anggota Kementerian Kesihatan ke fasiliti yang lebih memerlukan.
3. Namun, sektor kesihatan menghadapi cabaran dalam memastikan agihan sumber manusia kesihatan yang optimum dan efektif. Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa melaksanakan pelbagai pendekatan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkesan bagi fasiliti Kementerian Kesihatan seluruh negara.
4. Kementerian Kesihatan melaksanakan inisiatif berterusan bagi menangani isu tersebut melalui:
 - (a) pembangunan sistem Optiroute yang memaparkan maklumat sumber manusia Kementerian Kesihatan data masa nyata (real time data);
 - (b) memantau keperluan tenaga kerja bagi mengimbangi beban kerja anggotanya dan keperluan penyampaian perkhidmatan melalui outfit perjawatan dan beban kerja di fasiliti kesihatan;
 - (c) menetapkan standard penanda aras (benchmarking) dan integrasi bersepadu keperluan sumber manusia mengikut keperluan perkhidmatan dan fasiliti bagi lima (5) skim utama iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkara ini telah dibincangkan secara holistik semasa Sesi Pemukiman Pengurusan Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2025; dan

NO SOALAN : 46

- (d) melaksanakan naziran bersepadu bagi memastikan pematuhan dasar sumber manusia di Kementerian Kesihatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan :

- a. jumlah import bahan makanan daripada jenis sayuran, buah-buahan dan daging bagi tempoh 2022 sehingga 2024
- b. apakah langkah yang diambil Kementerian dalam meningkatkan kadar sara diri (SSR) bahan makanan asas tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited untuk mengurangkan kebergantungan keperluan bahan makanan utama seperti sayur-sayuran, buah-buahan serta daging dan sediaan daging dengan meningkatkan pengeluaran tempatan dan memperkuatkan Kadar Sara Diri (SSR). Walau bagaimanapun, terdapat bahan makanan yang tidak dapat dihasilkan secara domestik disebabkan beberapa faktor yang menjadi cabaran antaranya kesesuaian iklim, pengeluaran yang tidak ekonomik serta kekangan sumber seperti tanah dan tenaga kerja. Selain itu, permintaan pengguna turut mempengaruhi import makanan, kesan daripada gaya hidup, peningkatan tahap pendapatan dan perubahan persekitaran.

Pada tahun 2022, nilai import bagi sayur-sayuran, buah-buahan serta daging dan sediaan daging adalah sebanyak RM18.08 bilion dan meningkat 5.7 peratus kepada RM19.12 bilion pada tahun 2023. Bagi tempoh Januari hingga November 2024, nilai import mencatatkan RM19.66 bilion.

Pecahan jumlah import bagi tiga (3) jenis bahan makanan adalah seperti berikut:

- (i) sayur-sayuran mencatatkan RM6.23 bilion pada 2022 kepada RM7.04 bilion pada 2023. Bagi tempoh Januari hingga November 2024, jumlah import mencapai RM7.46 bilion;
- (ii) buah-buahan pula mencatatkan nilai import sebanyak RM5.11 bilion pada 2022, berkurang kepada RM4.98 bilion pada 2023. Bagi tempoh Januari hingga November 2024, jumlah import mencatatkan RM5.14 bilion; dan
- (iii) daging dan sediaan daging mencatatkan nilai import sebanyak RM6.75 bilion pada 2022 kepada RM7.10 bilion pada 2023. Bagi tempoh Januari hingga November 2024, jumlah import mencatatkan RM7.06 bilion.

- (b) KPKM sentiasa berusaha untuk memperkasakan pengeluaran dalam meningkatkan kadar sara diri (SSR) bahan makanan asas khususnya

sayur-sayuran, buah-buahan dan daging. Antara langkah yang akan dilaksanakan tahun 2025 adalah:

- (i) Projek Peningkatan Tahap Sara Diri (SSR) Sayuran Terpilih sebanyak RM3 juta;
- (ii) Pengukuhan Projek Pertanian Berskala Besar Bagi Pengeluaran Makanan sebanyak RM7.5 juta;
- (iii) Projek Pengukuhan Pengeluaran Benih Kelapa sebanyak RM3.25 juta;
- (iv) Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Lembu Pedaging Ke Arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 60% (PIKK 60%) sebanyak RM8.8 juta;
- (v) Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Ruminan Kecil Ke Arah Purata Kadar Kelahiran Nasional 100% (PIKK 100%) sebanyak RM6 juta; dan
- (vi) Pemantapan Program Pembibitan Lembu Hibrid Pedaging Malaysia sebanyak RM0.45 juta.

Selain itu, Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah dengan Kerjasama Kerajaan Negeri juga telah diperuntukkan sebanyak RM300 juta pada tahun 2025 berbanding RM150 juta pada tahun 2024 bertujuan untuk membangunkan dan mengoptimumkan penggunaan tanah dengan kerjasama Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil produk agromakanan negara. Antara projek yang akan dilaksanakan termasuk projek penanaman sayur-sayuran seperti halia, bawang, timun, bendi, cili dan kacang panjang; projek penanaman buah-buahan seperti melon, nanas dan pisang; dan projek ternakan kambing dan lembu pedaging.

KPKM akan terus melaksanakan kesemua langkah dan strategi dalam memperkasa sektor agromakanan bagi memenuhi agenda keterjaminan makanan negara dengan sokongan daripada pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri seterusnya mengurangkan kadar kebergantungan kepada makanan import.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen menubuhkan Koridor Respiratori Pantai Timur Sabah untuk menampung keperluan sejuta penduduk meliputi Tawau, Kalabakan, Semporna dan Lahad Datu dalam mengatasi Kes Tuberkulosis (TB) sekarang mencatat 566 kes, kedua tertinggi serta kadar pengesanan terendah 69% di Sabah pada tahun 2023 kerana kekurangan peralatan yang lengkap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan keperluan untuk menangani isu Tuberkulosis (TB) di negeri Sabah termasuk di Tawau, Kalabakan, Semporna, dan Lahad Datu.
2. Sabah melaporkan jumlah kes TB di antara 4,500 kes hingga 6,000 kes setiap tahun. Pada tahun 2024, sebanyak 6,013 kes TB dilaporkan di Sabah, di mana 560 kes dilaporkan dari daerah Tawau dan Kalabakan, 434 kes dari daerah Semporna dan 414 kes dari daerah Lahad Datu.
3. Pada masa kini aktiviti pencegahan dan kawalan TB di daerah Tawau, Kalabakan, Semporna dan Lahad Datu dilaksanakan di 15 buah Pusat Rawatan TB yang berada di klinik-klinik kesihatan dalam daerah tersebut .
4. Pusat Rawatan TB ini dilengkapi dengan peralatan mikroskop, rapid molecular test dan x-ray dada untuk membuat diagnosa serta dibekalkan ubat-ubatan rawatan TB untuk memulakan rawatan awal. Pemantauan pesakit dilakukan sehingga sempurna rawatan di Pusat Rawatan TB tersebut.
5. Selain daripada itu, aktiviti pencegahan dan kawalan TB juga diperkuuhkan melalui aktiviti saringan TB secara aktif dan jangkauan luar, termasuk perkhidmatan X-ray bergerak.
6. Dari segi perawatan, prosedur asas diagnostik dan terapeutik oleh perkhidmatan subkepakaran perubatan respiratori seperti bronchoscopy dan pleuroscopy telah disediakan di wilayah ini. Perkhidmatan di Hospital Tawau telah dimulakan pada tahun 2023 dengan seorang pakar perubatan respiratori dan pasukan terdiri dari pegawai perubatan dan 4 orang paramedik. Sebagai tambahan, seorang lagi pakar respiratori akan ditempatkan di Hospital Tawau pada tahun ini untuk pengukuhan perkhidmatan.
7. Selain itu, seorang pakar perubatan dalaman dari Hospital Tawau juga telah menjalani latihan di Hospital Queen Elizabeth untuk melakukan prosedur bronchoscopy bagi meningkatkan keupayaan perawatan.
8. Perkhidmatan baru iaitu Ujian Kajian Tidur (sleep study) juga akan dimulakan di Hospital Tawau pada tahun ini setelah perolehan peralatan

Polysomnogram selesai dilaksanakan.

9. Bagi meningkatkan akses pesakit kepada perkhidmatan kepakaran, pakar perubatan respiratori juga menawarkan perkhidmatan secara lawatan bulanan di Hospital Semporna, Kunak dan Lahad Datu sejak tahun 2024.
10. Pengukuhan perkhidmatan dari segi latihan intensif untuk pegawai perubatan dan paramedik akan dimulakan pada tahun ini di pusat latihan seperti Hospital Queen Elizabeth (HQE) bagi memastikan kompetensi dan demi menjamin kesinambungan perkhidmatan yang berkualiti kepada pesakit.
11. KKM sentiasa komited dalam meningkatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih cekap dan berkesan termasuk pencegahan dan kawalan TB demi melindungi kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia termasuk kepada rakyat Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta MENTERI KOMUNIKASI menyatakan :

- a. apakah langkah strategik yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mengawal penganjuran konsert yang bercanggah dengan ajaran Islam serta nilai budaya masyarakat Malaysia
- b. bagaimana Kementerian memastikan tiada penglibatan umat Islam dalam aktiviti yang bertentangan dengan prinsip agama dan norma kebangsaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi (KK) melalui Unit Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) merupakan pusat setempat yang berperanan sebagai urus setia Jawatankuasa PUSPAL untuk menyelaras dan memproses permohonan kemasukan artis dan kru luar negara.

Jawatankuasa PUSPAL terdiri daripada 16 keanggotaan melibatkan pelbagai kementerian/jabatan/agensi Kerajaan termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berperanan memberi pandangan dan nasihat dari aspek sensitiviti agama dan umat Islam di Malaysia agar pengajur konsert mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan tindakan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian bagi membantu baik pulih atau naik taraf jambatan gantung yang ada di daerah Kota Marudu terutama kawasan tumpuan utama yang digunakan sebagai jalan perhubungan sehari-hari penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jambatan uzur dan separa kekal seperti jambatan gantung di kawasan luar bandar dapat dinaik taraf kepada jambatan kekal melalui program Jambatan Luar Bandar (JMLB). Ini bagi memastikan akses perhubungan penduduk desa yang melalui jambatan-jambatan lama ini dapat ditingkatkan agar lebih selamat dan selesa untuk dilalui.

Kelulusan bagi pelaksanaan projek-projek di bawah program ini adalah berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh Kerajaan Sabah melalui Kementerian ini mengikut keutamaan sebelum diangkat kepada Kementerian Ekonomi.

Di bawah RMKe-12, satu projek telah diluluskan di bawah program JMLB di kawasan Parlimen Kota Marudu iaitu projek Menaiktaraf Jambatan Sg. Lamau, KM2.00 Jalan Masolog, Kota Marudu, Sabah. Projek ini telah diluluskan pada tahun 2021 dengan kos sebanyak RM3.35 juta. Skop projek ini adalah membina jambatan konkrit sepanjang 30 meter dengan lebar 10m. Projek ini telah berjaya disiapkan pada November 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan manfaat-manfaat kepada rakyat Malaysia hasil daripada lawatan YB Menteri KESUMA ke China mengiringi YAB Perdana Menteri pada Disember lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang Mulia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan lawatan kerja ke Republik Rakyat China (RRC) dari 4 hingga 7 November 2024, di atas jemputan TYT Li Qiang, Premier Republik Rakyat China untuk menghadiri Ekspo Import Antarabangsa China (*China International Import Expo - CIIE*) Ke-7 di Shanghai. Untuk makluman, tahun ini Malaysia telah diberi penghormatan sebagai *Country of Honour* di CIIE Ke-7.

Justeru, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, sebagai pemain yang berpengaruh dalam ekonomi serantau, Malaysia dan China mendapat manfaat yang besar dengan mengukuhkan kerjasama dalam TVET dan pembangunan modal insan semasa lawatan kerja tersebut.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sedang menjalankan kerjasama bersama syarikat-syarikat dan industri China bagi memantapkan pembangunan bakat serta membina persekitaran pembelajaran yang seiring dengan kehendak dan keperluan kemahiran antaranya melalui:

- i. pemeretaian Memorandum Persefahaman antara JTM bersama syarikat Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. pada 17 Disember 2024, KESUMA berjaya mendapatkan komitmen Huawei untuk menyokong pembangunan Kampus Pintar, Smart Classroom dan pelaksanaan *Huawei Learning Centres* di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Melalui kerjasama ini, Institut Latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah KESUMA dapat melatih pekerja yang bukan hanya kompeten, malah mampu berdaya saing dalam mendepani pelbagai perubahan teknologi kemahiran dan pekerjaan sedia ada; dan

- ii. kerjasama antara JPK dan ARS Sdn Bhd, sebuah syarikat yang bekerjasama dengan Yalong China iaitu syarikat di China untuk membangunkan sumber manusia mahir dalam bidang *Industrial Revolution 4.0* (IR4.0), *Automotif*, *Internet of Things* (IoT) dan bidang-bidang TVET lain yang berkenaan. Kerjasama ini dapat memberikan peluang bagi tenaga

pengajar berkongsi pertukaran kepakaran, pengetahuan, perkhidmatan, perundingan dalam pembangunan Program TVET.

Kerjasama strategik antara jabatan serta Institut Latihan TVET di bawah KESUMA bersama Industri China secara tidak langsung meningkatkan imej serta kepercayaan masyarakat terhadap latihan di institut TVET seterusnya menyumbang kepada kebolehpasaran graduan yang tinggi bagi mendukung masa depan ekonomi negara.

Dalam pada itu, semasa pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama Presiden China Xi Jinping, China telah bersetuju untuk menggunakan tenaga kerja mahir dan profesional tempatan berbanding amalan sebelumnya dalam projek usahasama antara Malaysia dan China termasuk projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia seterusnya dapat mengurangkan peratusan kadar pengangguran di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- a. hala tuju FAMA ke arah Sekuriti Makanan dengan penukaran nama bahagian yang terdapat di FAMA
- b. peranan dan fungsi bahagian ini yang hendak dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merupakan sebuah agensi pemasaran di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang bertanggungjawab dalam pemasaran produk agromakanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bungaan serta produk-produk industri makanan dan asas tani.
2. Pertukaran nama beberapa bahagian di FAMA adalah kesinambungan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 April 2023 untuk memperkasakan peranan dan bidang kuasa FAMA sebagai agensi utama untuk mengukuhkan agenda keterjaminan makanan negara. Lanjutan itu, visi, misi dan objektif FAMA juga telah ditambah baik menjurus ke arah sekuriti makanan. Perubahan bahagian yang terlibat adalah:
 - (i) Bahagian Pemasaran Segar ditukarkan kepada Bahagian Pemasaran Segar & Intervensi;
 - (ii) Bahagian Industri Makanan & Asas Tani ditukarkan kepada Bahagian Pasaran Produk Proses;
 - (iii) Bahagian Pembangunan Kontrak Pemasaran ditukarkan kepada Bahagian Padanan Bekalan;
 - (iv) Bahagian Pembangunan Institusi Pemasaran ditukarkan kepada Bahagian Institusi Pasaran;
 - (v) Bahagian Pemasaran Digital ditukarkan kepada Bahagian Pemodenan Pasaran;
 - (vi) Bahagian Perancangan Strategik ditukarkan kepada Bahagian Dasar & Perancangan Strategik;
 - (vii) Bahagian Galakan Pasaran dipecahkan kepada Bahagian Galakan Pasaran & Kepenggunaan dan Bahagian Pasaran Antarabangsa;
 - (viii) Bahagian Regulatori ditukarkan kepada Bahagian Regulasi Pasaran;

- (ix) Bahagian Pembangunan Modal Insan ditukarkan kepada Bahagian Keusahawanan Pemasar; dan
 - (x) Bahagian Teknologi Maklumat ditukarkan kepada Bahagian Perkhidmatan Digital.
3. Salah satu peluasan fungsi yang telah dilaksanakan oleh FAMA adalah melalui intervensi pengedaran telur ayam dan Beras Putih Tempatan (BPT). Sepanjang tahun 2024, FAMA telah melaksanakan intervensi pengedaran telur ayam dan beras melalui penganjuran 5,707 Program Jualan Agro MADANI di seluruh negara. Sebanyak 19.5 juta biji telur atau 651,351 papan telur dengan nilai belian sebanyak RM6.85 juta dan 860 ribu kampit 10 Kilogram Beras Putih Tempatan (BPT) dengan nilai belian RM21.899 juta telah diedarkan.
4. Bagi memperkuuh hala tuju FAMA, dua (2) fungsi utama akan diberi tumpuan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Pertama, peranan FAMA dalam mengawal selia industri dan kedua, peranan FAMA sebagai pelaksana program di sepanjang rantaian pemasaran. Fungsi pertama akan dilaksanakan melalui pengawasan bekalan dan permintaan. Strategi ini memfokuskan aktiviti analisis dan hebahan maklumat yang komprehensif di samping menguatkuaskan regulasi pasaran untuk meningkatkan kualiti dan daya saing produk agromakanan tempatan. Manakala bagi fungsi kedua, FAMA akan melaksanakan program serta projek untuk mengukuhkan industri pemasaran agromakanan negara. Strategi ini merangkumi pengukuhan pengedaran, perluasan pasaran domestik dan antarabangsa, serta pemerkasaan pemasaran digital. Ini termasuk intervensi pasaran segar, padanan bekalan produk bernilai tinggi, pengukuhan institusi pasaran, dan galakan pemprosesan.
5. Kementerian yakin peluasan fungsi FAMA ini akan dapat menyokong agenda Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (2021-2025) untuk mengukuhkan keterjaminan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa masalah banjir kilat di Jalan Lahat, Menglembu yang berlarutan sekian lama belum diselesaikan. Apakah langkah-langkah segera yang telah diambil untuk menangani isu ini, serta perancangan jangka panjang, anggaran kos dan tempoh pelaksanaan projek perparitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa prihatin dan cakna dengan masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan pentadbiran dan pengoperasian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Usaha meminimumkan risiko banjir kilat sentiasa menjadi salah satu agenda utama KPKT dalam menentukan kehidupan rakyat yang terjamin keselamatannya dan menjalani kehidupan yang lebih tenteram. KPKT sentiasa berusaha memastikan agenda pengawalseliaan banjir kilat ini dilaksanakan secara berterusan di peringkat PBT.

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] telah menggariskan bahawa PBT bertanggungjawab menyelenggara sistem perparitan di dalam kawasan operasi dan pentadbiran PBT dan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan PBT adalah berdasarkan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] yang telah diguna pakai di tujuh (7) buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya). **Bagi PBT yang tidak tertakluk dengan pemakaian peraturan di bawah Akta 672 seperti Negeri Perak, tugas pemantauan dan penyeliaan bagi penyelenggaraan perparitan adalah masih di bawah tanggungjawab PBT sama ada secara penyumberluaran (outsource) atau dalaman.** Secara berkala, PBT akan melaksanakan pemantauan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan yang diuruskan oleh syarikat/ operator yang dilantik melalui pemeriksaan terus di tapak dan tindakan segera berdasarkan aduan awam yang diterima.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, KPKT melalui PBT akan menjalankan siasatan terperinci untuk mengenal pasti punca sebenar satu-satu kejadian banjir kilat sebaik sahaja ia berlaku. Bagi isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang melibatkan kawasan Jalan Lahat khususnya di hadapan simpang Petron di Menglembu, kawasan ini adalah di bawah pengoperasian Majlis Bandaraya Ipoh (MB Ipoh). Hasil siasatan oleh MB Ipoh mendapati bahawa punca kejadian banjir kilat di kawasan tersebut adalah disebabkan oleh kedudukannya **yang berdekatan dengan aliran jajaran Sungai Kledang. Faktor kadar taburan hujan yang tinggi pada masa kini**

yang mencecah sehingga tiga (3) kali ganda telah menyebabkan **paras air Sungai Kledang meningkat dan melimpah daripada paras bahaya.** Ini telah menyebabkan **aliran air keluar daripada longkang monsun ke sungai menjadi terhalang.** Selain itu, **MB Ipoh turut mendapati faktor mendapan pasir dan tanah akibat bawaan aliran sungai yang deras** telah menyebabkan sungai tersebut kini menjadi cetek.

Berikut adalah **kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh PBT** bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf perparitan bawah tanah adalah seperti berikut:

- i. **Tempoh pengambilan tanah persendirian** mengambil masa yang lama dan melibatkan ramai pemilik;
- ii. **Pengalihan utiliti** seperti kabel Tenaga Nasional Berhad (TNB), jajaran paip air dan kabel telekomunikasi Telekom Malaysia (TM) yang memerlukan kelulusan permit daripada pemilik utiliti tersebut;
- iii. **Gangguan aliran trafik jalan raya** yang sedia ada semasa projek dilaksanakan; dan
- iv. **Tempoh projek pembinaan yang agak lama** iaitu dijangka selesai dalam masa satu (1) hingga dua (2) tahun.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bertanggungjawab untuk menyediakan peruntukan projek-projek BP.1 berskala kecil kepada PBT bagi menangani kejadian banjir kilat. Sehubungan itu, **KPKT telah menyalurkan peruntukan kepada MB Ipoh sebanyak RM392,000 yang melibatkan tiga (3) projek pada tahun 2022 dan sebanyak RM1 juta bagi dua (2) projek pada tahun 2024.** Buat masa ini, MB Ipoh turut melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan perparitan termasuk parit monsun mengikut jadual atau keperluan semasa dan meningkatkan pemantauan dengan lebih kerap bagi kerja-kerja penyelenggaraan oleh kontraktor/ operator yang dilantik.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, selain PBT, tanggungjawab menjaga sistem saliran di kawasan bandar adalah di bawah

beberapa pihak turut melibatkan Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Tanah dan Daerah.

Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 19 Jun 1996, JPS di bawah Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) diberi tanggungjawab sepenuhnya mengurus dan menyenggara semua sungai termasuk sungai di kawasan PBT. Manakala PBT diberi tanggungjawab untuk mengurus dan menyenggara sistem perparitan di kawasan masing-masing. Seksyen 50, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) juga menyatakan, PBT hendaklah membina dan menyenggara parit dan alur air.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status penggubalan Akta Anti Ali Baba bagi menangani isu penguasaan warga asing dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang semakin berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan kini sedang dalam proses menjalankan kajian untuk merangka Akta Anti Rent-Seeking. Proses penyediaan draf akta ini akan dilaksana melibatkan pengumpulan input menerusi sesi libat urus dengan pemain industri, agensi penguatkuasaan serta pelbagai pihak berkepentingan yang lain.
2. Tujuan utama kajian dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti masalah, cabaran, dan halangan yang berkaitan dengan rent-seeking, termasuk aspek undang-undang, penguatkuasaan, serta kesannya terhadap ekonomi dan masyarakat. Kajian ini juga bertujuan untuk memahami dengan lebih jelas isu Ali Baba dalam pelbagai sektor, supaya tindakan undang-undang yang lebih berkesan dapat dilaksanakan.
3. Antara cadangan pelaksanaan adalah melibatkan penggubalan dasar, strategi, dan inisiatif baharu yang lebih menyeluruh untuk mengatasi amalan rent-seeking di negara ini. Ini termasuk mencadangkan penggubalan undang-undang baharu seperti Akta Anti Rent-Seeking atau melakukan pindaan terhadap akta sedia ada.
4. Kerajaan menetapkan sasaran untuk membentangkan cadangan pindaan atau penggubalan akta baharu ini di Parlimen menjelang penghujung tahun 2025.
5. Kajian membolehkan penguatkuasaan perundangan rent-seeking bagi membendung kegiatan ini daripada terus berleluasa dan dapat meningkatkan nilai tambah kepada ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI
APDAL [SEMPORNA]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI
APDAL [SEMPORNA]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN** menyatakan status terkini Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan
2021-2025 dan adakah 15 strategi dan 96 inisiatif dapat dilaksanakan dan
mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah membangunkan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 berdasarkan hala tuju yang digariskan di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) bagi meningkatkan daya tahan sistem makanan negara. Pelan Tindakan ini adalah berdasarkan empat (4) dimensi keterjaminan makanan iaitu **ketersediaan, kebolehcapaian, keselamatan makanan dan pemakanan serta kestabilan dan kemampunan.**
2. Sepanjang tempoh pelaksanaan pelan tindakan ini yang merangkumi **96 inisiatif**, sebanyak **53 inisiatif telah selesai (55 peratus)** dan **31 inisiatif dalam pelaksanaan (32 peratus)**. Manakala **baki 12 inisiatif (13 peratus)** dijangka dapat diselesaikan pada tahun 2025, tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa. Pecahan inisiatif mengikut kluster keterjaminan makanan adalah seperti berikut:
 - (i) sebanyak **21 inisiatif di bawah Kluster Ketersediaan** memfokuskan kepada produktiviti pengeluaran tempatan. Antaranya termasuklah pemodenan vesel bagi meningkatkan produktiviti tangkapan nelayan zon A dan B dan program ternakan akuakultur secara super intensif;
 - (ii) sebanyak **26 inisiatif di bawah Kluster Kebolehcapaian** yang merujuk kepada kemampuan pengguna untuk mendapatkan makanan yang tersedia dengan harga yang berpatutan. Antara inisiatif berkaitan termasuklah pelaksanaan jualan terus kepada pengguna seperti AgroBazaar Online, Peladang Outlet, Jualan Agro MADANI, Jualan RAHMAH dan Jualan MADANI Koperasi;
 - (iii) sebanyak **17 inisiatif pula di bawah Kluster Keselamatan Makanan dan Pemakanan** bagi memastikan keselamatan makanan terjamin serta penyediaan makanan sihat dan bernutrisi. Inisiatif berkenaan termasuklah usaha memperkasa tahap keselamatan makanan produk home-based serta inisiatif MyMeal dan MyChoice kepada pengusaha bagi menyediakan makanan sihat; dan

- (iv) sebanyak **32 inisiatif telah disenaraikan di bawah Kluster Kestabilan dan Kemampanan** bagi memastikan sistem makanan kekal kukuh dan stabil. Antara usaha yang dilaksanakan adalah pembangunan kaedah mitigasi dan adaptasi perubahan iklim seperti teknologi kilang tanaman bagi pengeluaran sayur-sayuran dan tanaman terpilih serta sistem kandang tertutup bagi ternakan ayam.
3. Berdasarkan pencapaian semasa Pelan Tindakan DSMN 2021-2025, KPKM yakin usaha yang dilaksanakan dengan kolaborasi merentas kementerian dan agensi dapat mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan dalam memperkuat tahap keterjaminan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan skim kredit mikro atau pembiayaan khas bagi pekebun sayur untuk membantu mereka meningkatkan skala pengeluaran, terutamanya bagi pekebun kecil di luar bandar. Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha meningkatkan tahap pengeluaran sektor pertanian negara, pelbagai tawaran dana pembiayaan dengan kadar faedah yang munasabah telah disediakan oleh Kerajaan melalui Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan bank-bank komersial tempatan kepada usahawan tani di kawasan bandar dan luar bandar seluruh negara termasuk segmen mikro dan kecil yang terlibat dalam keseluruhan rantaian nilai pertanian.
2. Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyediakan program pembiayaan iaitu AgroFood Facility (AF) dan Micro Enterprises Facility (MEF) dengan dana berjumlah RM1.0 bilion yang ditawarkan melalui semua bank tempatan di dalam negara. Tempoh pembiayaan adalah sehingga maksimum tujuh (7) tahun pada kadar keuntungan serendah 3.75% setahun. Program pembiayaan ini yang bertujuan untuk meningkatkan akses pembiayaan kepada perusahaan mikro termasuk pekebun sayur telah memberi manfaat kepada 6,226 usahawan tani dengan jumlah dana pembiayaan diagihkan sebanyak RM207,185,400.00.
3. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Agrobank telah menyediakan skim kredit mikro iaitu Dana Pembiayaan Agromakanan (DPA) yang berjumlah RM500 juta. Dana ini bertujuan untuk membantu usahawan tani termasuk pekebun kecil di luar bandar meningkatkan skala pengeluaran. Rekod Agrobank sehingga 31 Januari 2025 telah mencatatkan seramai 606 orang penerima manfaat.
4. Bermula tahun 2006, Agrobank melalui sumber peruntukan dalaman telah memperkenalkan produk pembiayaan Agro Musim-i bagi usahawan baru dan sedia ada untuk menjalankan aktiviti pertanian atau berasaskan pertanian dengan kadar keuntungan 15% setahun dikira atas baki bulanan dengan tempoh pembiayaan sehingga lima (5) tahun. Sehingga Januari 2025, seramai 3,090 orang telah menerima manfaat di seluruh Malaysia dan tawaran ini terbuka selagi dana yang disediakan masih ada.
5. Agrobank sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan, turut menyokong inisiatif Kerajaan khususnya Kerajaan Negeri Sarawak dengan

NO SOALAN : 56

menyalurkan kemudahan pembiayaan berjumlah RM71 juta melalui dua (2) bentuk skim iaitu Skim Kredit Mikro Sarawak 1 (SKMS 1) dan Skim Kredit Mikro Sarawak 2 (SKMS 2).

6. Kerajaan komited dan cakna dalam memenuhi keperluan pembiayaan yang diperlukan oleh para pengusaha dalam negara merangkumi semua sektor agromakanan termasuklah pekebun sayur kecil di luar bandar untuk meningkatkan skala pengeluaran serta kekal berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membangunkan kawasan Rantau Panjang sebagai bandar sempadan bagi meningkatkan ekonomi tempatan dan mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam meningkatkan ekonomi tempatan dan mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan di antara wilayah dan negeri termasuk di kawasan Rantau Panjang yang merupakan antara kawasan sempadan yang mempunyai potensi ekonomi merentas sempadan. Antara strategi utama yang dikenal pasti adalah:

- (a) menarik pelaburan berkualiti;
- (b) menambah baik ekosistem perniagaan;
- (c) mempercepat penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan; dan
- (d) mempelbagai dan merancakkan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar.

2. Bagi membangunkan kawasan Rantau Panjang sebagai bandar sempadan, sebanyak 18 projek baharu telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 Tahun 2025 dengan kos RM638.13 juta dan peruntukan RM57.51 juta. Antara projek baharu yang diluluskan di Parlimen Rantau Panjang adalah seperti berikut:

- (a) Projek Membina Jambatan Baharu Rantau Panjang - Golok, Pasir Mas, Kelantan;
- (b) Perolehan Tanah Bagi Pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang, Kelantan; dan
- (c) Projek Sempadan Utara Semenanjung - Kerja-Kerja Menaik Taraf Kemudahan Awam Dan Infrastruktur Bandar Sempadan Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan; dan Bina dan Naik Taraf Kemudahan di Stesen Kuarantin Rantau Panjang, Kelantan

3. Pelaksanaan projek-projek ini dijangka berupaya menyokong ke arah pembangunan sosioekonomi Rantau Panjang sebagai bandar sempadan dan secara tidak langsung akan meningkatkan ekonomi tempatan dan mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan.

NO SOALAN : 57

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memperkenalkan penanaman Konjak sebagai bahan utama dalam penghasilan makanan masa hadapan seperti yang dilakukan oleh Jepun, Indonesia, Thailand, India, Korea Selatan dan China kerana ia adalah alternatif dalam sektor pertanian dan pemakanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Status Malaysia sebagai salah sebuah negara tropika yang kaya dengan flora dan fauna mempunyai kepelbagaiannya spesies Amorphophallus yang tinggi. Ini termasuk Konjac (Amorphophallus konjac) yang merupakan salah satu spesies umbisi yang dikelaskan di dalam keluarga Araceae. Kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mendapatkan:
 - (i) terdapat dua belas (12) spesies Konjac ditemui di Semenanjung Malaysia dengan lebih dari tiga (3) spesies mempunyai umbisi yang boleh dimakan dengan potensi nilai nutrisi yang baik;
 - (ii) beberapa spesies (Amorphophallus muelleri dan Amorphophallus paeniiifolius) yang boleh dimakan telah dikumpulkan oleh MARDI di bawah Bank Gen Agromakanan Kebangsaan dan ditanam di janaplasma; dan
 - (iii) masih terdapat spesies lain yang masih boleh didapati di habitat asalnya (di hutan) serta masih belum diterokai potensinya.
2. Justeru, melihatkan kepada potensi spesies umbisi ini yang masih lagi dikategorikan sebagai Neglected and Underutilised Species (NUS) di negara kita, terdapat potensi untuk mengembangkan spesies ini sebagai makanan alternatif khususnya untuk segmen makanan berteraskan kesihatan.
3. Bagi tujuan penyelidikan makanan berdasarkan konjak, MARDI telah menerima peruntukan berjumlah RM50,000 untuk menjalankan projek bertajuk ‘Mi bebas gluten dan rendah kalori daripada tepung Konjac’. Projek ini adalah dengan kerjasama Syarikat Kulai Konjac Plantation (M) Sdn. Bhd. dari Kulai, Johor. Ketika ini, syarikat ini telah menanam ubi Konjac seluas tiga (3) ekar dan menghasilkan 20,000 Konjac matang. Pada tahun 2025, syarikat merancang untuk menanam 60,000 Konjac muda di kawasan tersebut.
4. Untuk Rancangan Malaysia Ketiga Belas, MARDI akan memohon peruntukan bagi membangunkan lebih banyak produk berdasarkan ubi Konjac.

NO SOALAN : 58

Melalui penyelidikan yang akan dilaksanakan, MARDI dapat meneroka sepenuhnya potensi Konjac dalam mempelbagaikan tanaman makanan baharu pada keseluruhan rantai pengeluaran (from farm to table) ke arah bekalan makanan yang selamat dan mencukupi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD
KAMAL [MACHANG]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jika terdapat rancangan bagi meluaskan Jalan Persekutuan 8 (Jalan Kota Bharu-Gua Musang) yang mempunyai jumlah pengguna yang kian meningkat terutamanya ketika musim perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum masalah kesesakan di FT8 Jalan Gua Musang-Kota Bharu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di kawasan Gua Musang terdapat Projek Lingkaran Tengah Utama (LTU) yang masih di peringkat pembinaan di bawah seliaan Kementerian ini dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Buat masa ini, fokus utama Kementerian adalah untuk memastikan projek LTU Seksyen 3B dan 3C (KM180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang) dan Seksyen 3D (Gua Musang ke Mentara) dapat disiapkan mengikut perancangan.

Dalam pada itu, berdasarkan data terkini daripada stesen bincian lalulintas di Kuala Krai mendapati Tahap Perkhidmatan Jalan (*Level of Service, LOS*) di FT8 Jalan Gua Musang-Kota Bharu berada pada tahap LOS C iaitu aliran trafik lancar dengan kelewatan yang munasabah. Ini bermakna, jalan tersebut masih mampu menampung aliran trafik semasa dan tiada keperluan mendesak untuk dinaiktaraf pada masa kini.

Analisa trafik yang dijalankan menunjukkan bahawa, penyiapan sepenuhnya projek LTU akan meningkatkan kelancaran trafik di jalan FT8 serta akan memberikan keselesaan dan meningkatkan tahap keselamatan kepada pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Sabah memerlukan pembinaan klinik-klinik kesihatan di kawasan-kawasan pedalaman yang lebih banyak bagi memudahkan rakyat di pedalaman mendapat rawatan segera. Di daerah Ranau khususnya adakah pihak Kementerian telah merancang pembinaan klinik-klinik kesihatan yang baru bagi menyantuni keperluan rakyat di pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun ini, KKM akan menaik taraf enam (6) buah klinik di Ranau termasuk empat (4) daripadanya yang terletak di kawasan pedalaman menggunakan peruntukan klinik daif sekaligus memperkasakan perkhidmatan di kawasan terlibat.
2. Selain itu, sebuah klinik kesihatan yang komprehensif telah dirancang di Pekan Lohan. Tapak milik Kerajaan Negeri Sabah telah dimohon untuk pewartaan bagi kegunaan projek tersebut.
3. Disamping itu, KKM juga menyediakan perkhidmatan klinik bergerak bagi penduduk di kawasan pedalaman Ranau dan akan sentiasa memantau keperluan perluasannya dari masa ke masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB
AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi peruntukan kepada semua PBT untuk menguruskan sendiri kerja-kerja pemotongan rumput di dalam kawasan pentadbiran PBT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) amat menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat berkaitan kerja-kerja penyenggaraan rumput di sepanjang jalan awam dalam kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Untuk makluman, kerja-kerja tersebut adalah dilakukan secara berkala oleh pihak PBT menggunakan peruntukan penyenggaraan tahunan jalan raya yang disediakan melalui geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS). Peruntukan tersebut disalurkan secara terus kepada PBT bagi menaik taraf jalan di bawah kawal selia PBT. Ini selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI dalam usaha meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat.

Kementerian ini melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menyalurkan **peruntukan projek-projek berskala kecil BP.1 bagi 156 PBT seluruh negara** bagi memenuhi agenda memperkasa dan memajukan pembangunan fizikal dan kualiti hidup penduduk tempatan di kawasan PBT yang meliputi skop **sosio-ekonomi, infrastruktur, kemudahan awam dan keselamatan**. Skop projek infrastruktur adalah meliputi kerja-kerja berkaitan **embina dan menaik taraf jalan raya, laluan pejalan kaki, parit, longkang serta lampu jalan** yang berada di **kawasan seliaan PBT sahaja**.

Sehubungan itu, buat masa ini **KPKT belum bercadang untuk menyediakan peruntukan kepada PBT untuk kerja-kerja penyenggaraan yang bersifat operasi perbandaran** seperti kerja-kerja pemotongan rumput disebabkan ia di luar skop projek BP.1 yang telah ditetapkan. Namun begitu, KPKT menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat dan mengambil maklum akan cadangan yang dikemukakan ini untuk pertimbangan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah projek di bawah Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) yang dilaksanakan pada tahun 2024 dan jumlah kos yang terlibat bagi perlaksanaan projek-projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2024, sebanyak 3,555 projek telah disenarai pendek di peringkat Kementerian Ekonomi dan dikemukakan kepada agensi pelaksana untuk semakan kebolehlaksanaan. Walau bagaimanapun, berdasarkan siasatan tapak oleh agensi pelaksana sehingga 10 Februari 2025, sebanyak 1,242 projek diterima oleh agensi pelaksana dan sebanyak 753 projek ditolak. Manakala, baki sebanyak 1,560 projek masih dalam tindakan semakan kebolehlaksanaan sebelum maklumat lengkap dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi untuk tujuan penyaluran peruntukan.
2. Anggaran kos projek yang terlibat bagi projek yang telah disenarai pendek dan diterima oleh agensi pelaksana adalah berjumlah RM198.19 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN
ABAS [MERSING]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian menerusi LKIM mempunyai perancangan untuk menambah jumlah kuota subsidi bahan api pada tahun 2025 mengambil kira subsidi semasa yang diperuntukkan berdasarkan jenis enjin bot untuk menampung keperluan nelayan akibat tekanan kos bahan api dan peralatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melaksanakan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan bermula tahun 2006 bertujuan untuk menampung sebahagian daripada kos operasi menangkap ikan oleh nelayan akibat dari kenaikan harga bahan api di pasaran. Pemilik vesel Zon A, B dan C yang berkelayakan menerima subsidi diesel antara 500 liter sehingga 17,000 liter sebulan berdasarkan Zon Tangkapan, Perkakasan dan Gross Registered Tonnage (GRT).
2. Pada tahun 2024, Kerajaan telah meluluskan kuota diesel bersubsidi sebanyak 70 juta liter sebulan dengan kadar harga RM1.65 seliter. Sebanyak 10,449 pemilik vesel telah menggunakan diesel bersubsidi berjumlah 680.3 juta liter dengan purata penggunaan berjumlah 56.69 juta liter sebulan.
3. Buat masa ini, Kementerian tidak bercadang untuk membuat penambahan kuota kerana penggunaan diesel bersubsidi masih di bawah kuota yang diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian akan memperuntukkan kuota tetap serta dana untuk setiap tahun bagi setiap Parlimen bagi projek Jalan Perhubungan Desa (JPD), Projek Ameniti Sosial (PAMS), Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan juga Projek Pemasangan Lampu Jalan Solar bagi memastikan kesinambungan pembangunan secara fizikal sepanjang tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Program Ameniti Sosial adalah projek *touchpoint* infrastruktur asas luar bandar di bawah KKDW yang sentiasa mendapat perhatian Kementerian untuk dibangunkan bagi meningkatkan liputan jalan raya serta ameniti yang berkualiti, selamat dan selesa di kawasan luar bandar.

Peruntukan bagi projek *touchpoint* ini adalah mengikut butiran negeri tiada penetapan kuota bagi setiap Parlimen. Bagi tahun 2025 ini, peruntukan JPD bagi Wilayah Sarawak adalah sebanyak RM 88.5 juta manakala PAMS berjumlah RM5.25 Juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) telah dijenamakan semula sebagai Projek Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2024. Untuk tahun 2025 sebanyak RM464.45 juta diperuntukkan untuk PPRS yang meliputi 2,703 unit Bina Baharu dan 10,281 unit Baik Pulih.

Manakala untuk negeri Sarawak, sebanyak 703 rumah bina baharu dan 2,191 rumah baik pulih diperuntukkan dengan jumlah sebanyak RM112.4 juta. Pemohonan boleh dikemukakan melalui pelbagai saluran sama ada melalui permohonan secara individu, sistem e-Kasih atau Pejabat Daerah dan tertakluk kepada ketersediaan peruntukan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) adalah di bawah peruntukan pembangunan (DE) Kementerian ini manakala kos operasi dan selenggaraan ditanggung sepenuhnya pihak Kementerian di bawah peruntukan mengurus (OE). Program LJK bertujuan untuk menceriakan kawasan liputan supaya kegiatan ekonomi, sosial dan riadah dapat dilakukan dalam keadaan selesa dan selamat. Pelaksanaan program LJK adalah secara berperingkat-peringkat dan peruntukan diluluskan secara *one-line item*. Pembahagian kuota adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan bagi keseluruhan projek dan dengan tempoh pelaksanaan selama 18 bulan.

Bagi perancangan LJK tahun 2025, Kementerian dalam proses pelaksanaan LJK jenis Solar LED di jalan dalam kawasan kampung yang tidak mempunyai talian grid. Pemasangan LJK jenis solar LED ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula di empat buah negeri iaitu Sarawak, Johor, Perak dan Pahang dengan jumlah sebanyak 1,000 unit di setiap negeri. Pemasangan lampu adalah tertakluk kepada Garis Panduan Program Pemasangan LJK Kementerian ini dan tidak termasuk di jalan-jalan utama di bawah selenggaraan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak Majlis.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pelan tindakan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi meningkatkan hasil padi negara dan pada masa yang sama menangani cabaran perubahan iklim yang boleh memberi kesan kepada hasil padi khususnya seperti banjir pada tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa peka terhadap perubahan iklim yang mengakibatkan bencana seperti banjir, khususnya yang berlaku pada setiap hujung tahun. Beberapa pelan tindakan telah dirangka dan dilaksanakan untuk meningkatkan hasil padi negara di samping menangani cabaran perubahan iklim yang boleh menjelaskan pengeluaran padi seperti yang berikut:

- (i) Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025: KPKM telah membangunkan Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 yang merangkumi lima (5) teras strategik, 15 strategi dan 96 inisiatif. Pelan ini bertujuan memperkuuh sekuriti makanan negara dengan mengambil kira isu dan cabaran di sepanjang rantai bekalan makanan, termasuk impak perubahan iklim;
- (ii) Reformasi Industri Padi dan Beras Negara: Pada tahun 2025, KPKM memberi tumpuan kepada reformasi industri padi dan beras negara dengan matlamat memastikan kemandirian bekalan serta meningkatkan daya saing industri melalui pendekatan yang lestari dan mesra alam. Langkah ini termasuk pengukuhan infrastruktur pengairan dan pembangunan jelapang padi baharu;
- (iii) Penggunaan Teknologi Pertanian: KPKM menggalakkan penggunaan teknologi pertanian moden seperti dron dan jentera bagi meningkatkan hasil padi. Contohnya, program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan diperkenalkan untuk mempromosikan penggunaan teknologi dan pengurusan penanaman yang lebih sistematis; dan
- (iv) Pengurusan Risiko Bencana: Bagi menangani cabaran perubahan iklim seperti banjir, KPKM menekankan kepentingan pengurusan risiko bencana dalam sektor pertanian. Ini termasuk pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran yang lebih baik serta penyediaan pelan kontingensi untuk menghadapi situasi luar jangkaan.

2. Secara keseluruhannya, pelan tindakan yang dirangka oleh KPKM bukan sahaja bertujuan meningkatkan hasil padi negara tetapi juga memastikan sektor pertanian lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran perubahan iklim, termasuk banjir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian akan memulakan kerja-kerja pembaikan cerun jalan di Felda Umas KM 1.2 yang telah lama mengalami kerosakan dan memudaratkan keselamatan memandangkan ianya merupakan jalan perhubungan utama yang digunakan oleh lebih 3,000 penduduk daripada Felda Umas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah, lokasi yang dimaksudkan adalah Jalan Felda Umas KM1.15.

Kerja-kerja pembangunan cerun di lokasi berkenaan telah dilaksanakan secara berfasa yang mana kerja-kerja penyiasatan tapak dan kerja reka bentuk terperinci telah dilaksanakan pada tahun 2024, manakala fasa seterusnya iaitu kerja-kerja fizikal bagi pembangunan cerun akan dilaksanakan pada tahun ini (2025).

Kementerian Kerja Raya telah meluluskan peruntukan tahun 2025 dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM18 Juta bagi penyenggaraan cerun di jalan persekutuan Negeri Sabah termasuk daerah Tawau dengan peruntukan sebanyak RM7.217 Juta untuk kerja-kerja pembangunan di lokasi tersebut.

Sementara itu, bagi menangani pergerakan susulan cerun dan memastikan keselamatan pengguna jalan raya, pihak konsesi penyenggaraan jalan persekutuan sedia ada, telah memasang penutup tarpaulin dan melaksanakan Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan*) di lokasi tersebut berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan.

Kementerian ini bersama agensi pelaksana JKR Sabah sentiasa komited dalam memastikan keselamatan serta keselesaan pengguna jalan raya terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tahap penggunaan teknologi pertanian moden dalam kalangan petani kecil. Bagaimana Kementerian memastikan golongan petani ini berpeluang akses kepada teknologi, pembiayaan serta latihan yang sesuai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah melaksanakan Kajian Penilaian Tahap Penggunaan Teknologi Sektor Pertanian Dan Makanan Ke Arah Pertanian Moden Komoditi Padi – Perspektif Petani MADA dan IADA Pulau Pinang. Berdasarkan kajian tersebut, penggunaan teknologi pertanian moden dalam kalangan petani di Malaysia secara umumnya berada pada tahap sederhana.
2. Antara faktor yang menyumbang kepada tahap penggunaan teknologi dalam kalangan petani khususnya petani kecil adalah kos teknologi yang tinggi, kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi serta skala ladang yang kecil. Sehubungan itu, KPKM menerusi jabatan dan agensinya sentiasa berusaha memastikan golongan petani kecil berpeluang untuk mendapat akses kepada teknologi, pembiayaan serta latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan tahap penggunaan teknologi moden.
3. KPKM telah menganjurkan pelbagai program untuk meningkatkan **akses kepada teknologi** seperti penganjuran MAHA 2024 yang turut mengetengahkan pameran teknologi pertanian pintar berteraskan Internet Benda (IoT) dan Kecerdasan Buatan (AI), penggunaan data raya serta mekanisasi dan automasi menerusi Pavilion Agrotech yang telah menerima hampir 250 ribu pengunjung. KPKM turut menyertai pameran teknologi pertanian seperti Malaysia International Agriculture Technology Exhibition dan Smart Nation Expo 2024 dalam mempromosi teknologi pertanian kepada petani.
4. KPKM melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) juga telah mewujudkan Centre of Excellence dan Ladang Pintar IR4.0 bagi industri padi yang berperanan untuk memberi pendedahan dan penggunaan teknologi kepada golongan sasar serta Center Of Excellence bagi tanaman cili di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat di Selangor.
5. Pada tahun 2024, KPKM menerusi Agrobank menyediakan **kemudahan pembiayaan** untuk perolehan agroteknologi melalui Dana Program Pembiayaan Agroteknologi MADANI dengan peruntukan sebanyak RM250 juta.

Dana ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan agroteknologi dan kaedah moden pertanian. Kadar pembiayaan yang ditawarkan adalah rendah iaitu 2% dengan had pembiayaan RM10 ribu sehingga RM5 juta untuk tempoh maksimum 10 tahun.

6. KPKM juga menyediakan bantuan geran dan geran padanan yang melibatkan penggunaan teknologi moden. Sebagai contoh, di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), sebanyak RM106 juta telah diperuntukkan menerusi Program Agriapprentice, Program Pemilikan Jentera Kecil dan Sederhana Secara Geran Padanan serta Program Pemerkasaan Ladang Satelit. Bagi golongan belia, Program Agropreneur Muda pula menyediakan bantuan geran dalam bentuk barang yang bernilai sehingga RM30 ribu bagi kategori Geran Agropreneur Muda (GAM) Start-Up dan sehingga RM50 ribu bagi kategori GAM Scale-Up khusus untuk skop teknologi moden.
7. Pelbagai latihan dan sokongan teknikal dilaksanakan oleh agensi dan jabatan di bawah KPKM bagi memastikan petani mendapat **latihan dan pendedahan berkaitan teknologi moden** seperti modul kilang tanaman (Plant Factory) yang diperkenalkan oleh MARDI. KPKM turut memperkuuhkan usaha pembangunan modal insan melalui TVET Pertanian. Program ini menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia, Sijil Pertanian, Sijil Perikanan, Sijil Veterinar Malaysia dan Diploma Kemahiran Malaysia dengan penekanan kepada penggunaan teknologi digital dalam pertanian, termasuk latihan dalam penggunaan dron untuk pemantauan ladang dan penyemburan baja serta racun perosak, serta pengaplikasian IoT dalam sistem pemantauan tanaman dan ternakan.
8. Dari segi pemasaran, pada tahun 2024, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah melaksanakan 100 siri kursus pendigitalan untuk membantu usahawan mengadaptasikan teknologi digital dalam aktiviti pemasaran yang telah disertai oleh 4,952 orang usahawan.
9. KPKM yakin bahawa inisiatif dan usaha yang dinyatakan akan dapat memperkasa golongan sasar termasuk petani kecil di Malaysia untuk memanfaatkan teknologi moden, seterusnya menjadikan sektor agromakanan negara lebih berdaya saing dan mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan jumlah operasi dan jenis operasi yang telah diadakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia dan Kerajaan tempatan untuk menangkap penyalahguna internet seperti penipuan (*scam*), perjudian dalam talian dalam talian dan *Child Sexual Abuse Material* (CSAM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mempunyai jalinan kerjasama sedia ada dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti PDRM dalam membanteras penyalahgunaan kemudahan atau perkhidmatan dalam talian dan membasmi jenayah dalam talian. Dalam konteks ini, walaupun operasi dijalankan secara bersama, tindakan siasatan dan penguatkuasaan yang dilakukan adalah mengikut jenis kesalahan di bawah bidang kuasa agensi yang berkenaan.

Sebagai contoh, jenayah penipuan dan judi dalam talian adalah tertakluk kepada Kanun Keseksaan [Akta 574] dan/atau Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] di bawah bidang kuasa PDRM. Kesalahan berhubung *Child Sexual Abuse Material* (CSAM) pula boleh disiasat di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792), Kanun Keseksaan (Akta 574), serta Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 [Akta A1743].

Bagi operasi bersama melibatkan kesalahan di bawah bidang kuasa agensi penguatkuasaan lain, penglibatan MCMC adalah melibatkan bantuan berbentuk teknikal termasuklah kerjasama operasi pemeriksaan serta analisis forensik digital. Dari tahun 2022 sehingga 2024, sebanyak lapan operasi bersama telah dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan dan agensi utama bagi tahun 2024 adalah merupakan PDRM. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

Tahun 2022

1. Ops Pelican (operasi bersama PDRM): tiga kes telah dituduh dan dijatuhkan hukuman denda keseluruhan sebanyak RM150,000.

2. Ops Dadu/JOL (operasi bersama PDRM): satu kes telah dituduh dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM30,000.

Tahun 2023

1. Ops Tropicana (operasi bersama SPRM): 21 tangkapan dilakukan oleh agensi yang berkaitan dan tiada siasatan dijalankan oleh MCMC.
2. Ops Fake BTS 2023 (operasi bersama PDRM): satu tangkapan dilakukan oleh agensi berkaitan dan kes masih di siasat oleh MCMC.

Tahun 2024

1. Ops Noda (operasi bersama PDRM): satu kes telah dituduh dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000.
2. Ops Mega e-Noda (operasi bersama PDRM): 14 individu telah ditahan oleh agensi berkaitan dan pelbagai hukuman telah dijatuhkan antaranya denda di antara RM2,800 hingga RM15,000 bergantung kepada pertuduhan yang dibuat oleh PDRM.
3. Ops Pedo (operasi bersama PDRM): satu tangkapan dilakukan oleh agensi berkaitan dan kes masih lagi di dalam siasatan oleh PDRM.
4. Ops Fake BTS 2024 (operasi bersama PDRM): empat tangkapan dilakukan oleh agensi berkaitan dan kes masih lagi di dalam siasatan oleh MCMC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- a. adakah istilah 'mahakaya' ini akan dimuktamad pengunaannya mahupun relevan untuk digunakan di Malaysia yang mengamalkan ekonomi bebas
- b. jelaskan klasifikasi golongan T15 yang disebut oleh Kerajaan dalam pembentangan Belanjawan 2025, apakah mekanisme pengelasannya had pendapatan kategori T15 tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya, pengelasan kumpulan pendapatan adalah bertujuan untuk membantu penggubalan dasar sosio ekonomi bagi menyampaikan bantuan dan perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Kaedah ini merujuk kepada metodologi statistik yang menyusun isi rumah mengikut pendapatan dari terendah hingga ke tertinggi kepada beberapa saiz kumpulan yang sama atau desil berdasarkan kedudukan relatif dalam taburan pendapatan. Bank Dunia mula memperkenalkan pengelasan pendapatan pada awal 1970-an dengan keutamaan kepada kumpulan miskin di kalangan B40 di negara membangun.
2. Setiap negara menggunakan kaedah pengelasan kumpulan pendapatan tersendiri yang bersesuaian dengan tahap pembangunan ekonomi dan keutamaan dalam menentukan kumpulan sasar masing-masing. Sebagai contoh Amerika Syarikat, Korea Selatan dan Singapura menggunakan kelas pendapatan B20, M60 dan T20. Manakala Thailand menggunakan kumpulan pendapatan B50, M40 dan T10. Pada masa ini, isi rumah Malaysia dikelaskan kepada tiga kategori kumpulan pendapatan utama iaitu B40, M40 dan T20.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan telah memaklumkan berkenaan cadangan peralihan kaedah pengenalpastian kumpulan sasar daripada pengelasan kumpulan pendapatan isi rumah B40, M40 dan T20 berasaskan Pendapatan Kasar kepada Pendapatan Boleh Guna Bersih, (Net household Disposable Income). Kerajaan berpandangan konsep pendapatan boleh guna bersih (net disposable income) ini boleh diperkenalkan sebagai asas untuk pemberian bantuan bagi mengurangkan risiko keciciran dan bersifat lebih adil mengambil kira aspek kehidupan wajar serta berbeza mengikut lokasi dan demografi isi rumah. Walau bagaimanapun, kesesuaian pengelasan pendapatan sama ada kumpulan B20, B40 atau T15, T20 atau T30 adalah bergantung kepada matlamat atau objektif dasar oleh kementerian dan agensi kelak.
4. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan dalam Belanjawan 2025 cadangan penyasaran semula subsidi bahan api petrol RON95 untuk dilaksanakan pada pertengahan tahun 2025.

Pelaksanaan penstrukturran semula subsidi akan dilaksanakan secara berperingkat. Majoriti 85 peratus rakyat dijangka akan menikmati subsidi supaya pendapatan isi rumah tidak terjejas akibat kenaikan perbelanjaan dan kos sara hidup. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan sedang memuktamadkan had kelayakan dan mekanisme pelaksanaan penyasaran semula subsidi berkaitan dan akan dimaklum kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI AMINUDDIN BIN
HARUN [PORT DICKSON]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI UTAMA HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan mekanisme bantuan kewangan kepada golongan B40 dan M40 yang sukar mendapatkan rawatan di hospital swasta dan bagaimana Kementerian memastikan akses perubatan yang adil kepada semua rakyat, terutama di kawasan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pesakit warganegara yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah dikenakan caj sebagaimana kadar yang disenaraikan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017.
2. Mekanisme pengecualian caj turut disediakan bagi pesakit yang kurang berkemampuan di mana ianya tertakluk kepada pertimbangan kelulusan oleh Pengarah Hospital selaras dengan punca kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah Perenggan 16(7) Perintah Fi (Perubatan) 1982. Antara kategori pesakit yang telah sedia diberikan pengecualian caj adalah seperti penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Orang Kelainan Upaya (OKU), pelajar dan warga emas.
3. Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan peruntukan di bawah Tabung Bantuan Perubatan (TBP) untuk membantu golongan kurang berkemampuan bagi membiayai sebahagian atau sepenuhnya, kos rawatan, peralatan perubatan, peralatan rehabilitasi dan ubat-ubatan. Antara disiplin perubatan yang disenaraikan di bawah TBP adalah seperti Kardiologi, Ortopedik, Respiratori, Surgeri, Rehabilitasi dan lain-lain lagi.
4. Pemohon yang layak mendapat bantuan TBP adalah warganegara yang merupakan pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di Hospital KKM dan Pusat Perubatan Universiti Awam. Pemohon perlu dirujuk oleh Pegawai Perubatan kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan di hospital berkenaan untuk penilaian sosio-ekonomi bagi permohonan bantuan TBP melalui Sistem Tabung Bantuan Perubatan (STBP).
5. Sejak tahun 2005 hingga kini, seramai 80,642 orang pesakit telah menerima manfaat bantuan di bawah TBP dengan nilai kelulusan sebanyak RM737.51 juta. Ini termasuklah sebanyak 4,667 bilangan permohonan TBP yang telah diluluskan pada tahun 2024 dengan peruntukan berjumlah RM68.9 juta.

6. Selain itu, bantuan subsidi kos rawatan hemodialisis turut diberikan kepada pesakit yang miskin atau kurang berkemampuan melalui 138 pusat-pusat hemodialisis NGO yang diiktiraf oleh KKM. Bantuan kewangan ini berbentuk subsidi di mana pesakit hanya membayar kos rawatan tidak melebihi RM10.00 untuk setiap rawatan dialisis.

7. Bantuan subsidi diberikan sebanyak RM100.00 bagi setiap rawatan hemodialisis dengan tidak melebihi 14 kali sebulan. Suntikan Erythropoetin (EPO) berjumlah RM18.50 untuk setiap suntikan juga diberikan kepada pesakit tidak melebihi 13 suntikan sebulan dengan kos maksimum sebanyak RM240.50. Kos rawatan keseluruhan bagi seorang pesakit adalah berjumlah RM1,640.50 sebulan. Kelulusan subsidi hemodialisis diberikan selama dua (2) tahun dan pesakit boleh memohon untuk memperbaharui kelulusan bantuan setelah tamat tempoh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa setakat ini tiada kemudahan sewa beli kenderaan RV setelah industri kenderaan jenis ini membuka peluang ekonomi dan pelancongan baharu dengan terdapatnya pengusaha tempatan yang bergiat aktif dalam sektor pembuatan kenderaan rekreasi serta kemasukan pelaburan asing dalam membangunkan kilang pembuatan kenderaan rekreasi di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pada masa ini, tiada kemudahan sewa beli yang khusus untuk kenderaan jenis RV di pasaran. Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui sesi libat urus bersama Persatuan Campervan & Motorhome Malaysia (PCMM), antara faktor-faktor tiadanya kemudahan sewa beli bagi kenderaan RV adalah seperti berikut:
 - i. **Permintaan yang rendah** - Kenderaan RV bukanlah keperluan utama bagi kebanyakan rakyat Malaysia yang lebih cenderung untuk menggunakan kenderaan biasa untuk aktiviti harian.
 - ii. **Kekangan infrastruktur** - Kekurangan tapak perkhemahan khusus untuk kenderaan RV dengan kemudahan sambungan air, elektrik dan pembuangan sisa menjadikan penggunaan kenderaan RV kurang praktikal.
 - iii. **Risiko pelaburan bagi institusi-institusi kewangan** - Pihak bank mungkin kurang berminat untuk menawarkan skim sewa beli kerana pasaran yang terhad. Tidak ramai pengguna kenderaan yang berminat untuk memiliki RV berbanding kenderaan lain. Kenderaan RV juga sukar dijual semula kerana pasaran yang terhad.
 - iv. **Harga pemilikan dan kos penyelenggaraan yang tinggi** - Harga kenderaan RV yang baharu boleh mencecah ratusan ribu ringgit. Kos penyelenggaraan pula tinggi kerana ia bukan sekadar menyelenggara kenderaan tetapi juga mengandungi peralatan seperti dapur, tandas dan sistem elektrik.
2. Kebanyakkan pemilik kenderaan RV membeli kenderaan penumpang atau komersil sama ada yang baharu atau terpakai dengan menggunakan kemudahan sewa beli yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan. Kemudian, kenderaan ini diubahsuai.

3. Walau bagaimanapun, pengubahsuaian ini hendaklah mendapat kelulusan dan didaftarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebelum ianya boleh digunakan. Sehingga kini, lebih daripada 950 kenderaan RV telah didaftarkan dalam negara untuk kegunaan persendirian. Pendaftaran dan pelesenan kenderaan RV di Malaysia masih terhad kepada kegunaan persendirian sahaja dan tidak dibenarkan bagi tujuan perdagangan.
4. Usaha Kerajaan untuk mengembangkan industri RV dalam negara diselaraskan melalui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Industri Kenderaan Rekreasi (RV) bagi menentukan hala tuju dan strategi yang sesuai dilaksanakan bagi menyokong pembangunan industri RV dan ekosistemnya di Malaysia. Kerajaan juga sentiasa bekerjasama dengan PCMM yang turut memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat dan cadangan untuk perkembangan industri RV dalam negara.
5. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga giat menarik pelaburan asing dalam industri ini. Beberapa syarikat antarabangsa telah menunjukkan minat untuk membangunkan kilang pembuatan RV serta taman RV di Malaysia, terutamanya di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Ini merupakan satu perkembangan positif yang akan menggalakkan lagi pertumbuhan industri RV di negara ini.
6. Kerajaan menyedari potensi besar industri RV dalam menyumbang kepada ekonomi negara, terutamanya dalam sektor pelancongan dan pembuatan kenderaan. Sehubungan itu, Kementerian ini bersama dengan Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) sedang mengambil langkah proaktif bagi memastikan kemudahan sewa beli RV dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kadar caj konsultasi doktor (GP) swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (PHFSA) 1998 yang tidak berubah selama lebih 32 tahun memberi kesan terhadap inflasi kos rawatan melibatkan klinik swasta dan apakah komitmen Kementerian bagi menangani isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jadual Ketujuh Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 di bawah Akta 586 mengawal selia fi perundingan dan fi tatacara bagi pengamal perubatan perubatan am yang memberikan perkhidmatan di klinik perubatan am swasta (GP).
2. Kementerian Kesihatan kini sedang dalam usaha untuk menyemak semula fi perundingan bagi pengamal perubatan perubatan am yang memberikan perkhidmatan di klinik perubatan am swasta yang tidak dipinda sejak 2006.
3. Untuk makluman, KKM sedang bekerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi menjalankan simulasi dan mendapatkan julat harga yang sesuai dengan mengambil kira kesan kenaikan fi konsultasi ini kepada Indeks Harga Pengguna (CPI).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR [KEMAMAN]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan manfaat dan kelebihan yang telah pun diperoleh oleh Malaysia sejak penyertaan ke dalam Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) yang melibatkan penyertaan negara-negara maju di Benua Asia seperti China, Australia, Jepun, Korea Selatan dan New Zealand.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

1. Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) adalah berasaskan kepada penambahbaikan terhadap perjanjian perdagangan bebas ASEAN campur satu (1) atau dengan izin, *ASEAN plus one (ASEAN + 1) FTA* sedia ada iaitu ASEAN-China, ASEAN-India, ASEAN-Australia-New Zealand, ASEAN-Korea dan ASEAN-Jepun. Tujuan perjanjian ini adalah menguatkan jaringan ekonomi dan meningkatkan aktiviti berkaitan perdagangan dan pelaburan, termasuk mengurangkan jurang pembangunan di kalangan negara anggota. Perjanjian RCEP telah ditandatangani secara rasmi pada 15 November 2020 oleh Negara-negara Anggota ASEAN, Australia, China, Jepun, Republik Korea dan New Zealand.
2. Malaysia telah membuka pasarannya menerusi ASEAN + 1 FTA kepada semua negara anggota RCEP dan pada masa yang sama, telah mendapat akses pasaran daripada negara-negara tersebut. Justeru, RCEP merupakan satu usaha untuk menggabung serta menyeragam semua perjanjian sedia ada tersebut kepada satu perjanjian tunggal yang lebih komprehensif dan terkini untuk lebih memudah cara perdagangan dan pelaburan di rantau ini. RCEP juga adalah perjanjian perdagangan bebas serantau terbesar yang merangkumi 29% daripada populasi dunia dan KDNK serta 27% daripada perdagangan dunia. RCEP juga, merupakan FTA pertama yang melibatkan China dan Jepun, iaitu ekonomi terbesar dan kedua terbesar di Asia.
3. Manfaat yang telah dinikmati oleh Malaysia semenjak pelaksanaan RCEP secara langsung adalah:
 - a. Syarikat-syarikat Malaysia berpeluang untuk mendapatkan bahan mentah pada harga yang kompetitif dengan penghapusan duti import secara berperingkat-peringkat sebanyak 92% barisan tarif ke atas barang dari negara-negara RCEP yang selanjutnya akan

meningkatkan daya saing dan peluang mereka untuk menembusi pasaran global;

b. Para pengeksport Malaysia kini berpeluang meluaskan pasaran dengan menjual produk dan perkhidmatan mereka ke semua 15 negara ahli; dan

c. Perjanjian ini turut mempromosikan ketelusan, perkongsian maklumat, memudahcara perdagangan, kerjasama ekonomi dan penyeragaman peraturan yang berkaitan dengan e-dagang (e-commerce) dalam kalangan negara ahli

4. Bagi memastikan Malaysia mendapat manfaat besar ekonomi, hasil daripada pelaksanaan RCEP, antara langkah utama yang diambil oleh pihak Kementerian bersama-sama dengan Kementerian dan Agensi yang berkaitan, sejak sebelum pelaksanaan Perjanjian RCEP, termasuklah penganjuran sesi libat urus bersama-sama dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta.

5. Sejak penguatkuasaan perjanjian RCEP pada 18 Mac 2022 hingga 31 Disember 2024, sejumlah 7,342 sijil tempasal atau dengan izin *certificates of origin* (CoO) telah dikeluarkan kepada pengeksport-pengeksport Malaysia dengan nilai AS\$518.7 juta atau RM2.33 bilion. Bagi tahun 2024 pula, pengeluaran CoO telah menunjukkan peningkatan melebihi dua kali berbanding tahun 2023, dengan jumlah pengeluaran CoO direkodkan sebanyak 4,555 dengan nilai RM1.39 bilion.

6. Perjanjian ini merupakan medium penting untuk merangsang semula perniagaan dan aktiviti ekonomi Malaysia melalui pengurangan ketara halangan perdagangan rantau RCEP. Selain itu RCEP juga dapat mencetus penciptaan rantaian bekalan serantau yang baharu selain daripada mengukuhkan rangkaian yang sedia ada, secara tidak langsung dapat merangsang pertumbuhan peniagaan dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menyediakan sumber air alternatif kepada penduduk di Pulau Sebatik selain daripada kolam tадahan air yang kini beroperasi semula pada tahap minimum kerana bergantung kepada sumber air hujan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) adalah bertujuan untuk membantu mempercepat liputan dan merapatkan jurang bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar melalui penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah atau akaun baharu di kawasan luar bandar yang masih belum mendapat bekalan air bersih dan terawat.

Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah khususnya Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dalam menyediakan infrastruktur bekalan air di Sabah. Bagi kawasan yang belum mendapat liputan bekalan air bersih dan terawat, PBAN hendaklah mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah untuk dimasukkan sebagai senarai keutamaan negeri agar permohonan ini boleh diangkat kepada Kementerian Ekonomi mengikut *Rolling Plan* untuk kelulusan projek dan peruntukan, seterusnya dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

Setelah sesebuah projek BALB siap dilaksanakan oleh Kementerian, Kementerian akan menyerahkan aset tersebut kepada Kerajaan Negeri melalui PBAN untuk tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan serta kutipan tarif bekalan air. Sebarang isu pengoperasian sistem bekalan air tersebut adalah di bawah tanggungjawab PBAN.

Bagi tempoh permohonan di bawah *Rolling Plan 1*, Tahun 2026, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RP1, Tahun 2026, RMKe-13), Kementerian tidak menerima sebarang permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah berkaitan penyediaan sumber air alternatif kepada penduduk di Pulau Sebatik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI
KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bolehkah Kementerian membuat perancangan khas dan program-program khusus dalam konteks *Sabah-centric* untuk mengurangkan kadar pengangguran khasnya golongan belia dan mahasiswa-mahasiswi di Sabah di mana kadar pengangguran adalah tertinggi di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, **kadar pengangguran nasional pada suku tahun ketiga 2024** menurun kepada 3.2 peratus berbanding 3.4 peratus pada suku tahun ketiga 2023. Sebaliknya, **kadar pengangguran bagi negeri Sabah** pula meningkat kepada 7.9 peratus berbanding 7.5 peratus bagi tempoh yang sama.

Walau bagaimanapun, dalam kalangan belia negeri Sabah berumur 15-24 tahun pula, **kadar pengangguran belia pada tahun 2023** menunjukkan penurunan kepada 19.5 peratus berbanding 23.6 peratus pada tahun 2022. Dalam hal tersebut, **kadar pengangguran siswazah di negeri Sabah** turut menurun kepada 7.9 peratus berbanding 8.8 peratus bagi tempoh yang sama.

Kerajaan sentiasa proaktif dan berusaha secara berterusan dalam merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi bagi mempertingkatkan peluang-peluang pekerjaan bagi golongan belia dan siswazah termasuk di negeri Sabah. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. KESUMA melalui PERKESO akan terus membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan setaraf kelulusan akademik dan kemahiran mereka. Antaranya ialah;
 - mempergiatkan Karnival Kerjaya;
 - penyediaan **platform portal MYFutureJobs**;
 - menyediakan **Pusat Penempatan dan Penerokaan Kerjaya Kebangsaan** sebagai lokasi sehenti untuk pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya dan pekerjaan seperti di UTC Sabah dan Pusat Komuniti Desa Kota Belud.

- ii. KESUMA melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) juga melaksanakan **Insentif Latihan Amali (ILHAM) KESUMA** bagi membantu bakat baharu dan merancakkan sektor pekerjaan negara yang merangkumi empat komponen utama iaitu:
- **Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MySIP);**
 - **Geran Padanan Latihan Industri untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (LiKES);**
 - **Skim Latihan Industri (ITS)** yang direka untuk memberikan bantuan kewangan kepada pelajar atau pelatih yang menjalani latihan di organisasi perniagaan pilihan mereka; dan
 - **Platform MyNext.**
- iii. Selain itu, KESUMA menerusi TalentCorp memberi fokus terhadap **pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara** melalui melalui sinergi dan kerjasama merentasi kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, pemain industri dan institusi pengajian tinggi awam/ swasta serta teknikal. Antara inisiatif tersebut ialah:
- **Program Pecutan Bakat Berpandukan Industri (ID-TAP)**
 - **Young Employable Student (YES): We Are Ready!**
- iv. KESUMA melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah menubuhkan **HRDCorp Placement Centre (HPC)** yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan projek Northern Corridor Highway (NCH) atau Lebuh Raya Koridor Utara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cadangan Lebuhraya Koridor Utara (NCH) melibatkan jajaran sepanjang 270.60 kilometer bermula di Changkat Jering, Perak (sambungan daripada Lebuhraya Persisiran Pantai Barat) dan berakhir di Padang Besar, Perlis. Lebuhraya ini juga akan bersambung ke Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (JSAHMS).

Pihak Kementerian berhasrat untuk melaksanakan *Request For Proposal* bagi Lebuhraya NCH untuk seksyen yang berdaya maju berdasarkan Kajian Kemungkinan yang dilaksanakan iaitu bermula daripada Changkat Jering ke Sungai Petani sepanjang 110 KM dan perkara ini telah diangkat ke UKAS, JPM untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bentuk pelaburan luar yang telah berjaya dibawa masuk ke Malaysia hasil lawatan rasmi Perdana Menteri ke luar negara sepanjang tahun 2024 dan berapa nilai jumlah pelaburannya.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

1. Bagi tempoh **Januari sehingga Disember 2024**, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (**MITI**) bersama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (**MIDA**) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (**MATRADE**) telah melaksanakan sebanyak **16 Misi Perdagangan dan Pelaburan (*Trade and Investment Mission – TIM*)**, termasuk 15 Lawatan Rasmi yang diketuai oleh YAB Perdana Menteri ke negara Jerman, Perancis, Itali, Australia, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Qatar, Jepun, India, Singapura, Thailand, Pakistan, Republik Rakyat China, Mesir, Peru, Brazil, dan Korea Selatan.
2. Potensi pelaburan yang dikemuka atau dicadangkan oleh syarikat semasa TIM dan Lawatan Rasmi tersebut berjumlah RM115.56 bilion. Susulan itu, sebanyak RM37.6 bilion nilai pelaburan telah diluluskan dalam tahun 2024 dan sebanyak RM17.9 bilion dijangka akan dimuktamadkan dalam tahun 2025. Manakala, nilai pelaburan sebanyak RM59.1 bilion disasar untuk dimuktamadkan dalam tahun 2026 hingga 2027. Jumlah potensi pelaburan mungkin berubah dari semasa ke semasa mengikut rundingan dan permohonan semasa syarikat.
3. Antara **komitmen** pelaburan utama yang berjaya dihasilkan daripada TIM sepanjang tahun 2024, terdiri daripada industri **elektrik dan elektronik(semikonduktor), kimia (petrokimia dan produk kimia) dan ekonomi digital (pusat data)**.
4. MITI bersama dengan agensi-agensi di bawah MITI, iaitu MIDA dan MATRADE akan terus memainkan peranan dalam **memantau dan melaksanakan komitmen-komitmen pelaburan dan perdagangan** yang diperoleh melalui TIM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :

- a. jumlah kutipan *box office* bagi filem Tahun Baharu Cina tempatan dan filem luar negara bagi tahun 2020 sehingga 2025 (mengikut tahun)
- b. apakah usaha Kementerian dalam menggalakkan penghasilan lebih banyak filem tempatan yang berkualiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah memperuntukkan perundangan subsidiari di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) iaitu Peraturan - Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Skim Wajib Tayang) 2005 yang bertujuan untuk mempertimbangkan permohonan penerbit filem tempatan atau filem usaha sama untuk ditayangkan secara wajib di pawagam.

Pelaksanaan Skim Wajib Tayang banyak membantu penerbit filem tempatan untuk mendapatkan tayangan filem karya mereka di pawagam tempatan disebabkan persaingan tayangan daripada filem-filem daripada luar negara seperti filem terbitan daripada negara Amerika Syarikat (*Hollywood*), India (*Bollywood, Kollywood*), China (*Hong Kong Cinemas*) dan lain-lain.

Berdasarkan sumber data Bahagian Pembangunan Industri FINAS, jumlah kutipan *box office* (melebihi RM1 juta) tiket pawagam bagi filem Tahun Baru Cina (bahasa cina) untuk filem tempatan (di bawah Skim Wajib Tayang dan tidak di bawah Skim Wajib Tayang) dan filem luar negara bagi tempoh tahun 2020 sehingga 31 Januari 2025 adalah seperti berikut:

Tahun	Kutipan Box Office Filem Tahun Baru Cina (Filem Bahasa Cina)		
	Filem Tempatan (Skim Wajib Tayang)	Filem Tempatan (Tidak bawah Skim Wajib Tayang)	Filem Luar Negara
2020	RM5,223,207	-	RM19,549,694
2021	Tiada tayangan di pawagam (PKP 2.0)		
2022	RM2,375,374	-	RM4,997,413
2023	RM6,452,958	RM3,704,817	RM25,901,555
2024	RM7,137,476	-	RM30,014,347
2025	RM10,322,476	RM8,989,046	RM17,182,207
Jumlah	RM31,511,491	RM12,693,863	RM97,645,216

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui FINAS sentiasa komited dalam usaha menggalakkan penghasilan lebih banyak filem tempatan yang berkualiti khususnya melalui Dana Kandungan Kreatif (DKK). Pemberian DKK adalah meliputi pemberian dana dalam pembangunan skrip, kerjasama penerbitan filem cereka dan dokumentari, dana pengarahan filem cereka tempatan kali pertama, dokumentari kenegaraan, pasca produksi filem, penerbitan program TV, bantuan pemasaran dan promosi filem serta penyertaan di festival antarabangsa.

Pada tahun 2024, sebanyak 22 filem cereka tempatan yang telah menerima DKK dan daripada jumlah tersebut 4 filem tempatan telah mencapai kutipan box office iaitu filem ‘Sheriff: Narko Integriti’ yang mencapai kutipan jualan tiket pawagam melebihi RM50 juta, ‘Jangan Pandang Belakang 2: Aku Tahu Asal Usulmu’ yang mendapat kutipan jualan tiket pawagam sebanyak RM3.7 juta, ‘Babah’ yang mendapat kutipan jualan tiket pawagam sebanyak RM7 juta dan filem ‘Reversi’ yang mencapai kutipan jualan tiket sebanyak RM1.2 juta.

Selain itu, filem ‘*Raintown*’ telah terpilih sebagai ‘Official Selection’ di festival filem antarabangsa seperti 27th Vancouver Asian Film Festival di Kanada dan 9th Asian World Film Festival di Amerika Syarikat. Manakala filem ‘Reversi’ juga telah menyertai festival filem antarabangsa, 26th Udine Far East Film Festival di Itali pada tahun 2024.

Di samping itu, FINAS telah menyediakan program pembangunan modal insan bagi penggiat industri perfileman pada tahun 2024 dengan melaksanakan sebanyak 85 program latihan yang meliputi program, seperti seminar, bengkel, sesi libat urus dan kursus dengan tujuan utamanya memperkasakan pembangunan modal insan dan komuniti filem tempatan bagi menjamin penghasilan filem tempatan yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI
KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan tindakan Kerajaan pada tahun 2025 yang akan lebih berkesan untuk meningkatkan sosioekonomi rakyat Sabah khasnya pribumi di pedalaman seperti peruntukan RM100 juta untuk membantu usahawan kaum India di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan beriltizam untuk mengangkat darjat dan taraf hidup rakyat. Ini berpandukan pendekatan inklusif untuk memastikan tiada rakyat yang tertinggal daripada mendapat faedah pembangunan sosioekonomi tanpa mengira kaum, lokasi, jantina dan latar belakang sosio ekonomi, selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat. Pelaksanaan program / projek yang mensasarkan kesejahteraan hidup Anak Negeri Sabah termasuk di pedalaman terus diperkuuh.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Rolling Plan Kelima RMKe-12 Tahun 2025, sejumlah RM39.3 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan sosioekonomi rakyat Sabah khususnya Anak Negeri Sabah termasuk di pedalaman. Jumlah ini merangkumi peruntukan pembangunan (DE) bagi pelaksanaan Program Khas Anak Negeri Sabah (PKANS) sejumlah RM24.3 juta dan Projek Khas Pemerkasaan Bumiputera (PKPB) melalui Dana Bumi KDM Sabah yang diperuntukkan sejumlah RM15.0 juta.
3. PKAN Sabah terbahagi kepada tiga skop iaitu pengukuran tanah hak adat/Native Customary Right (NCR), pembinaan Mahkamah Adat Baharu serta Pembangunan Modal Insan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemilikan geran tanah oleh anak negeri Sabah, meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan kecekapan dalam pengendalian kes-kes adat serta melahirkan tenaga mahir dan separuh mahir dalam kalangan Anak Negeri Sabah termasuk pribumi di pedalaman.
4. Dana Bumi KDM Sabah pula merupakan program di bawah TERAJU yang menawarkan skim kemudahan pembiayaan kepada Perusahaan Bumiputera anak negeri Sabah untuk pengembangan perniagaan dan pemerkasaan pembangunan usahawan Bumiputera di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimana teknologi 'NoFloods' yang telah memulakan ujian *Proof of Concept* di Jalan Persekutuan FT189 Besut, Terengganu dapat dimanfaatkan oleh JKR di setiap negeri bagi mengurangkan impak banjir kilat kepada jalan raya-jalan raya Persekutuan khususnya di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Produk *Internet of Things (IOT)* ini dikenali sebagai “*NoFloods*”, diimport dari negara Denmark oleh pihak Syarikat Infra Water Sdn. Bhd. Teknologi “*NoFloods*” ini merupakan teknologi tebatan banjir yang berfungsi dalam memberi perlindungan pada aset awam seperti jalan raya bagi memastikan rangkaian logistik tidak terputus sewaktu berlakunya banjir.

Pelaksanaan produk tersebut sedang dalam peringkat *Proof of Concept (POC)* di sepanjang 300 meter laluan FT189, Besut bagi proses ujian dan sebagai salah satu langkah siap siaga Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam menghadapi fenomena Monsun Timur Laut (MTL).

Lanjutan daripada POC ini, teknologi *NoFloods* ini sedang dipasang selama 6 bulan bermula pada 1 Oktober 2024 sehingga 31 Mac 2025 bagi proses ujian dan percubaan. Syarikat tersebut turut memaklumkan kaedah pemasangan teknologi *NoFloods* ini adalah sebagai salah satu penyelesaian kaedah tebatan banjir yang akan menjadi **sistem IOT ramalan, amaran dan pengurusan banjir yang lebih berkesan**. Selain itu, kaedah ini dijangka akan dapat mengurangkan kemusnahan/kerosakan aset akibat banjir dan kos produk tebatan banjir ini juga dikatakan lebih murah berbanding penggunaan beg pasir.

POC yang telah dijalankan di Laluan FT189, Seksyen 6.30, Jalan Seberang Jerteh ke Sempadan Negeri Kelantan, di Daerah Besut ini telah menggunakan *Twin Tubes – Inflatable Flood Barriers*. Berdasarkan kajian di lokasi tersebut, POC pemasangan teknologi tebatan banjir adalah menggunakan *tubes* 200 meter panjang untuk menghalang air banjir sekitar 100 meter. Jarak banjir yang telah direkodkan di kawasan POC ini adalah sepanjang 100 meter dengan kedalaman air banjir sekitar 80 cm. Reka bentuk (*design*) bagi teknologi tebatan banjir ini merangkumi dua (2) bahagian iaitu bahagian *Water Level Sensor* dan *Weather station*. Bahagian *Water Level Sensor* berfungsi untuk mengesan kenaikan paras air di tapak yang diambil pada setiap 1 minit dan bacaan ini akan disalurkan melalui aplikasi *Telegram*.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian ini masih lagi dalam peringkat kajian keberkesanan bersama dengan pihak JKR serta Syarikat Infra

Water yang melaksanakan POC secara percuma dalam tempoh masa yang diberikan bagi fasa 1 POC tebatan banjir yang telah memasuki bulan keempat. Sebagaimana yang dimaklumkan, tempoh masa POC ini akan berakhir pada 31 Mac 2025. Bagi fasa ke 2 POC ini, laporan data dan maklumat akan diintegrasikan dan diselaraskan dengan pelaporan Sistem eBencana JKR (BigBen) serta aplikasi-aplikasi lain seperti *Flood Map* dan MyJalan KKR.

Oleh itu, sekiranya Ahli yang Berhormat turut berminat dengan penggunaan teknologi ini, Kementerian ini akan membuat pengesyoran pelaksanaan POC di Jalan Persekutuan Negeri Sabah melalui kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya Sabah bagi mengkaji kebolehlaksanaan di Negeri Sabah. Sementara itu, hala tuju bagi penggunaan teknologi ini untuk diaplikasikan ke negeri lain masih belum diputuskan lagi kerana masih dalam peringkat kajian keberkesanan dan laporan kajian hanya akan dirumuskan selepas peringkat kajian tamat pada 31 Mac 2025 ini. Sekiranya teknologi ini berkesan dan bermanfaat, pihak Kementerian tiada halangan untuk mempertimbangkan penggunaan teknologi ini untuk diaplikasikan di seluruh Malaysia dan akan diangkat dahulu untuk kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia bagi menentukan implikasi kos yang akan dibelanjakan untuk aplikasi teknologi ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan punca kelewatan beberapa pengendali platform media sosial dalam mendapatkan Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (ASP (C)) yang dijadualkan tamat pada 1 Januari 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menetapkan keperluan pelesenan bagi penyedia perkhidmatan pesanan internet dan penyedia perkhidmatan media sosial (Penyedia Perkhidmatan) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2025.

Sehingga 25 Februari 2025, tiga syarikat Penyedia Perkhidmatan telah dilesenkan iaitu WeChat International Pte Ltd (WeChat) dan TikTok Pte Ltd (TikTok) pada 1 Januari 2025 dan Telegram Messenger Incorporated (Telegram) pada 2 Januari 2025.

Berhubung status permohonan lesen ASP(C) oleh Meta yang mengoperasikan platform Facebook, Instagram dan WhatsApp, proses untuk memperoleh lesen ASP(C) telah dimulakan dan Meta sedang menyiapkan dokumentasi untuk memenuhi keperluan pelesenan. MCMC sedang meneliti butiran dan dokumen yang dikemukakan oleh Meta bagi tujuan permohonan lesen tersebut.

Bagi Platform X, Penyedia Perkhidmatan tersebut telah memaklumkan bahawa jumlah penggunanya di Malaysia tidak mencapai nilai ambang lapan juta yang perlu dipenuhi untuk keperluan pelesenan. MCMC sedang mendapatkan maklumat lanjut tentang jumlah pengguna yang didakwa oleh platform X dan akan menilai sekiranya terdapat keperluan untuk platform X didaftarkan sebagai pemegang lesen ASP(C).

Manakala, untuk Google (YouTube) pula, isu yang dibangkitkan adalah berkenaan pengklasifikasian YouTube sebagai platform media sosial kerana menurut Google, YouTube adalah merupakan satu platform perkongsian video. MCMC juga dalam proses menilai ciri-ciri Google (YouTube) dan akan menentukan sekiranya terdapat keperluan untuk platform tersebut didaftarkan sebagai pemegang lesen ASP(C).

NO SOALAN : 81

Dengan mengambil kira semua faktor tersebut, MCMC sedang menjalankan penelitian yang lebih mendalam bagi memastikan segala isu berkenaan penguatkuasaan kerangka pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan dapat diselesaikan untuk mewujudkan persekitaran dalam talian yang lebih selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMAY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimana jalinan kerjasama projek pertanian dengan Kerajaan negeri yang digariskan dalam Belanjawan 2025 berupaya membina rantaian bekalan agromakanan yang berfalsafahkan 'saling perlu-memerlukan' antara negeri tanpa memprejudiskan negeri yang kurang berkeupayaan dalam penghasilan pertanian berskala besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KPKM sedar bahawa agenda keterjaminan makanan negara hanya boleh dicapai apabila semua pihak berkepentingan, terutama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan bekerjasama dan berganding bahu menjayakan aspirasi ini di atas prinsip ‘Food Security Is A Shared Responsibility’.
2. Program Kerjasama Strategik Keterjaminan Makanan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang telah dimulakan pada tahun 2024 adalah sebahagian daripada inisiatif di bawah Rangsangan Ekonomi Madani yang bertujuan untuk memastikan strategi keterjaminan makanan yang lebih berdaya saing dan mampan dan seterusnya memastikan tahap keterjaminan makanan negara kekal stabil.
3. Pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak RM300 juta program ini diteruskan lagi dengan memberi keutamaan kelulusan kepada projek-projek dipohon Kerajaan Negeri yang menepati kriteria-kriteria seperti berikut;
 - (i) Projek berimpak tinggi yang boleh dilaksana dan siap sepenuhnya termasuk menyelesaikan komitmen bayaran pada tahun semasa;
 - (ii) Kesediaan tapak dan pengurus projek untuk melaksanakan projek yang diluluskan. Keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang dilaksana oleh pengurus projek/ agensi pelaksana yang mempunyai kepakaran dan pengalaman atau bagi projek-projek yang mempunyai potensi untuk dikembangkan;
 - (iii) Projek-projek pertanian yang boleh memberi pulangan hasil yang cepat (quick win) serta memenuhi keperluan pasaran dan keupayaan meningkatkan pengeluaran tanaman makanan tempatan, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import luar; dan
 - (iv) Prestasi pelaksanaan projek yang diluluskan pada tahun 2024 juga diambil kira.

4. Senarai permohonan cadangan projek yang diterima daripada Kerajaan Negeri akan dinilai dan seterusnya dibentangkan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus. Kelulusan projek-projek akan dimaklumkan kepada Kerajaan negeri untuk pelaksanaan di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana Kementerian menilai keberkesanan program bantuan ekonomi yang telah dilaksanakan. Apakah mekanisme pemantauan atau penilaian yang digunakan untuk memastikan matlamat program tersebut sampai ke golongan sasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menilai dan memantau keberkesanan dasar serta program bantuan sosioekonomi melalui pelbagai pendekatan. Antaranya adalah melalui pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan Rancangan Malaysia yang dilengkapkan dengan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) yang berstruktur bagi memantau pelaksanaan dasar dan strategi serta inisiatif yang dikenalpasti termasuk usaha menangani kemiskinan.
2. Di samping itu, perancangan makroekonomi dan penilaian dasar juga berpandukan dapatan data sosioekonomi melalui Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Dapatan HIES ini antaranya menunjukkan pencapaian pendapatan, kesenjangan dan pekerjaan dalam menilai pencapaian dasar dan sosioekonomi termasuk bagi tujuan membuat langkah intervensi berdasarkan fakta.
3. Bagi penilaian projek, dalam memastikan pelaksanaan program/ projek yang efektif dan sampai ke golongan sasaran, pemantauan dan pelaporan secara berkala melalui sistem MyProjek diwajibkan ke atas semua projek pembangunan di bawah kementerian/ jabatan. Sistem MyProjek merupakan sistem pemantauan utama pengurusan projek awam yang memantau kemajuan dan pencapaian output serta outcome sesuatu projek.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Mekanisme pemantauan yang dilaksanakan di peringkat kementerian atau jabatan adalah berbeza mengikut program pemberian bantuan ekonomi yang disediakan. Seperti contoh, di peringkat Kementerian Ekonomi, bagi membolehkan pemantauan dan penilaian program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dapat dilaksanakan secara berkesan, pegawai lapangan khusus di peringkat daerah telah dilantik bagi memantau pelaksanaan program IPR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan cadangan untuk menangani beberapa *bottleneck* yang menyebabkan kesesakan trafik di Lebuhraya Kajang SILK iaitu susur keluar ke Jalan Balakong (Exit 1801), susur keluar ke Taman Impian Ehsan dan susur keluar ke Lebuhraya Sungai Besi dan *flyover* Seri Kembangan (Exit 902).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang (SILK) adalah merupakan lebuh raya bertol yang beroperasi secara sistem tol terbuka (open toll system) dan jajaran lebuh raya ini melalui kawasan – kawasan pembangunan komersial dan perumahan yang terdapat di sepanjang jajaran lebuh raya berkenaan. Untuk lebuh raya sistem terbuka seperti SILK ini, akan terdapat akses jalan keluar – masuk yang bersambung dengan lebuh raya di sepanjang jajaran lebuh raya tersebut.

Seiring dengan peningkatan pembangunan di lokasi – lokasi berkenaan ianya telah menyumbang kepada peningkatan jumlah trafik terutamanya pada waktu puncak apabila pengguna memasuki jalan susur yang menuju ke jalan tempatan yang menghubungkan lebuh raya ke kawasan komersial/ perumahan di sepanjang lebuh raya. Kelulusan pembangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu selari dengan penaiktarafan jalan - jalan sedia ada bagi menampung pertambahan trafik dan memastikan pergerakan trafik yang lancar. Kesesakan yang berlaku dipengaruhi oleh kedudukan persimpangan lampu isyarat di jalan tempatan yang terletak selepas jalan susur keluar dari lebuh raya yang bukan diselenggara Syarikat Konsesi lebuh raya dan di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Dari aspek reka bentuk lebuh raya, lorong perlambatan (deceleration lane) dengan kapasiti *storage area* mengikut garis panduan telah disediakan di jalan susur keluar lebuh raya bagi mengelakkan aliran trafik di laluan utama lebuh raya terjejas disebabkan oleh kenderaan beratur untuk memasuki jalan susur berkenaan. Selain itu, pengasingan antara laluan utama dan jalan susur turut dilaksanakan di beberapa lokasi seperti di susur keluar ke Taman Impian Ehsan bagi mengelakkan pertembungan antara trafik yang melalui laluan utama dan menuju ke jalan susur berkenaan.

Pemantauan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mendapati kesesakan trafik yang berlaku di susur keluar ke Jalan Balakong (Exit 1801) dan susur keluar ke Taman Impian Ehsan adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah kenderaan terutamanya pada waktu puncak petang yang melalui susur keluar ke jalan tempatan / kawasan perumahan. Isu kesesakan di kedua-dua lokasi ini turut dipengaruhi oleh kewujudan dua persimpangan berlampau isyarat di susur keluar

Lebuhraya Kajang SILK, yang mana lampu isyarat ini masing-masing di bawah kawal selia Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan menyelaras dengan pihak Syarikat Konsesi, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan cadangan penyelesaian bagi mengurangkan kesesakan trafik pada waktu puncak di lokasi melalui penyelarasan penetapan tempoh masa sistem lampu isyarat yang terlibat.

Dalam mengurangkan kesesakan trafik yang berlaku di susur keluar ke Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA) dan *flyover* Seri Kembangan (Exit 902), pengguna disarankan menggunakan pusingan-U KTM Serdang sebagai alternatif dari Balakong untuk ke Pusat Bandar. Bagi tujuan ini Syarikat Konsesi akan melaksanakan pemasangan papan tanda laluan alternatif untuk ke Pusat Bandar melalui pusingan-U KTM sebagai panduan kepada pengguna. Pelaksanaan pemasangan papan tanda ini dijangka akan disiapkan pada sukuan kedua tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status penyelenggaraan longkang di kawasan-kawasan yang kerap menghadapi masalah longkang tersumbat atau rosak serta langkah-langkah proaktif yang diambil untuk memastikan sistem saliran sentiasa berada dalam keadaan baik bagi mengelakkan banjir kilat di Parlimen Padang Rengas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) telah menggariskan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertanggungjawab menyelenggara sistem perparitan di dalam kawasan operasi PBT. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan PBT adalah berdasarkan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) yang telah diguna pakai di tujuh (7) buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya).

Bagi PBT yang tidak tertakluk di bawah Akta 672 seperti Negeri Perak, tanggungjawab pemantauan dan penyeliaan bagi penyelenggaraan perparitan adalah masih di bawah PBT atau secara penyumberluaran (outsource). PBT melaksanakan pemantauan bagi kerja-kerja penyelenggaraan oleh syarikat yang dilantik melalui pemeriksaan terus di tapak dan tindakan segera berdasarkan aduan awam yang diterima.

KPKT amat menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat dalam membangkitkan isu perparitan di taman-taman perumahan dalam kawasan Parlimen Padang Rengas. Untuk makluman, kawasan ini **merupakan kawasan pengoperasian Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK)** dan sehingga kini, MPKK tidak menerima sebarang aduan melibatkan kejadian banjir di kawasan taman-taman tersebut. **Kerja-kerja penyenggaraan dan pembersihan awam kawasan MPKK adalah dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Perak iaitu Puncak Emas Infra Sdn. Bhd. (PEISB) dan** pihak PEISB juga melaksanakan kerja-kerja pembersihan perparitan mengikut jadual dan kitaran yang ditetapkan iaitu satu (1) kali sebulan. **MPKK juga bertanggungjawab melaksanakan pemantauan secara berkala bagi memastikan kerja-kerja penyenggaraan oleh PEISB dilaksanakan dengan sempurna bagi mengelakkan sebarang kejadian banjir kilat di Parlimen**

Padang Rengas.

KPKT melalui JKT turut **menyediakan bantuan peruntukan kepada PBT di bawah projek-projek BP.1 berskala kecil** untuk menangani permasalahan rakyat di peringkat Kerajaan Tempatan **termasuklah isu kejadian banjir kilat ini**. Bagi tahun 2022 dan 2024, **KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM47.8 juta** bagi penyelenggaraan perparitan di Negeri Perak. Manakala **khusus bagi MPKK pula, KPKT telah meluluskan dan menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.1 juta bagi lapan (8) projek** iaitu seperti berikut:

- 1. Tahun 2022 – RM488,871 (3 projek)**
- 2. Tahun 2024 – RM620,000 (5 projek)**

Selain, itu, KPKT juga telah **menubuhkan Jawatankuasa Task Force Bagi Menyelesaikan Masalah Banjir Kilat Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan** sejak tahun 2021 di bawah seliaan JKT. Jawatankuasa ini telah menyediakan **Prosedur Operasi Standard (SOP) Pembersihan Sistem Perparitan Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Negeri Yang Tidak Mengguna Pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)** iaitu Negeri Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu, Sabah dan Sarawak sebagai rujukan kepada negeri-negeri tersebut. SOP ini telah menggariskan skop pembersihan dan kekerapan pembersihan minimum bagi jenis-jenis parit dan longkang yang terdapat di kawasan PBT, serta menetapkan kaedah pemantauan bagi kerja-kerja pembersihan agar pelaksanaan perkhidmatan ini dapat mencapai kualiti kerja seperti yang dikehendaki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah ada perancangan kementerian untuk melaksanakan cadangan ujian air kencing sebagai sebahagian daripada Prosedur Operasi Standard (SOP) kepada pengunjung konsert bagi membendung pengambilan dadah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi (KK) melalui Unit Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) merupakan pusat setempat yang berperanan sebagai urus setia Jawatankuasa PUSPAL untuk menyelaras dan memproses permohonan kemasukan artis dan kru luar negara. Keanggotaan Jawatankuasa PUSPAL terdiri daripada 16 kementerian/jabatan/agensi Kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM). Peranan PDRM dalam Jawatankuasa PUSPAL adalah untuk memberi pandangan dan nasihat dalam hal-hal berkaitan keamanan, keselamatan dan ketenteraman awam.

Garis Panduan PUSPAL telah disediakan sebagai rujukan kepada penganjur persembahan mengenai aspek-aspek keselamatan yang perlu dititikberatkan dalam penganjuran suatu persembahan melibatkan artis luar negara. Antaranya ialah penganjur hendaklah mengambil apa-apa langkah yang perlu sebelum, semasa dan selepas persembahan bagi memastikan tiada aktiviti berkaitan rokok, minuman keras dan dadah di lokasi persembahan sepanjang tempoh persembahan.

Pada masa ini Kerajaan tiada perancangan untuk melaksanakan ujian tersebut sebagai salah satu syarat pelaksanaan konsert. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan meneliti keperluan dan kesesuaian sebarang cadangan dan perubahan prosedur operasi standard dari semasa ke semasa berdasarkan perbincangan dengan semua agensi serta semua pemegang taruh terbabit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan maklumat tentang program IPR.

- a. status kemajuan program IPR Intan yang telah dicapai dalam tahun 2024 berdasarkan jumlah peserta dan purata pendapatan
- b. berapa jumlah yang digunakan untuk tujuan IPR INTAN ini daripada RM500 juta peruntukan yang disediakan dalam Belanjawan 2024 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) status kemajuan program IPR - INTAN yang telah dicapai dalam tahun 2024 berdasarkan jumlah peserta dan purata pendapatan

1. Sehingga akhir tahun 2024, sejumlah 3,628 peserta telah diluluskan pelaksanaan program di bawah Inisiatif Usahawan Tani (IPR – INTAN) di lebih 50 lokasi berkeluasan 2,742 ekar di seluruh negara.
2. Pelaksanaan IPR juga telah terbukti memberikan impak dalam membantu golongan sasar untuk menjana pendapatan tambahan secara mampan. Secara umumnya, peserta berupaya meraih julat pendapatan bulanan berjumlah antara RM2,000 hingga RM6,000 bagi pelaksanaan IPR – INTAN di seluruh negara.
3. Sebagai contoh, para peserta yang mengusahakan tanaman cili fertigasi di Putrajaya telah berjaya meraih pendapatan bersih bulanan berjumlah antara RM2,200 hingga RM5,600 untuk pusingan pertama dan kedua tanaman cili.

b) berapa jumlah yang digunakan untuk tujuan IPR - INTAN ini daripada RM500 juta peruntukan yang disediakan dalam Belanjawan 2024 yang lalu.

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang digunakan bagi pelaksanaan IPR – INTAN sehingga akhir tahun 2024 adalah RM350 juta.
2. Jumlah ini merangkumi peruntukan yang dibelanjakan di bawah pelaksanaan IPR – INTAN melalui kelulusan yang dilaksanakan secara terus oleh Kementerian Ekonomi serta melalui kaedah request for proposal (RFP) yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Koridor (PBK) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) bagi memperluaskan pelaksanaan program ini dengan lebih cepat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pusat dialisis di Selangau dapat beroperasi dan dapatkah Kementerian menyediakan rumah tumpangan pesakit (Anjung Kasih) untuk pesakit yang datang dari kawasan hulu sungai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembinaan bangunan HDU KK Selangau telah hampir siap termasuk proses perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan. Perkhidmatan dialisis ini dijangka akan mula beroperasi dalam pertengahan tahun 2025, iaitu bulan Jun 2025 selepas anggota kesihatan terlibat mendapatkan latihan di hospital. Walaubagaimanapun, jangkaan permulaan beroperasi sebenar akan ditentukan kemudian.
2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) telah menyediakan Anjung Kasih iaitu merupakan penginapan sementara yang disediakan kepada ahli keluarga atau waris yang mengiringi pesakit yang tidak berkemampuan tetapi memerlukan penginapan sementara ketika atau selepas mendapatkan rawatan di hospital kerajaan. Penginapan sementara yang ditawarkan ini berkonseptan selesa, selamat dan berkualiti.
3. Untuk makluman, sehingga kini terdapat tiga (3) buah Anjung Kasih YKN yang beroperasi di negeri Sarawak iaitu di Hospital Umum Sarawak, Hospital Miri dan Hospital Sibu manakala satu (1) pembinaan Anjung Kasih baharu di Hospital Bintulu yang telah mendapat penajaan korporat daripada Bintulu Port Holdings Berhad. Kementerian ini juga sedang melihat kesesuaian pembinaan Anjung Kasih YKN yang baharu di tempat-tempat yang lain termasuk Klinik Kesihatan Selangau bergantung kepada penajaan daripada sektor korporat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

**DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta MENTERI PELABURAN,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI menyatakan :**

- a. impak kepada Malaysia yang berdagang aktif dengan negara BRICS dan bagaimana Kerajaan menangani kenyataan Presiden Donald Trump yang akan mengambil tindakan menaik tarif barang import dari negara BRICS
- b. sejauh manakah kejayaan usaha dedolarisasi yang dilaksanakan oleh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan perlu sentiasa meneroka pasaran-pasaran baharu untuk memastikan negara tidak ketinggalan serta mendapat manfaat daripada perkembangan ekonomi global. Justeru, keputusan penyertaan Malaysia dalam organisasi BRICS, merupakan satu langkah strategik untuk memperluaskan jaringan kerjasama ekonomi terutama dari aspek perdagangan dan pelaburan serta diversifikasi pasaran.
2. Malaysia secara rasmi telah diterima sebagai Negara Rakan Kongsi (*Partner Country*) BRICS pada 1 Januari 2025. Status ini merupakan langkah yang strategik bagi negara untuk meneliti dengan lebih lanjut peluang akses pasaran dan potensi pelaburan dari BRICS, sejajar dengan matlamat untuk melaksanakan **diversifikasi ekonomi**, serta implikasinya kepada negara sebelum menjadi ahli penuh BRICS. Secara umumnya, penglibatan Malaysia dengan negara-negara BRICS memberi peluang diversifikasi ekonomi daripada rakan dagang tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah serta meningkatkan aktiviti ekonomi secara keseluruhan melalui peningkatan akses kepada pasaran yang semakin berkembang. Selain itu, penglibatan ini juga **berpotensi menarik pelaburan** dalam sektor utama serta peluang untuk pemindahan teknologi bagi meningkatkan keupayaan industri domestik.
3. Dari segi keluasan pasaran dan kekuatan ekonomi, BRICS yang terdiri daripada Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan, serta empat negara ahli baharu iaitu Mesir, Ethiopia, Iran, Emiriah Arab Bersatu, (UAE) dan Indonesia mempunyai gabungan KDNK negara-negara ahli penuh BRICS sebanyak hampir USD30 trilion, iaitu 27 peratus daripada KDNK dunia dengan jumlah penduduk seramai kira-kira 4 bilion, atau hampir separuh dari populasi dunia. Data ini menunjukkan bahawa kedudukan ekonomi BRICS mempunyai **pengaruh yang besar** di peringkat global. Sebagai sebuah negara dagang, Malaysia perlu memastikan kita tidak terlepas peluang untuk mendapatkan bahagian pasaran (*market share*)

dalam ekonomi yang besar ini.

4. Malaysia juga cakna dengan kenyataan Presiden Donald Trump yang ingin mengambil tindakan menaikkan tarif barang import dari negara BRICS. Bagi memastikan kepentingan perdagangan Malaysia **terus terpelihara** dan tidak terhimpit di antara kuasa-kuasa besar dunia, Kerajaan Malaysia perlu terus memperkuuh hubungan ekonomi dan diversifikasi pasaran dengan negara-negara utama termasuk dalam kalangan negara BRICS selain memperluaskan kerjasama dengan negara-negara di Asia, Timur Tengah, Kesatuan Eropah (EU) dan rantau lain bagi **mengurangkan kebergantungan** kepada pasaran tunggal. Melalui keahlian Malaysia di dalam WTO juga, Malaysia mempunyai akses kepada mekanisme penyelesaian pertikaian bagi menangani sebarang isu berkaitan perdagangan yang mungkin timbul dengan Amerika Syarikat atau negara lain akibat dasar tarif yang dikenakan.

5. Selain itu, Malaysia juga boleh meningkatkan pengeluaran serta daya saing produk tertentu yang berpotensi untuk menggantikan barang dari negara-negara BRICS yang dikenakan tarif tinggi seperti semikonduktor, peralatan elektrik dan elektronik, serta industri bernilai tambah lain. Malaysia akan terus memastikan dasar luar negara yang bebas, berprinsip dan pragmatik berlandaskan nilai-nilai kesejahteraan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan. Dalam masa yang sama, Kerajaan akan sentiasa mendukung Keluhuran Undang-Undang dan piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 juga akan **dimanfaatkan sepenuhnya** untuk menghubungkan Amerika Syarikat dengan ASEAN bagi tujuan mengukuhkan hubungan perdagangan antara kedua-dua pihak.

6. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun salah satu topik yang pernah dibincangkan semasa sidang mesyuarat BRICS adalah berkaitan pengurangan kebergantungan kepada matawang tradisi perdagangan seperti US Dolar, namun setakat ini **tiada cadangan rasmi** yang telah dipersetujui bagi tujuan *de-dollarisation* tersebut. Dalam hal ini, adalah penting peranan dan hala tuju BRICS dilihat secara lebih **holistik** dan bukan semata-mata dilihat sebagai satu platform untuk mengimbangi kuasa ekonomi negara-negara barat. BRICS adalah satu platform yang

semakin penting dalam mengetengahkan pandangan dan pendirian mengenai isu-isu ekonomi serantau melalui dialog, forum atau perbincangan yang lebih strategik secara tidak mengikat (*non-binding*).

7. Secara kesimpulannya, dengan pendekatan yang **strategik** dan seimbang, Malaysia dapat **mengoptimumkan** manfaat penyertaan dalam BRICS di samping memastikan kestabilan dan kesinambungan hubungan perdagangan global dengan semua rakan ekonomi utama negara terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status pelaksanaan PADU sebagai medium bagi meningkatkan ketersampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat serta apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi cabaran seperti risiko pencerobohan privasi, ketirisan data dan penyalahgunaan maklumat memandangkan sensitiviti data peribadi rakyat harus dipelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pangkalan Data Utama (PADU) merupakan satu repositori data individu serta isi rumah warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Perwujudan repositori data ini akan membolehkan Kerajaan memantapkan tadbir urus negara dengan menambah baik perancangan dasar serta pelaksanaan program intervensi yang berpandukan data.
2. Bermula 2 Jan 2024 sehingga 31 Mac 2024, sistem PADU telah dibuka kepada warganegara dan pemastautin tetap yang berumur 18 tahun dan ke atas untuk mengemas kini maklumat. Hasil pengintegrasian data tersebut dengan data pentadbiran daripada pelbagai agensi menjadikan PADU mempunyai profil sosioekonomi bagi 30.1 juta individu.
3. Kerajaan akan memanfaatkan data PADU dalam perancangan dan pelaksanaan program berkaitan. Bagi tujuan ini, Kementerian Ekonomi akan mengedarkan Garis Panduan Perkongsian data kepada agensi kerajaan. Perkongsian data ini, akan meningkatkan kecekapan kerajaan dalam merangka serta melaksanakan dasar berdasarkan data yang tepat dan terkini.
4. Kerajaan sentiasa menitikberatkan aspek keselamatan sistem dan data. Oleh itu, keselamatan sistem PADU telah dan akan sentiasa diperkuuhkan bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan atau kebocoran maklumat.
5. Sistem PADU kini dilengkapi dengan fungsi Multi-Factor Authentication (MFA) pada log masuk sistem bagi memastikan tiada pencurian identiti boleh berlaku yang mengakibatkan kebocoran maklumat. Sistem PADU juga telah melalui proses Security Posture Assessment (SPA) oleh CyberSecurity Malaysia bagi mengenal pasti kelemahan keselamatan. Penambahbaikan fungsi dan konfigurasi keselamatan telah dilaksanakan berdasarkan hasil penemuan pelaksanaan SPA sebelum dibuka semula kepada pengguna awam.
6. Kerajaan akan terus komited dalam memperkuuh PADU bagi meningkatkan pelaksanaan pendekatan pembuatan keputusan berdasarkan data dan fakta oleh agensi kerajaan. Dalam hal ini, penggunaan data PADU oleh agensi kerajaan amat dialu-alukan. Kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan repositori data berpusat dalam kalangan pemimpin, membuat

NO SOALAN : 90

keputusan dan rakyat amnya amat penting untuk membolehkan program kerajaan dapat diluluskan dengan lebih berkesan demi kepentingan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian Kesihatan bercadang untuk membina sebuah hospital yang bersesuaian di Daerah Bandar Baharu di mana jumlah penduduk hampir 50 ribu orang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, tiada cadangan untuk membina sebuah hospital di Bandar Baharu. Kedudukan Hospital Kulim dan Hospital Parit Buntar (baharu) yang terletak dalam lingkungan 27km radius dari Bandar Baharu dapat memberi liputan perkhidmatan kesihatan yang baik kepada penduduk.
2. Kapasiti dan capaian perkhidmatan kepakaran dijangka dapat dipertingkatkan dengan pembinaan blok baharu Hospital Kulim yang telah pun lulus pelaksanaannya dalam Rolling Plan 5, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP5 RMKe-12).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana Kerajaan menyokong latihan tenaga kerja dan menyelaraskan program kemahiran dengan keperluan industri bagi memenuhi keperluan perniagaan JS-SEZ justeru meningkatkan produktiviti dan menarik pelabur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (*Johor-Singapore Special Economic Zone - JS-SEZ*) telah diwujud susulan pemeteraian Memorandum Persefahaman JS-SEZ antara YB Menteri Ekonomi dan *Minister of Trade and Industry, Singapore* pada 11 Januari 2024^[1]. Mesyuarat Koordinasi JS-SEZ Bil. 1/2024 yang dipengerusi bersama oleh YB Menteri Ekonomi dan YAB Menteri Besar Johor dan dihadiri oleh beberapa orang Menteri Kabinet pada 18 Mac 2024 telah bersetuju dengan penubuhan enam Kumpulan Kerja peringkat Nasional bagi perbincangan dengan pihak Singapura dan dua Kumpulan Kerja domestik bersama Kementerian Peneraju.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah disenaraikan di dalam Kumpulan Kerja Peringkat Nasional dan dipertanggungjawabkan untuk menerajui **Kumpulan Kerja Talent**. Perkara ini selaras dengan Pelan Induk Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan – NIMP 2030*). Di bawah NIMP, aspek pembangunan kemahiran dan penciptaan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan telah digariskan dengan sasaran pewujudan 3.3 juta pekerjaan yang berkemahiran tinggi dan separa berkemahiran.

NIMP 2030 juga memberi tumpuan terhadap peningkatan kerjasama dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk menyumbang kepada penciptaan golongan bakat berkemahiran tinggi bagi menyokong pertumbuhan sektor strategik, selain menangani cabaran ketidakpadanan kemahiran dalam sektor pembuatan di Malaysia.

Selari dengan NIMP 2030, KESUMA menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bertanggungjawab untuk mendorong aspirasi pekerja berkemahiran melalui pungutan levi daripada majikan dan pembiayaan program latihan serta pembangunan untuk tenaga kerja Malaysia. PSMB secara berterusan melaksanakan program latihan semula dengan izin *re-skilling* dan peningkatan latihan dengan izin *up-skilling*.

Melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), PSMB mengutip levi Pembangunan Sumber Manusia daripada majikan-majikan yang berkelayakan tertakluk di bawah Akta bagi menggalakkan latihan dan

pembangunan pekerja tempatan, perantis dan pelatih. Melalui levi ini yang berperanan sebagai insentif latihan kepada majikan, majikan boleh menghantar pekerja tempatan mengikuti pelbagai aktiviti latihan melalui PSMB.

Selain itu, bagi mendapatkan maklum balas berkenaan aspek pembangunan pekerja melalui latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran, PSMB sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama majikan dan persatuan majikan. Berdasarkan statistik terkini, sebanyak 98,084 majikan dan seramai 4.79 juta pekerja telah berdaftar dengan PSMB serta mendapat akses kepada latihan.

Pada tahun 2024, sebanyak 2,677,592 tempat latihan telah diluluskan oleh PSMB. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, sebanyak 232,775 tempat latihan telah diluluskan di negeri Johor yang meliputi 19 industri. Lima industri yang aktif dalam melatih pekerja di negeri adalah

Pembuatan, Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor, Pengangkutan dan Penyimpanan, Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal.

Dalam kontek ini, lima bidang kemahiran tertinggi yang diluluskan di negeri Johor adalah bidang Keselamatan, Pengurusan dan Kepimpinan, Kualiti, Kewangan dan Perakaunan dan Pengurusan Operasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembinaan Balai Bomba Daerah Pitas. Bilakah balai bomba tersebut mula beroperasi penuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa fokus dan komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat seluruh negara terus terjamin sebagaimana yang telah digariskan dalam **Kerangka Strategik Malaysia MADANI** di bawah strategi **Meningkatkan Keselamatan Negara (Teras Strategik 3)**.

Pada masa kini, di **Negeri Sabah**, terdapat **28 buah balai bomba yang beroperasi** (pelbagai kategori) dan merupakan antara negeri yang terbanyak memiliki balai bomba. Walaupun begitu, pihak Kementerian sentiasa peka terhadap keperluan untuk meningkatkan tahap perlindungan kebakaran di Negeri Sabah terutamanya melibatkan kawasan-kawasan yang berada di luar bandar dan pedalaman. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, **projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pitas** dan empat (4) unit kquarters telah siap sepenuhnya pada **12.12.2024** dengan kos sebanyak RM 6.6 juta dan telah mula beroperasi pada **1.1.2025**.

BBP Pitas merupakan **balai bomba kategori D** dan dikuatkan dengan keanggotaan **Pegawai Bomba Sepenuh Masa (PSM) seramai 12 orang**. JBPM juga dalam proses pengambilan **Pegawai Bomba Bantuan (PBB) seramai 15 orang** bagi memantapkan keanggotaan BBP Pitas. Selain itu, **1 buah jentera fire rescue tender (FRT)** dan **1 buah kenderaan operasi ringan (light operation vehicle)** telah dibekalkan bagi meningkatkan kecekapan pengoperasian balai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK
BEGRI [BETONG]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- a. bagaimana Malaysia sedang menghadapi cabaran kesihatan yang berkaitan dengan penyakit tidak berjangkit seperti diabetes dan hipertensi
- b. apakah program pencegahan dan kawalan yang telah dilaksanakan di seluruh negara untuk mengurangkan beban penyakit ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada YB Betong yang bertanyakan soalan yang berkaitan dengan cabaran dan program pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit.
2. Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) prevalans diabetes menunjukkan sedikit penurunan daripada 18.3% (NMHS 2019) kepada 15.6% (NHMS 2023). Manakala untuk prevalen Hipertensi adalah 29.2% (NHMS 2023) berbanding NHMS tahun 2019 adalah sebanyak 30.2%.
3. Cabaran utama dalam menangani penyakit tidak berjangkit adalah berkait dengan pembudayaan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat. Pembudayaan gaya hidup sihat sangat mencabar kerana ia bukan sahaja berkait dengan pilihan, tingkah laku dan kesedaran individu semata-mata tetapi ia turut dipengaruhi oleh aksesibiliti kepada faktor persekitaran yang menyokong pilihan lebih sihat oleh masyarakat. Oleh itu komitmen di semua lapisan termasuk dalam komuniti, di tempat kerja, dan pelaksanaan polisi yang menyokong pembudayaan hidup sihat.
4. Oleh itu, untuk mengurangkan beban NCD terutamanya diabetes dan hipertensi, pendekatan "Whole of Nation" dan "Whole of Society" adalah amat diperlukan untuk merealisasikan setiap usaha dan inisiatif yang telah dirancang.
5. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan adalah:
 - (a) Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan Tonggak Ke-2 Kertas Putih Kesihatan (HWP) mengenai promosi kesihatan dan pencegahan penyakit. Ia bertujuan meningkatkan literasi kesihatan masyarakat dan menjadi pemangkin baharu kepada perubahan sikap dan amalan kesihatan masyarakat;
 - (b) Pembangunan pelbagai dasar seperti Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM) 2.0, Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK), Nutrition Policy Options to Combat Obesity in Malaysia dan National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases (NSP-NCD);

- (a) "War on Sugar" turut dilancarkan, dan antara pencapaian inisiatif ini termasuk peningkatan kadar cukai minuman manis bergula, pelaksanaan Nutri-Grade dan Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Rakyat Malaysia, 2024-2030;
- (b) Strategi Pengurangan Garam untuk mencegah dan mengawal Penyakit Tidak Berjangkit telah dilaksanakan sejak tahun 2015. Strategi ini telah diperluaskan melalui pelaksanaan Salt Reduction Policy of Malaysia for Out-of-Home Sectors - A Supplementary Document for the Salt Reduction Strategy to Prevent and Control NCD for Malaysia 2021 – 2025;
- (c) Penguatkuasaan Akta Kawalan Merokok Demi Kesihatan Awam (Akta 852) telah bermula pada 1 Oktober 2024 dan penguatkuasaan bertujuan untuk mengekang penggunaan produk tembakau serta mengurangkan kemudaratan akibat tabiat merokok;
- (d) Pemerkasaan komuniti melalui Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dilaksanakan di 868 lokaliti dengan penglibatan 7,662 sukarelawan; dan
- (e) Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI), yang dimulakan pada Julai 2022, telah membantu dalam pengesanan awal penyakit NCD. Inisiatif saringan ini merupakan usaha mengembangtenaga bukan sahaja fasiliti kesihatan tetapi turut melibatkan penyertaan klinik swasta melalui program PeKaB40, saringan pekerja melalui PERKESO, saringan komuniti melalui NGOs dan program KOSPEN. Semenjak 2022 sehingga 31 Disember 2024 sebanyak 4.4 juta individu berumur 18 tahun dan ke atas telah disaring.
6. Kualiti rawatan pesakit yang telah didiagnosis dengan penyakit tidak berjangkit dioptimumkan dengan penggunaan Clinical Practice Guidelines (CPG), khusus setiap penyakit dan diberikan secara holistik. Selain daripada itu, pembangunan dokumen garis panduan pengurusan pesakit di fasiliti kesihatan merangkumi referral care pathway dijadikan sebagai panduan kepada petugas-petugas kesihatan. Pemantauan aspek pengurusan klinikal dilaksanakan secara berkala dengan mengenal pasti indikator klinikal untuk memastikan kualiti pesakit berada pada tahap optimum serta untuk mengurangkan komplikasi penyakit. Dengan pelaksanaan pelbagai strategi ini, Malaysia berusaha untuk menangani cabaran NCD secara menyeluruh dan berkesan.

NO SOALAN : 94

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berapa jumlah liputan 3G/4G/5G data rangkaian selular di kesemua daerah di Kelantan. Apakah inisiatif Kementerian dalam mewujudkan kesalinghubungan rangkaian ini memandangkan ada beberapa kawasan di Parlimen Jeli masih tidak dapat akses internet dan panggilan telefon.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan 3G tidak lagi beroperasi dan telah ditamatkan (*sunset*) pada tahun 2022. Penamatan ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan 4G serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengalaman pengguna yang lebih baik.

Setakat 31 Disember 2024, kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di negeri Kelantan telah mencapai 99.63%, manakala bagi perkhidmatan 5G pula telah mencapai sebanyak 67% di kawasan berpenduduk. Kadar liputan 4G dan 5G di kawasan berpenduduk di negeri Kelantan berdasarkan daerah adalah seperti berikut:

No.	Daerah	Peratus liputan 4G di kawasan berpenduduk	Peratus liputan 5G di kawasan berpenduduk
1.	Bachok	100%	41.6%
2.	Gua Musang	98.39%	37.4%
3.	Jeli	99.31%	35.7%
4.	Kota Bharu	100%	89.7%
5.	Kuala Krai	98.97%	38.9%
6.	Machang	99.94%	56.4%
7.	Pasir Mas	99.91%	65%

No.	Daerah	Peratus liputan 4G di kawasan berpenduduk	Peratus liputan 5G di kawasan berpenduduk
8.	Pasir Puteh	99.98%	44.2%
9.	Tanah Merah	99.54%	65.4%
10.	Tumpat	100%	92.7%

Setakat 31 Disember 2024, di bawah inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), sebanyak lima daripada 12 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi, kesemua 99 stesen pemancar telah dinaik taraf, sebanyak 2,760 daripada 3,330 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik. Baki inisiatif yang sedang dalam pelaksanaan dijangka siap secara berperingkat pada penghujung tahun 2025.

Kerajaan juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik. Sehingga 23 Januari 2025, sebanyak 58 PoP telah berjaya disiapkan sepenuhnya bagi Fasa 1 dan menjadikan 6,440 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Khusus bagi Parlimen Jeli, sebanyak 13 PoP telah selesai dibina sepenuhnya bagi Fasa 1, menjadikan 1,400 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Manakala bagi Fasa 2, sebanyak 109 PoP bagi negeri Kelantan termasuk enam PoP di Parlimen Jeli masih dalam pelaksanaan sehingga akhir tahun 2025.

MCMC mengambil maklum bahawa terdapat beberapa lokasi yang bermasalah dari segi liputan dan kualiti perkhidmatan di Parlimen Jeli. Oleh yang demikian, aduan orang ramai adalah amat diperlukan bagi membantu pemberi perkhidmatan dan MCMC dalam menyegerakan tindakan bagi menangani isu jaringan internet yang dihadapi.

Para pengguna adalah digalakkan untuk membuat aduan secara terus kepada pemberi perkhidmatan sekiranya perkhidmatan yang disediakan adalah tidak memuaskan agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Sekiranya aduan tersebut tidak dapat diselesaikan, aduan kepada MCMC juga boleh dilakukan di laman portal aduan MCMC di <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Para pengguna juga disarankan untuk memanfaatkan portal JENDELA Map (<https://jendela.my>) bagi mengemukakan maklum balas liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di kawasan mereka dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN
ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan keberkesanan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara yang dilancarkan pada tahun 2019 untuk menambah baik penyediaan infrastruktur digital terutamanya di Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) merupakan kesinambungan kepada Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP), yang dirangka sebelum pandemik COVID-19 melanda. Perubahan norma pasca COVID-19 menyaksikan perubahan ketara corak penggunaan Internet dan perkembangan ini menambah kebergantungan terhadap aspek digital untuk pembangunan semula masyarakat dan ekonomi. Melalui pelan JENDELA, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan dapat memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar.

Setakat 31 Disember 2024, pencapaian inisiatif Pelan JENDELA di seluruh negara adalah seperti berikut:

1. Sejumlah 9.03 juta premis tersedia dengan capaian gentian optik;
2. Kadar purata muat turun mudah alih : 105.36Mbps (Median); dan
3. Kadar liputan internet di kawasan berpenduduk telah mencapai sebanyak 98.66%.

Inisiatif pelaksanaan JENDELA di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur setakat 31 Disember 2024 adalah termasuk pembinaan sebanyak 312 struktur komunikasi baharu yang telah siap dibina dan beroperasi. Kesemua 3,259 buah stesen pemancar juga telah turut siap dinaik taraf. Status capaian gentian optik di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah melebihi sasaran pelaksanaan projek iaitu sebanyak 452,902 premis dirancang telah tersedia dengan capaian gentian optik berbanding dengan sasaran sebanyak 452,151 premis. Penaiktarafan ini juga bertujuan mengurangkan kadar gangguan perkhidmatan internet di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa memantau dan memastikan segala inisiatif bagi menambah baik penyediaan infrastruktur digital di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

NO SOALAN : 96

terus digiatkan untuk memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dan perkhidmatan berkualiti dapat dinikmati oleh semua orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status projek pembinaan Klinik Kesihatan Sungai Rambai dan apakah spesifikasi peralatan seperti bilangan katil, kemudahan x-ray dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada YB Jasin di atas soalan yang diutarakan. Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters Sungai Rambai, Jasin Melaka telah diluluskan melalui Rolling Plan 5, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP5, RMK12).
2. Projek ini sedang dalam fasa pra-pelaksanaan iaitu di peringkat perancangan seperti penyediaan reka bentuk, kerja-kerja kajian awalan dan lain-lain. Borang Permulaan Pelaksanaan Projek (BPPP) telah dikeluarkan pada 27 Februari 2025 kepada Agensi Pelaksana.
3. Skop projek ini adalah pembinaan klinik kesihatan piawai jenis 3 yang meliputi penyediaan Klinik Pesakit Luar, Klinik Ibu dan Anak, Pergigian, Kecemasan, Rehabilitasi, Pengimejan (X-Ray), Farmasi, Infectious Disease (ID), Sistem ICT dan CCTV.
4. Selain itu, projek ini turut akan menyediakan kuarters untuk kegunaan petugas kesihatan, perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan serta kenderaan dan juga kerja-kerja lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pemantauan semasa Kementerian berhubung kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran sehingga empat kali ganda dan apakah jaminan bahawa kenaikan harga ini dapat distabilkan selepas tamat musim Monsun Timur Laut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Monsun Timur Laut (MTL) siri 2024/2025 atau lebih dikenali sebagai musim tengkujuh di Malaysia telah bermula sejak awal November 2024 dan dijangka akan berterusan sehingga Mac 2025. Sepanjang fasa MTL ini, kebanyakan negeri menerima taburan hujan yang tinggi sehingga mengakibatkan kejadian banjir di beberapa kawasan pengeluaran utama.
2. Cuaca yang tidak menentu telah memaksa para petani untuk mengecilkan skala tanaman bagi mengurangkan risiko kerugian. Di samping itu, terdapat juga sebilangan petani yang mengusahakan tanaman yang lebih mudah dijaga antaranya seperti kacang panjang, timun dan terung.
3. Pada masa yang sama, taburan hujan yang tinggi juga telah memperlakukan proses kematangan hasil tanaman. Ini menyebabkan hasil tanaman yang hendak dituai berkurangan dan memberi kesan terhadap kekurangan pembekalan sayuran tempatan ke pasaran.
4. Berdasarkan trend harga purata yang dikeluarkan oleh FAMA bagi tempoh tiga tahun ke belakang, sayur-sayuran utama seperti sawi hijau, bayam hijau, kangkung, cili merah kulai dan cili merah minyak merekodkan trend harga meningkat dalam lingkungan 10% hingga 30% antara November sehingga Mac. Kebiasaannya pada bulan Mac setiap tahun, pengeluaran tanaman di peringkat ladang kembali stabil dan dapat mengeluarkan hasil yang optimum. Oleh itu, harga bagi kebanyakan sayur-sayuran di pasaran diunjurkan kembali stabil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Kementerian berhubung keputusan Amerika Syarikat untuk mengenakan tarif terhadap import panel solar dari empat negara Asia Tenggara termasuk Malaysia dan apakah kesiapsiagaan Kementerian dalam menyerap implikasi keputusan terhadap sektor tenaga hijau negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi pihak Kerajaan Malaysia terlibat secara langsung dalam siasatan timbal balas dan anti-lambakan oleh Kerajaan Amerika Syarikat (AS) terhadap import panel solar dari empat negara Asia Tenggara, termasuk Malaysia. MITI adalah komited untuk mempertahankan industri solar di Malaysia daripada tindakan-tindakan remedи perdagangan yang diambil oleh kerajaan AS dengan menyangkal dakwaan yang tidak berdasas dan mengemukakan pandangan serta maklum balas berdasarkan input yang diterima daripada pihak pemegang taruh.

Selain itu, MITI juga telah menekankan kepada Kerajaan AS bahawa program-program galakan pelaburan di Malaysia adalah selaras dengan peruntukan di bawah *WTO Agreement on Subsidies and Countervailing Measures* (WTO ASCM) dan industri solar Malaysia tidak menerima sebarang faedah daripada program-program yang didakwa sehingga menyebabkan kemudarat kepada industri solar AS.

MITI bersama agensi kerajaan lain telah menyarankan supaya industri solar tempatan meneroka pasaran alternatif, khususnya dalam ASEAN bagi mengurangkan pergantungan kepada AS. Usaha ini ditekankan supaya hubungan kerjasama pengeluar-pengeluar panel solar dalam rantaian bekalan negara-negara ASEAN akan membantu dalam menghadapi implikasi ini secara kolektif.

Dorongan dan galakan terhadap pelaburan di dalam penyelidikan dan pembangunan aktiviti-aktiviti pelbagaian berkaitan teknologi hijau juga akan dapat menyasarkan Malaysia sebagai pengeluar panel solar serta peralatan teknologi hijau yang berkualiti tinggi, sekaligus membantu menjadikan Malaysia sebagai hab teknologi hijau terkemuka di rantau ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meluluskan penggunaan *medical marijuana* khusus untuk tujuan perubatan dan juga penanaman *hemp* sebagai sumber pendapatan baharu kepada petani dan juga negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di Malaysia, kanabis atau apa jua nama lain yang diberikan kepadanya seperti ganja, marijuana atau hemp dan hasilnya seperti resin kanabis, ekstrak kanabis dan keluaran berasaskan kanabis adalah dikawal sebagai “dadah berbahaya” di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan sebagai “racun” di bawah Akta Racun 1952. Sekiranya keluaran berasaskan kanabis untuk digunakan bagi tujuan perubatan manusia atau haiwan, maka keluaran itu turut dikawal sebagai “dadah” di bawah Akta Jualan Dadah 1952.
2. Akta-akta ini dan perundangan subsidiarinya memperuntukkan kawalan ke atas semua aktiviti yang bersangkutan dengan kanabis dan hasilnya merangkumi pengimportan, pengeksportan, pemilikan, penanaman, penjualan, pembekalan dan penggunaan. Akta Jualan Dadah 1952 melalui perundangan subsidiarinya iaitu Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 antara lain memperuntukkan keperluan suatu dadah (keluaran) untuk didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sebelum boleh diimport, dikilang dan dijual atau dibekalkan di Malaysia.
3. Pada masa ini, tiada keluaran berasaskan kanabis bagi tujuan perubatan yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, satu keluaran berasaskan kanabis dengan jenama Sativex telah didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah. Namun, keluaran ini telah dibatalkan pendaftarannya pada tahun 2017 atas permohonan pemegang pendaftaran keluaran tersebut kerana tiada permintaan dan pasaran bagi penggunaannya.
4. Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menekankan bahawa undang-undang sedia ada yang mengawal selia ubat-ubatan, racun, bahan psikotropik dan dadah berbahaya telah sedia membernarkan pengimportan, penjualan, pembekalan dan pemilikan keluaran yang mengandungi dadah berbahaya dan racun termasuklah keluaran berasaskan kanabis bagi tujuan perubatan tertakluk pematuhan kepada akta-akta tersebut.
5. Justeru, sekiranya terdapat mana-mana pihak yang mempunyai bukti saintifik yang mencukupi untuk penggunaan keluaran berasaskan kanabis bagi tujuan perubatan manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia mengalu-alukan

pihak berkenaan untuk mengemukakan permohonan pendaftaran keluaran tersebut kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan seterusnya untuk dipasarkan di Malaysia.

6. Berhubung penanaman kanabis atau hemp, dimaklumkan bahawa penanaman kanabis di Malaysia adalah dilarang di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 yang diperuntukkan di bawah subseksyen 6B(1) Akta tersebut. Namun larangan ini tidak menghalang Menteri Kesihatan untuk memberi kebenaran kepada pegawai awam untuk menanam kanabis bagi tujuan penyelidikan (research), pendidikan (educational), eksperimen (experimental) atau perubatan (medical) di suatu tempat dan dengan tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh ditetapkan dalam kebenaran tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 6B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Justeru, buat masa ini, penanaman kanabis hanya dibenarkan oleh orang dan bagi tujuan tersebut sahaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 3 MAC 2025 (ISNIN)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian menawarkan program latihan TVET bagi sektor peladangan, khususnya dalam bidang kepakaran teknikal, automasi dan pengurusan ladang khususnya bagi warga di Sabah dan Sarawak yang merupakan pengeluar sawit yang terbesar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) mempunyai 32 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh negara termasuklah di Sabah dan Sarawak. Sabah mempunyai dua (2) Institut Latihan Perindustrian (ILP) iaitu di Kota Kinabalu dan Sandakan, manakala di Sarawak pula, ILP terletak di Kota Samarahan dan Miri yang menawarkan kursus-kursus teknikal termasuklah Teknologi Pembuatan (Pemesinan) dan Teknologi Penyenggaraan Mekanikal yang mempunyai kaitan dengan pengurusan jentera dalam pelbagai industri termasuk industri perladangan.

KESUMA melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) turut melaksanakan program peningkatan kemahiran (*up-skilling*) dan latihan semula (*re-skilling*) untuk meningkatkan bilangan pekerja tempatan berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri dalam sektor-sektor kritikal termasuk sektor perladangan. Pembiayaan program latihan dan pembangunan kapasiti tenaga kerja Malaysia dibiayai melalui pungutan levi daripada majikan. Melalui levi ini, majikan di Sabah dan Sarawak boleh memohon kepada PSMB untuk menghantar pekerja mereka mengikuti kursus peningkatan kemahiran dan latihan semula dakam bidang teknikal dan automasi perladangan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi di kedua-dua negeri.

Sekian, terima kasih.